PERAK
2030
PERAK
SEJAHTERA
IPOH
LAPORAN KEMAJUAN
TAHUN KEDUA
PERAK SEJAHTERA 2030



Maklumat yang terdapat dalam dokumen ini adalah berdasarkan kepada dapatan Sesi Libat Urus Pengisian Input Laporan Kemajuan Perak Sejahtera 2030 Tahun Kedua yang telah diadakan pada 23 – 25 April 2024 dan maklumat yang diterima sehingga 13 Mei 2024.

Sebarang maklum balas dan pertanyaan mengenai dokumen
ini hendaklah diajukan kepada:

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000, Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Institut Darul Ridzuan
B-1-9, Greentown Suria, Jln Dato Seri Ahmad Said, Kampung Kastam Greentown, 30450 Ipoh, Perak

Dihasilkan dan direka letak oleh:

INSTITUT DARUL RIDZUAN

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-0165-17-2

KANDUNGAN

1 Kata Pengantar YAB Menteri Besar Perak 3

2 Kata Pengantar YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 4

3 Sepintas Lalu : Perjalanan Perak Sejahtera 2030 5

4 Indeks Kesejahteraan Perak 13

5 Prestasi Sosioekonomi Negeri Perak 15

6 Belanjawan Negeri Perak 2024 19

7 Pemacu Perubahan Ekonomi Perak Sejahtera 2030 23

8 Barisan Kepimpinan Kerajaan Negeri Perak 25

9 Lawatan Kerja Kerajaan Negeri Perak 26

10 Pencapaian dan Kemajuan Perak Sejahtera 2030

- Sejahtera Ekonomi 37
- Sejahtera Sosial 93
- Sejahtera Politik 215

11 Kad Laporan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak 259

KATA PENGANTAR YAB MENTERI BESAR PERAK

Assalamualaikum WBT dan Salam Perak Sejahtera 2030.

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Laporan Kemajuan Perak Sejahtera 2030 Tahun Kedua ini dapat diterbitkan. Laporan ini merupakan manifestasi usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan visi dan misi Perak Sejahtera 2030 dapat direalisasikan dengan jayanya sekali gus menjadi bukti komitmen Kerajaan Negeri dalam melaksanakan pelan pembangunan yang holistik dan inklusif demi kesejahteraan seluruh rakyat negeri Perak.

Perak Sejahtera 2030 dirangka dengan matlamat yang jelas untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan, memperkukuh daya saing negeri, dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dalam tempoh dua tahun pelaksanaan pelan ini, pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan dengan jayanya, mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk membawa perubahan positif kepada masyarakat.

Laporan Kemajuan Perak Sejahtera 2030 Tahun Kedua ini menggariskan pelbagai pencapaian penting dalam pelbagai sektor seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan, alam sekitar, infrastruktur, pembangunan modal insan, tadbir urus kerajaan, dan pelbagai pencapaian lain. Memasuki tahun kedua pelaksanaan Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri kini lebih memfokuskan kepada pelaksanaan dan pemantauan kemajuan Perak Sejahtera 2030 melalui dua (2) komponen, iaitu Petunjuk Prestasi Utama Perak Sejahtera, dan Indeks Kesejahteraan Perak. Justeru itu, Kerajaan Negeri kini dalam gerak kerja memperkemas Pelan Tindakan Perak Sejahtera 2030 dengan memfokuskan kepada pendekatan S.M.A.R.T, iaitu *specific* (khusus), *measurable* (boleh diukur), *achievable* (boleh dicapai), *relevant* (berkaitan), dan *time bound* (ketetapan masa).

Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengambil kesempatan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang tanpa jemu dan lelah menyumbang kepada pelaksanaan pelan ini. Sesungguhnya, kerjasama erat antara semua pihak merupakan kunci kejayaan dalam mencapai matlamat Perak Sejahtera 2030.

Diharapkan laporan yang dikongsikan ini dapat dijadikan panduan dan rujukan yang berguna kepada semua pihak dalam merangka dan melaksanakan program-program pembangunan pada masa hadapan, di samping menyuntik semangat kepada kita sebagai rakyat Perak untuk terus berganding bahu membangunkan negeri tercinta ini selaras dengan matlamat Perak Makmur Rakyat Sejahtera. Semoga segala usaha dalam merealisasikan Perak Sejahtera 2030 akan sentiasa dipermudahkan oleh-Nya.

YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

KATA PENGANTAR YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

Assalamualaikum WBT dan Salam Perak Sejahtera 2030.

Perak Sejahtera 2030 merupakan pelan pembangunan jangka panjang yang memerlukan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, pemimpin masyarakat, dan rakyat Perak. Dengan menangani bidang utama seperti pembangunan ekonomi, modal insan, kelestarian, dan kesejahteraan sosial, inisiatif ini bertujuan untuk memanfaatkan potensi Perak sepenuhnya dan mewujudkan masa depan yang makmur, inklusif, dan mampan untuk semua penduduknya.

Perak Sejahtera 2030 telah selesai tahun kedua pelaksanaannya. Justeru itu, mungkin terlalu awal untuk melihat kesemua impak dan hasil positifnya. Namun, beberapa perkembangan perkara positif dapat disaksikan sejak pelancaran pelan tersebut termasuk peningkatan pelaburan dalam sektor ekonomi utama seperti pembuatan, logistik dan pelancongan, transformasi digital yang pantas, pengutamaan aspek kelestarian dalam rancangan pemajuan, pembangunan modal insan secara agresif serta pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang lebih progresif.

Pelaksanaan dasar perlu telus dan terbuka kepada penilaian awam bermula dari penggubalan sehingga kepada penilaian dasar. Maklumat mengenai tujuan, matlamat, proses dan hasil dasar perlu didedahkan dengan jelas kepada rakyat. Oleh itu, Laporan Kemajuan Tahun Kedua ini dan *Dashboard* Perak Sejahtera 2030 menjadi bukti kepada keterbukaan Kerajaan Negeri dalam melaporkan pencapaian Perak Sejahtera kepada rakyat. *Dashboard* Perak Sejahtera 2030 boleh dicapai dalam laman sesawang **www.peraksejahtera.com**

Penjawat awam merupakan jentera penggerak kepada pelaksanaan Perak Sejahtera 2030. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua penjawat awam di negeri Perak memberikan komitmen sepenuhnya terhadap matlamat dan inisiatif Perak Sejahtera 2030. Lakukan tugas dengan berintegriti dan profesionalisme yang tinggi untuk memastikan pelaksanaan yang cekap dan berkesan. Tunjukkan keterbukaan kepada idea konstruktif dan pendekatan baharu dalam melaksanakan inisiatif Perak Sejahtera 2030. Kita perlu berinovasi dan mempunyai pemikiran kreatif untuk menangani cabaran dan mencari penyelesaian yang lebih berkesan. Pastikan pemantauan dan penilaian kemajuan pelaksanaan Perak Sejahtera 2030 dibuat secara berterusan bagi membolehkan penambahbaikan dan pelarasan dibuat dari semasa ke semasa.

Perak Sejahtera 2030 adalah milik seluruh rakyat Perak. Justeru itu, saya berharap kita bersama-sama mendukung cita-cita murni yang dihasratkan melalui Perak Sejahtera 2030. Saya doakan semoga perjalanan Perak Sejahtera 2030 seterusnya bergerak dalam momentum yang lebih bertenaga dan berupaya mengangkat negeri Perak dalam kelasnya yang tersendiri.

YB DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

2030
PERAK
SEJAHTERA

Sepintas Lalu : Perjalanan Perak Sejahtera 2030

Perak Sejahtera 2030 telah dilancarkan pada 15 Jun 2022 sebagai *blueprint* atau pelan pembangunan negeri Perak yang menetapkan dasar-dasar strategik bagi menjadikan Perak negeri maju, berdaya saing dan mampan. Pelan ini mengadaptasikan pendekatan yang lebih proaktif dengan berpaksikan konsep membawa rakyat bersama-sama membina masa depan sebuah negeri yang mampu mengharungi cabaran masa hadapan yang semakin rencam.

1 Februari 2021

Majlis *Executive Talk* dan Perutusan Tahun Baru YAB Menteri Besar Perak Tahun 2021

Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan

29 Mac 2021

Pelancaran *Roadmap* Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030

Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan

1 Mac 2021 -7 Jun 2022

[redacted]

15 Jun 2022

Majlis Pelancaran Perak Sejahtera 2030

Kinta Riverfront Hotel and Suites, Ipoh

23 – 24 Ogos 2022

Perak Sejahtera 2030: *State Leadership Summit* 2022

Hotel Casuarina@Meru, Ipoh

15 - 16 Mei 2023

[redacted]

15 Jun 2023

Majlis Sambutan Setahun Perak Sejahtera 2030

Pusat Konvensyen Ipoh

20 November 2023

Bengkel Pembangunan Pelan Tindakan Petunjuk Pencapaian Utama (KPI) Perak Sejahtera 2030

Kinta Riverfront Hotel and Suites, Ipoh

1 Disember 2023

Pembentangan Belanjawan Perak Tahun 2024

Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak

14 Disember 2023

Perak *Economic Outlook* 2024

Dewan Banquet, Bangunan Perak Darul Ridzuan

10 Januari 2024

9 – 30 Januari 2024

Bengkel Penetapan Petunjuk Pencapaian Utama (KPI) Perak Sejahtera 2030

Bangunan Perak Darul Ridzuan

5 – 6 Mac 2024

State Leadership Retreat 2024

Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah

10 Jun 2024

Majlis Pembentangan Laporan Kemajuan Tahun Kedua Perak Sejahtera 2030

Dewan Merdeka, Seri Manjung

2030 PERAK SEJAHTERA

Keperluan Utama Rakyat



Prinsip Perak Sejahtera 2030

Agenda Perak Sejahtera 2030

1. Sekuriti Makanan
2. Ekonomi Digital
3. Koridor TVET
4. Perlombongan Bertanggungjawab
5. Pembuatan Keputusan Berpacukan Data
6. Tadbir urus Projek Berkepentingan Negeri

Berdasarkan *State Leadership Retreat* 2023 pada 15 – 16 Mei 2023, tiga (3) lagi agenda baharu akan difokuskan untuk memantapkan pelaksanaan pelan Perak Sejahtera 2030, iaitu:

+ 7 Pembangunan Sosial
+ 8 Kelestarian Alam dan Biodiversiti
+ 9 Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)



Sasaran
Perak Sejahtera 2030

Sejahtera Ekonomi

- Memberi fokus kepada pengurusan sumber, iaitu sumber insan, sumber buatan, dan sumber alam secara cekap, berkesan dan lestari.
- Mengoptimumkan peluang dan potensi ekonomi sekali gus memberi manfaat secara langsung kepada rakyat, di samping menjadikan Perak sebagai destinasi utama pelaburan berkualiti.

Sejahtera Sosial

Tiga (3) komponen utama:

- Pengurusan keperluan hidup.
- Peluang mobiliti sosial.
- Pengurusan masalah sosial.

Sejahtera Politik

- Memupuk elemen kepimpinan yang berwibawa, tadbir urus kerajaan yang cekap dan telus serta penyampaian perkhidmatan yang cekap.
- Pelaksanaan dasar hendaklah memberi manfaat yang besar kepada rakyat.
- Pendigitalan perkhidmatan kerajaan menjadi pemacu perubahan sistem penyampaian dalam memudahkan urusan rakyat secara cekap dan pantas.

2030 PERAK SEJAHTERA

Pengkhususan Daerah Perak Sejahtera 2030

Peta Perak

Rumah Perak Sejahtera 2030

Perak Makmur, Rakyat Sejahtera



Indeks Kesejahteraan Perak

Indeks Kesejahteraan Perak dibangunkan untuk menilai tahap keberhasilan program dan projek di bawah pelan Perak Sejahtera 2030.

Indeks Kesejahteraan Perak 2021

Kesejahteraan Perak	2021 : 101.47 2020 : 100.00	1.47% ↑
Sasaran Sejahtera Sosial	2021 : 100.62 2020 : 100.00	0.62% ↑
Sasaran Sejahtera Ekonomi	2021 : 100.73 2020 : 100.00	0.73% ↑
Sasaran Sejahtera Politik	2021 : 103.06 2020 : 100.00	3.06% ↑

Indeks Kesejahteraan Perak 2022

Kesejahteraan Perak	2022 : 102.83 2021 : 101.47	1.36% ↑
Sasaran Sejahtera Sosial	2022 : 103.17 2021 : 100.62	2.55% ↑
Sasaran Sejahtera Ekonomi	2022 : 101.91 2021 : 100.73	1.18% ↑
Sasaran Sejahtera Politik	2022 : 103.40 2021 : 103.06	0.34% ↑

Mengandungi **3** Sasaran Keberhasilan :

Sejahtera Sosial **Sejahtera Ekonomi** **Sejahtera Politik**

Terdiri daripada **23** Tema Keberhasilan :

Sasaran Sejahtera Sosial: **13 Tema Keberhasilan**

Sasaran Sejahtera Ekonomi: **7 Tema Keberhasilan**

Sasaran Sejahtera Politik: **3 Tema Keberhasilan**

Meliputi **133** petunjuk keberhasilan sosial, ekonomi dan politik

Sumber: Kerajaan Negeri Perak

2021
Sejahtera Sosial
Kanak-kanak
2021 : 103.13
2020 : 100.00
Kesihatan Awam
2021 : 99.36
2020 : 100.00
Keselamatan Awam
2021 : 100.39
2020 : 100.00
Perumahan
2021 : 100.93
2020 : 100.00
Asas Kemasyarakatan
2021 : 99.39
2020 : 100.00
Alam Sekitar dan Amalan Teknologi Hijau
2021 : 101.34
2020 : 100.00
Pengangkutan
2021 : 105.00
2020 : 100.00
Seni Budaya dan Warisan
2021 : 90.00
2020 : 100.00
Belia
2021 : 100.00
2020 : 100.00
Wanita
2021 : 97.57
2020 : 100.00
Keluarga
2021 : 100.29
2020 : 100.00
Warga Tua
2021 : 109.33
2020 : 100.00
Orang Kurang Upaya
2021 : 107.45
2020 : 100.00
-0.64%
3.13%
7.45%
9.33%
0.29%
-2.43%
0.00%
5.00%
1.34%
-0.61%
Sejahtera Ekonomi
Agihan Kekayaan, Kumpulan Pendapatan dan Kemiskinan
2021 : 104.28
2020 : 100.00
Penduduk
2021 : 97.73
2020 : 100.00
Pelaburan
2021 : 100.00
2020 : 100.00
Industri Utama
2021 : 100.08
2020 : 100.00
Keusahawanan
2021 : 100.00
2020 : 100.00
Sumber Insan dan Persekitaran Kerja
2021 : 103.71
2020 : 100.00
Pendidikan
2021 : 99.29
2020 : 100.00
-2.27%
0.00%
3.71%
-0.71%
Sejahtera Politik
Tadbir Urus Kerajaan
2021 : 105.44
2020 : 100.00
Perpaduan Nasional
2021 : 99.00
2020 : 100.00
Kepimpinan
2021 : 104.76
2020 : 100.00
5.44%


2022
Sejahtera Sosial
Kanak-kanak
2022 : 100.00
2021 : 103.13
Kesihatan Awam
2022 : 100.00
2021 : 99.36
Keselamatan Awam
2022 : 100.00
2021 : 100.39
Perumahan
2022 : 101.76
2021 : 100.93
Asas Kemasyarakatan
2022 : 104.13
2021 : 99.39
Alam Sekitar dan Amalan Teknologi Hijau
2022 : 108.75
2021 : 101.34
Pengangkutan
2022 : 110.00
2021 : 105.00
Seni Budaya dan Warisan
2022 : 100.00
2021 : 90.00
Belia
2022 : 100.00
2021 : 100.00
Wanita
2022 : 100.00
2021 : 97.57
Keluarga
2022 : 102.13
2021 : 100.29
Warga Tua
2022 : 108.52
2021 : 109.33
Orang Kurang Upaya
2022 : 105.96
2021 : 107.45
-3.13%
0.64%
-1.49%
-0.39%
-0.81%
0.83%
1.84%
4.74%
2.43%
7.41%
0.00%
5.00%
10.00%
Sejahtera Ekonomi
Agihan Kekayaan, Kumpulan Pendapatan dan Kemiskinan
2022 : 103.16
2021 : 104.28
Penduduk
2022 : 99.18
2021 : 97.73
Pelaburan
2022 : 100.00
2021 : 100.00
Industri Utama
2022 : 104.52
2021 : 100.08
Keusahawanan
2022 : 100.00
2021 : 100.00
Sumber Insan dan Persekitaran Kerja
2022 : 106.66
2021 : 103.71
Pendidikan
2022 : 99.86
2021 : 99.29
-1.12%
1.45%
0.00%
4.44%
2.95%
0.00%
0.57%
Sejahtera Politik
Tadbir Urus Kerajaan
2022 : 104.26
2021 : 105.44
Perpaduan Nasional
2022 : 104.20
2021 : 99.00
Kepimpinan
2022 : 101.74
2021 : 104.76
5.20%
-1.18%
-3.02%

Prestasi Sosioekonomi Negeri Perak

Prestasi Ekonomi

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Perak 2019-2022

	2019	2020	2021	2022
Nilai (RM Bilion)	76.0	74.3	76.9	80.2
Kadar Pertumbuhan	4.1	-2.3	3.6	4.3

*Sumber: *Pocket Stat* Suku Keempat 2023

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Sektor

Sektor Perlombongan & Pengkuarian

2022 **RM437.6 juta**
2021 **RM401.8 juta**

Sektor Perkhidmatan

2022 **RM50.7 bilion**
2021 **RM47.3 bilion**

Sektor Pertanian

2022 **RM11.3 bilion**
2021 **RM11.8 bilion**

Sektor Pembuatan

2022 **RM15.6 bilion**
2021 **RM15.5 bilion**

Sektor Pembinaan

2022 **RM2.0 bilion**
2021 **RM1.9 bilion**

*Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Perak Tahun 2022

Prestasi Pelaburan Negeri Perak Tahun 2023

RM8.5 bilion

Pelaburan asing:
RM2.1 bilion

356 Projek

Pelaburan domestik:
RM6.4 bilion

3,584 Peluang Pekerjaan

Sektor Perkhidmatan
RM5.72 bilion

Sektor Pembuatan
RM2.77 bilion

Sektor Utama
RM12 juta

*Sumber: *InvestPerak*

Aliran Masuk Pelaburan Negeri Perak bagi Tahun 2022-2023



Prestasi Pelancongan Negeri Perak

STATISTIK PELANCONGAN

Pelawat Domestik

2022 - 14.57 juta
2021 - 4.49 juta

Pelancong

2022 - 6.87 juta
2021 - 1.36 juta

Pengeluaran Sumber Makanan di Negeri Perak Tahun 2023

Kadar Sara Diri Beras
(Berada pada paras 98%)

2022 - 269,790 Tan Metrik
2023 - 272,764 Tan Metrik

Sektor Ternakan: Lembu Tenusu

Menghasilkan - **6,918 juta Liter Susu Segar Setahun**

Jumlah pengeluaran melebihi keperluan - **5,724 juta Liter**

Sektor Perikanan
(Perak sebagai Negeri Pengeluar Ikan Tertinggi)

Menghasilkan - **300,000 tan metrik**

Sektor Ternakan: Ayam

315 Ladang Ayam Pedaging
26,360 Juta Ekor Ayam

Menghasilkan - **322,612 Tan Metrik Ayam**

Jumlah pengeluaran melebihi keperluan - **130,848 Tan Metrik**

21 Ladang Ayam Penelur
11,250,500 Juta Ekor Ayam

Menghasilkan - **2.1 bilion Biji Telur Setahun**

Jumlah pengeluaran melebihi keperluan - **1 bilion Biji Telur**

*Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perak

Statistik Sosial

Demografi Sosial



Lelaki
1.32 juta

Perempuan
1.22 juta

Jumlah
2.54 juta

*Sumber: *Pocket Stat* Suku Keempat 2024

Statistik Utama Tenaga Buruh

Tenaga Buruh ('000)	2021 - 1,100.6 2022 - 1,188.8	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	2021 - 64.5% 2022 - 65.2%
Bilangan Penduduk Bekerja ('000)	2021 - 1,042.6 2022 - 1,066.8	Kadar Pengangguran	2021 - 5.3% 2022 - 4.6%

*Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Perak Tahun 2022

Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Kemahiran ('000)

Mahir

2020	245.7
2021	269.5
2022	301.6

Separuh Mahir

2020	676.9
2021	663.8
2022	644.9

Berkemahiran Rendah

2020	120.1
2021	109.3
2022	120.3

*Sumber: *Pocket Stat* Suku Keempat 2024

Belanjawan Perak 2024

PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

RM1.77 bilion
(RM1,773,884,358.00)

423 PROJEK/PROGRAM DI BAWAH *ROLLING PLAN* 4 RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RP4, RMKe-12)
RM 1.75 BILION

35 PROJEK/PROGRAM DI BAWAH *ECOLOGICAL FISCAL TRANSFER* (EFT) *FOR BIODIVERSITY CONSERVATION*
RM 13.1 JUTA

TOURISM MALAYSIA BAGI PROGRAM PROMOSI SEMPENA TAHUN MELAWAT PERAK
RM 1.0 JUTA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) BAGI PELAKSANAAN PROJEK/PROGRAM PEMULIHARAAN, UBAH SUAI/NAIK TARAF KEMUDAHAN FASILITI PELANCONGAN
RM 11.3 JUTA

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN DI WARISAN ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG

PEMBANGUNAN PUSAT KECEMERLANGAN NANAS WILAYAH UTARA,

PEMULIHAN TANAH SAWAH ESTET PADI FELCRA SEBERANG PERAK, DAERAH PERAK TENGAH

MEMBINA JALAN BAHARU KE RPT SG IPIL DARI FT69 KE JALAN SUNGAI DULANG KE SG IPIL, DAERAH BAGAN DATUK

PENGGANTIAN JAMBATAN SEDIA ADA YANG MERENTASI SUNGAI BERNAM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG ORANG ASLI CHANGKAT RAMU,

MEMBINA JAMBATAN BAHARU AIR KALA, LENGGONG,

RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI TROLAK, DAERAH MUALLIM

PEMBANGUNAN KOMPLEKS BAHARU JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (KPTG) PERSEKUTUAN NEGERI PERAK, DAERAH KINTA

MENAIK TARAF LEBUHRAYA TIMUR-BARAT DARI SEKSYEN 113 KE SEKSYEN 151 (FT004), GERIK, DAERAH HULU PERAK

PEMBINAAN PUSAT PAKAR PERGIGIAN PERAK DAN FARMASI LOGISTIK PEJABAT KESIHATAN DAERAH KINTA

PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN JENIS 3 HUTAN MELINTANG, DAERAH BAGAN DATUK

PEMBANGUNAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SIMPANG, TAIPING, DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA

PEMBINAAN IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN (IPK) PERAK DAN KUARTERS PERUMAHAN, DAERAH KINTA

PEMBUKAAN KAWASAN PERINDUSTRIAN BERTEKNOLOGI TINGGI DI DAERAH KERIAN

BELANJAWAN 2024 NEGERI PERAK

HASIL & TERIMAAN PEMBANGUNAN

RM1.28 BILION (RM1,279,500,000.00)

HASIL CUKAI	HASIL BUKAN CUKAI
RM 657.7 JUTA	RM 392.2 JUTA
TERIMAAN BUKAN HASIL	**TERIMAAN PEMBANGUNAN**
RM 192.6 JUTA	RM 37.0 JUTA

RM491.0 J
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
36.5%
*Kenaikan Belanja Pembangunan
RM96.0 JUTA (24.3%)

63.5%
RM856.0 J
PERBELANJAAN MENGURUS

- EMOLUMEN **RM404.3 JUTA**
- PERKHIDMATAN & BEKALAN **RM316.7 JUTA**
- BEMBELIAN ASET **RM15.3 JUTA**
- PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP **RM113.8 JUTA**
- LAIN-LAIN PERBELANJAAN **RM5.9 JUTA**
- KELULUSAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT) TAMBAHAN KHAS DAN KGT BIASA
- KENAIKAN AWARD WANG TUNAI GCR DAN KADAR MAKSIMUM GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

FOKUS 1
KESEJAHTERAAN RAKYAT
RM384.1 JUTA

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
RM 42.8 JUTA

KAD PERAK SEJAHTERA
RM 24.0 JUTA

BANTUAN PROGRAM KOTAK MAKANAN
RM 5.0 JUTA

PROGRAM PERAK *CHILDREN COMMUNITY FEEDING* (PCCF)
RM 0.5 JUTA

PROGRAM RUMAH PERAKKU PRIHATIN
RM 6.0 JUTA

PROGRAM SAYANGI RUMAHKU
RM 3.0 JUTA

BAS PERAK SEJAHTERA
RM 2.0 JUTA

PEMBANGUNAN JALAN ASAS RANCANGAN PERKAMPUNGAN TERSUSUN (RPT)
RM 5.0 JUTA

PROGRAM DAN AKTIVITI KAMPUNG TRADISIONAL
RM 4.1 JUTA

PEMBANGUNAN KOMUNITI ORANG ASLI
RM 1.0 JUTA

PROGRAM JELAJAH DESAKU
RM 0.5 JUTA

PROGRAM PEMANTAPAN DAN PEMERKASAAN DESA
RM 0.5 JUTA

ELAUN PENGERUSI KAMPUNG TRADISIONAL, KG. BARU CINA & INDIA
RM 3.7 JUTA

PROGRAM TABARRU' KHAIRAT KEMATIAN
RM 4.0 JUTA

PERKHIDMATAN PENGUMPULAN DATA DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT ISI RUMAH BAGI SISTEM e-Perak
RM 0.5 JUTA

BAIK PULIH & BINA BARU MASJID SERTA SURAU
RM 15.0 JUTA

KOMUNITI DAN KAMPUNG CINA
RM 5.0 JUTA

KOMUNITI DAN KAMPUNG INDIA SERTA KAUM-KAUM LAIN
RM 5.0 JUTA

PELBAGAI PROGRAM INTEGRASI NASIONAL
RM 0.05 JUTA

PEMBANGUNAN & KEBAJIKAN KANAK-KANAK & ANAK YATIM
RM 0.8 JUTA

PROGRAM PEMBANGUNAN WARGA EMAS
RM 0.2 JUTA

SEKRETARIAT WANITA PERAK
RM 1.9 JUTA

PROGRAM PENDAYAUPAYAAN WANITA & KEBAJIKAN MASYARAKAT
RM 1.0 JUTA

PROGRAM & AKTIVITI NGO
RM 1.0 JUTA

KOMPLEKS PENGASIH AMANIAYA, GOPENG
RM 0.2 JUTA

PROGRAM MEMBASMI PENYALAHGUNAAN DADAH (PEMADAM)
RM 0.2 JUTA

PROGRAM MENANGANI PENYALAHGUNAAN DADAH (AADK)
RM 0.2 JUTA

PROGRAM PINJAMAN TABUNG USAHAWAN (YAYASAN PERAK)
RM 2.0 JUTA

SEKRETARIAT USAHAWAN NEGERI PERAK
RM 1.3 JUTA

PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
RM 1.0 JUTA

PENAMBAHBAIKAN PRASARANA & PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAERAH
RM 159.9 JUTA

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
RM 18.5 JUTA

PROGRAM-PROGRAM PENERANGAN NEGERI PERAK
RM 1.7 JUTA

PELBAGAI NAIK TARAF SISTEM ATAS TALIAN
RM 0.5 JUTA

PENYELENGGARAAN PORTAL JABATAN NEGERI PERAK
RM 0.5 JUTA

JENTERA PENTADBIRAN KERAJAAN DI SEMUA PERINGKAT
RM 45.5 JUTA

PROGRAM-PROGRAM KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN PELAKSANAAN PELBAGAI PROJEK INFRASTRUKTUR KECIL
RM 25.0 JUTA

FOKUS 2
TADBIR URUS PROJEK BERKEPENTINGAN NEGERI
RM393.4 JUTA

JABATAN KERJA RAYA (JKR)
RM 188.1 JUTA

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) & EFT
RM 118.4 JUTA

TOURISM PERAK
RM 10.0 JUTA

PROJEK INFRASTRUKTUR SEMPENA TMP2024
RM 7.0 JUTA

PELBAGAI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN
RM 1.2 JUTA

PROJEK MENAIK TARAF UTILITI TAPAK EKOPELANCONGAN TAMAN ALAM KINTA, KAMPAR (PERBADANAN TAMAN NEGERI)
RM 1.8 JUTA

UNIT PULAU BEBAS CUKAI
RM 0.7 JUTA

MAJLIS KEBUDAYAAN NEGERI
RM 0.5 JUTA

PELBAGAI PROGRAM & PEMANTAUAN PERAK SEJAHTERA 2030
RM 5.0 JUTA

INVESTPERAK
RM 2.8 JUTA

TABUNG AMANAH KAJIAN
RM 1.5 JUTA

LEMBAGA PENGURUSAN SUMBER AIR NEGERI PERAK
RM 1.5 JUTA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
RM 16.1 JUTA

PENGAMBILAN TANAH
RM 20.0 JUTA

MENAIK TARAF, PENYELENGGARAAN ATAU PEMBAIKAN PELBAGAI KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI
RM 9.0 JUTA

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
RM 3.8 JUTA

PEMBANGUNAN SISTEM e-Belanjawan Perak
RM 0.1 JUTA

PERKHIDMATAN INTERNET DI JABATAN DAN AGENSI NEGERI
RM 2.53 JUTA

MENAIK TARAF SISTEM PERAKAUNAN DI PERBADANAN TAMAN NEGERI, MAJLIS SUKAN NEGERI DAN LEMBAGA MUZIUM
RM 1.0 JUTA

JAWATANKUASA TETAP EXCO
RM 2.0 JUTA

INSTITUT DARUL RIDZUAN
RM 3.4 JUTA

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI
RM 11.5 JUTA

PORT
RM 3.0 JUTA

PELBAGAI PROGRAM KESIHATAN
RM 0.2 JUTA

PELBAGAI PROGRAM KESATUAN SEKERJA
RM 0.25 JUTA

MAJLIS SUKAN NEGERI (MSN)
RM 24.4 JUTA

PENYEDIAAN BILIK HIDROTERAPI ATLET DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN MSN
RM 2.43 JUTA

PROGRAM SUKAN DAN SUKAN OKU
RM 0.6 JUTA

PENGANJURAN *SPORTS TOURISM* SEMPENA TMP 2024
RM 0.4 JUTA

FOKUS 3
PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN BELIA
RM202.4 JUTA

BANTUAN KHAS PENDIDIKAN
RM 13.2 JUTA

BANTUAN PENDIDIKAN PER KAPITA KEPADA PELAJAR SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN
RM 4.0 JUTA

BANTUAN PENDIDIKAN PER KAPITA PELAJAR SEKOLAH TAHFIZ DAN PONDOK
RM 2.0 JUTA

PROGRAM *BACK TO SCHOOL*
RM 2.0 JUTA

BIASISWA MENTERI BESAR
RM 1.0 JUTA

TABUNG SIMPANAN PENDIDIKAN ANAK PERAK (TASPEN)
RM 0.6 JUTA

SUMBANGAN PENDIDIKAN
RM 0.6 JUTA

BANTUAN SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS
RM 0.2 JUTA

PROGRAM PEMANTAPAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH
RM 0.2 JUTA

PROGRAM PEMANTAPAN PELAJAR SPM, STPM DAN STAM
RM 0.2 JUTA

INSENTIF SISWA DALAM NEGARA
RM 6.0 JUTA

INSENTIF SISWA LUAR NEGARA
RM 0.2 JUTA

UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS)
RM 5.0 JUTA

PROGRAM SARA DIRI DAN KECEMASAN MAHASISWA
RM 2.0 JUTA

WORLD CONFERENCE ON ISLAMIC THOUGHT AND CIVILIZATION (WOT)
RM 0.5 JUTA

PROGRAM PENGUPAYAAN MAHASISWA
RM 0.4 JUTA

PROGRAM TEDUHAN KASIH ANAK-ANAK PERAK
RM 0.2 JUTA

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK (JAIPK)
RM 102.9 JUTA

PROGRAM MENAIKTARAF PELBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM
RM 5.0 JUTA

PASAK
RM 3.5 JUTA

TVET
RM 5.5 JUTA

PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA
RM 0.4 JUTA

DUN BELIA
RM 0.4 JUTA

PROGRAM SANTAI ANAK MUDA
RM 0.18 JUTA

FOKUS 4
KELESTARIAN ALAM SEKITAR
RM66.3 JUTA

JABATAN PERHUTANAN & EFT
RM 53.9 JUTA

PROGRAM PERAK LESTARI DAN TEKNOLOGI HIJAU
RM 1.4 JUTA

PELBAGAI PROGRAM DAN PROJEK SUMBER ASLI
RM 0.49 JUTA

PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK & EFT
RM 7.6 JUTA

MAJLIS DAERAH LENGGONG (EFT)
RM 1.6 JUTA

PENYELENGGARAAN TAPAK REPOSITORI MUKIM BELANIA

UNIT WARISAN DAN PELANCONGAN
RM 0.35 JUTA

FOKUS 5
KETERJAMINAN BEKALAN MAKANAN
RM63.3 JUTA

JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK
RM 33.3 JUTA

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
RM 23.6 JUTA

JABATAN PERIKANAN & EFT
RM 2.5 JUTA

SUBSIDI KELANGSUNGAN INDUSTRI AGROMAKANAN
RM 1.0 JUTA

MAHA
MALAYSIAN AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM (MAHA)
RM 2.5 JUTA

PELBAGAI INDUSTRI PERTANIAN
RM 0.35 JUTA

Pemacu Perubahan Ekonomi Perak Sejahtera 2030

Perak memfokuskan kepada lima (5) projek berimpak tinggi yang bakal menjadi pemacu perubahan ekonomi Perak Sejahtera 2030 dipacu agenda di peringkat Kerajaan Persekutuan termasuk pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dalam menerajui sektor industri berteknologi tinggi dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kerja (NETR) dalam menggerakkan pelaburan sektor bernilai tinggi yang bakal menjadikan negeri Perak sebagai destinasi pilihan pelabur.

Automotive High Technology Valley (AHTV)

Kawasan perindustrian baharu di Tanjong Malim telah dijenamakan menjadi *Automotive High Technology Valley* (AHTV) yang bakal menjadi hab automotif bertaraf global bagi kenderaan tenaga baharu (NEV).

Sasaran :

- Pelaburan bernilai RM32.0 bilion.
- Dijangka mencipta sekurang-kurangnya 160,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun.
- Membangunkan ekonomi di kawasan setempat dan limpahan ekonomi di kawasan sekitar.

Taman Industri Halal Perak@Lekir (Perak HIP)

Taman Industri Halal Perak@Lekir atau Perak HIP merupakan kesinambungan daripada Program Lembu Tempatan yang dilaksanakan oleh Perak SADC sejak tahun 2022 dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM1 bilion. Pembangunan kawasan yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025 ini melibatkan keluasan tanah seluas 43 hektar dengan tiga (3) fasa pembangunan yang didokong oleh Lebuhraya Pantai Barat (WCE). Perak HIP ini juga akan menjadi *One Stop Center* dan Pusat Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) industri daging halal sebagai satu daripada langkah menyokong dasar kerajaan bagi keterjaminan makanan.

Sasaran :

- Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bernilai RM1 bilion.
- Menyediakan 300 peluang pekerjaan melalui kerjasama kerajaan dan swasta.
- Meningkatkan produktiviti industri pedaging di negeri Perak ke tempat ke-4 di Malaysia berbanding ke-6 ketika ini.

Bandar Perindustrian Maritim Lumut (LuMIC)

Projek usaha sama antara Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan *Port of Antwerp-Bruges International* (PoABI), iaitu anak syarikat *Port of Antwerp-Bruges* yang bakal memberi manfaat kepada sektor maritim negeri Perak khususnya dalam memajukan LuMIC.

Pembangunan LuMIC bakal menyediakan infrastruktur yang berkualiti serta akses kepada laluan air di kawasan berkenaan dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi dengan membawa masuk penyertaan sektor swasta selain mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan. Selain itu, inisiatif pembangunan ini bakal membawa limpahan ekonomi kepada kawasan sekitar dan masyarakat setempat di pelbagai peringkat pembangunannya.

Sasaran :

- Dijangka menarik pelaburan swasta bernilai RM72 bilion.
- Menjana lebih 50,000 peluang pekerjaan.

Kerian *Integrated Green Industrial Park* (KIGIP)

Menerusi Belanjawan Madani 2024, kawasan perindustrian hijau berteknologi tinggi akan dibangunkan di daerah Kerian sebagai satu inisiatif untuk membina ekosistem yang lebih luas bagi kluster elektrik dan elektronik (E&E). Pembangunan kawasan ini menjadi pemangkin kepada peralihan tenaga boleh baharu sepenuhnya oleh industri-industri yang bakal dibangunkan di taman perindustrian ini sekali gus menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Sasaran :

- Menyediakan peluang pekerjaan.
- Meraih pelaburan berimpak tinggi.
- Membangunkan ekonomi di kawasan setempat dan limpahan ekonomi di kawasan sekitar.

Silver Valley Technology Park (SVTP)

Silver Valley Technology Park (SVTP) adalah projek pemangkin mampan yang akan menjadikan Perak sebagai peneraju Taman Teknologi Digital di Asia Tenggara. Kedudukan strategik SVTP yang terletak 15KM daripada pusat bandar Ipoh sekali gus telah menawarkan perhubungan logistik yang terbaik kerana mempunyai akses mudah ke lebuhraya, lapangan terbang, stesen kereta api dan pelabuhan darat. SVTP adalah *Technology Enclave* 'Generasi Baharu' yang mempunyai pengurusan taman berdedikasi yang tertumpu kepada aktiviti pembuatan bernilai tinggi dan ekonomi digital yang akan mentransformasi sosioekonomi Perak untuk manfaat rakyat dan menarik pelabur baharu.

Sasaran :

- Nilai Pembangunan Kasar (GDV) yang dianggarkan bernilai RM1.03 bilion.
- Menyasarkan lebih 13,000 peluang pekerjaan.
- Menyasarkan jumlah pelaburan keseluruhan bernilai RM14 bilion.

BARISAN KEPIMPINAN KERAJAAN NEGERI

LAWATAN KERJA YAB MENTERI BESAR PERAK

"MEMBERDAYA EKONOMI, MENEROKA SUMBER PENDAPATAN BAHARU"

- **Lawatan kerja ke Sarawak | 14 Mei 2023 hingga 18 Mei 2023**

16 Mei 2023

YAB Dato' Seri Saarani Mohamad melakukan kunjung hormat ke atas YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak di Kompleks DUN Sarawak di Petra Jaya. Dalam pertemuan ini, YAB Menteri Besar dan YAB Premier Sarawak saling berkongsi buah fikiran dalam usaha meneroka peluang kerjasama antara Perak dan Sarawak.

17 Mei 2023

YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad menghadiri Taklimat *Carbon Credit* oleh Kementerian Alam Sekitar Sarawak di Wisma Bapa Malaysia, Kuching yang menjelaskan secara terperinci mengenai ilmu dan pengalaman yang dikongsikan pihak kementerian dan pemain industri berkaitan industri *carbon credit*. YAB Menteri Besar turut berpeluang menghadiri Taklimat Insiatif Pengeluaran Hidrogen Hijau oleh Sarawak ENERGY yang membincangkan sumber hidrogen sebagai sumber tenaga utama masa hadapan dan melihat potensi teknologi melalui penghasilan tenaga hijau.

- **Lawatan kerja ke Finland dan Norway | 20 Jun 2023**

Pertemuan YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad bersama pihak Kementerian Pertanian dan Perhutanan Finland (MAFF) dan *Business Finland, Kilt and PPO-Elektroniikka Oy* dalam bertukar pandangan dan berkongsi ilmu berkaitan pengurusan sektor perhutanan melalui pengurusan hutan lestari, pengurusan hutan akasia yang mampan dan penggunaan teknologi digital diharapkan dapat diaplikasikan di negeri Perak, dalam mencontohi Finland sebagai negara terbaik di dunia dalam pengurusan sektor perhutanan dan pertanian.

YAB Menteri Besar menghadiri perjumpaan dan lawatan teknikal di Arbanout, Kilang Kesla dan Kilang John Deere serta pembentangan oleh Business Joensuu, University of Eastern Finland and Natural Resources Institute Finland (LUKE) yang memberi ilmu serta pandangan berkaitan pengurusan perhutanan yang mampan di negara itu. Perkongsian diberikan oleh pakar-pakar dari beberapa agensi di Finland mengenai dasar polisi penghutanan Finland, pengurusan hutan lestari, pengurusan hutan akasia yang mampan dan penggunaan teknologi digital untuk pengurusan hutan. Finland dikenali sebagai negara terbaik di dunia dalam mengurus sektor perhutanan.

YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad menghadiri mesyuarat bagi *investment pitching* dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dengan pengurusan tertinggi Glastad Group, di samping melawat Ladang Ternakan Salmon di *Blom Fish Farming* AS dalam usaha mengkaji ilmu, kepakaran dan teknologi dalam industri akuakultur untuk meningkatkan produktiviti industri akuakultur di Perak.

- **Lawatan kerja ke Thailand | 21 Julai 2023 hingga 23 Julai 2023**

Pengorbanan, kegigihan dan kecekalan pasukan tentera pengawal sempadan mendapat perhatian YAB Menteri Besar semasa lawatan kerja ke pagar sempadan Malaysia–Thailand di Pos Kawalan Pagar Keselamatan Malaysia-Thailand, Bukit Berapit Pengkalan Hulu bersama-sama Panglima Briged Kedua Infantri Malaysia, Briged Jeneral Asri Shukor dan Pengarah Majlis Keselamatan Negeri Perak, Tuan Khairul Ridzuan Mat Said yang turut bersama-sama dalam lawatan kerja ini.

- **Lawatan kerja ke Shanghai, Hangzhou, Nanning dan Guangzhou | 5 Oktober 2023 hingga 21 Oktober 2023**

16 Oktober 2023

YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad memulakan lawatan rasmi ke China dengan majlis menandatangi Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dengan syarikat terkemuka, Shanghai TusStar Business Incubator Co. Ltd (TusStar). Dengan kerjasama strategik ini, Kerajaan Negeri melalui PKNPk bakal memanfaatkan rangkaian global, sumber dan amalan terbaik TusStar untuk menambah baik persekitaran perniagaan untuk menggalakkan keusahawanan di Perak. Kerjasama ini mencerminkan komitmen Perak untuk menjana pertumbuhan dalam sektor digital, teknologi dan tenaga boleh diperbaharui sambil meningkatkan minat pelabur asing untuk terhadap Perak sebagai hab teknologi pilihan.

17 Oktober 2023

Lawatan kerja YAB Menteri Besar di China diteruskan ke Geely *Design Center* di Hangzhou Bay bagi melihat kecanggihan teknologi dan reka bentuk kereta yang dihasilkan dapat dibawa ke negeri Perak bagi mengembangkan sektor kenderaan elektrik (EV) melalui kolaborasi Proton-Geely.

Beliau juga berpeluang membuat lawatan kerja ke ZEEKR 4.0 *Intelligent Plant*. ZEEKR yang merupakan jenama di bawah Geely, juga merupakan rakan strategik Proton berpeluang memberi potensi pelaburan ke Perak dalam memperhebat industri automotif negara.

18 Oktober 2023

YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad bertemu dengan pihak Geely di HQ Geely, Hangzhou diketuai CEO Geely Holdings Group, Mr. Daniel Donghui Li bagi membincangkan lebih lanjut mengenai projek pelaburan di Perak yang melibatkan perjanjian kerjasama antara Geely-DRB-HICOM bagi pelaksanaan projek pelaburan AHTV di Tanjong Malim dengan nilai pelaburan sebanyak RM32 billion.

19 Oktober 2023

Lawatan kerja delegasi Kerajaan Negeri ke China semakin membuahkan kejayaan. Perak menerima pelaburan baru bernilai RM2 bilion dari Zhejiang Sinopont Technology Co. Ltd, sebuah syarikat pembuatan filem enkapsulasi solar terkemuka China. YAB Menteri Besar telah menyaksikan pemeteraian jalinan kerjasama (MoU) antara InvestPerak-Zhejiang Sinopont Technology Co. Ltd. di ibu pejabat mereka di Hangzhou, China. Pelaburan ini bukan sahaja memperkukuhkan ekosistem pembuatan panel solar di Malaysia, malah membuka peluang pekerjaan buat rakyat Perak.



20 Oktober 2023

Lawatan kerja YAB Menteri Besar di China diteruskan ke China Rare Earth Group Co. Ltd (CREG) di Kota Nanning bagi meninjau teknologi terkini pengasingan unsur nadir bumi serta meneroka potensi pelaburan di Perak. Lawatan dan kerjasama bilateral antara kedua-dua negara ini amat penting terhadap kemajuan ekonomi negeri Perak yang berpotensi menjadi hab pembangunan industri mineral di Malaysia.

- **Lawatan kerja ke Indonesia (Medan dan Bogor) | 17 Disember 2023 hingga 20 Disember 2023**

18 Disember 2023

YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad berpeluang meluangkan masa makan malam bersama anak-anak mahasiswa Malaysia yang berada di Medan dan Konsulat General Malaysia Medan, di samping bertukar-tukar cerita bagi mengubat kerinduan mereka terhadap tanah air. Beliau turut menitipkan pesanan yang membina buat mereka.

19 Disember 2023

YAB Menteri Besar berpeluang menghadiri Majlis Apresiasi bersama warga Perak SADC dan Institut Pertanian Bogor bagi meraikan persahabatan dan tanda penghargaan kepada Institut Pertanian Bogor yang sudi menerima kunjung hormat dan bersedia untuk berkolaborasi dengan Kerajaan Negeri Perak terutama Perak SADC. Majlis tersebut turut dihadiri oleh TYT Duta Besar Malaysia ke Indonesia, YBhg. Dato' Syed Md Hasrin Tengku Hussin serta delegasi Kerajaan Negeri Perak.

20 Disember 2023

Lawatan kerja di Indonesia diteruskan ke *AgriBusiness and Technology Park* di Institut Pertanian Bogor bersama delegasi Kerajaan Negeri Perak. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Akademi Sekuriti Makanan Negeri Perak bersama Institut Pertanian Bogor telah diadakan bagi memperhebatkan lagi industri sekuriti makanan di Perak melalui inovasi serta aplikasi penggunaan teknologi moden oleh Institut Pertanian Bogor.

Lawatan Kerja YAB Menteri Besar Perak ke Tahun 2024

- **Lawatan Kerja ke Arab Saudi | 21 Januari 2024 hingga 26 Januari 2024**

YAB Dato' Seri Saarani Mohamad bersama delegasi Kerajaan Negeri Perak melalui Perak SADC telah membuat lawatan kerja ke Arab Saudi dan menghadiri Makkah Halal Forum di Makkah *Chamber Exhibition and Event Centre*, Makkah bagi meluaskan jaringan dan pasaran halal antarabangsa sebagai persiapan untuk menjadi hab daging halal antarabangsa selaras dengan mewujudkan Taman Industri Halal di Lekir, Perak. Beliau turut berkesempatan mendengar pembentangan berkaitan perkembangan sektor halal di Malaysia oleh YBhg. Datuk Hajah Hakimah Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM serta melihat pameran produk-produk halal termasuk pelbagai produk dan jenama dari Malaysia antaranya Hijrah Water, Hijrah Nature Herbs dan sebagainya.

- **Lawatan Kerja ke Korea dan Jepun | 20 April 2024 hingga 27 April 2024**

23 April 2024

Lawatan rasmi YAB Menteri Besar bersama dengan delegasi Kerajaan Negeri Perak ke Korea Selatan dimulakan dengan kunjungan hormat ke kilang Star Group Industries di Daegu bagi menjana potensi pelaburan industri automotif ke negeri Perak melalui kerjasama dua hala yang bakal membuka peluang pekerjaan yang lebih luas buat rakyat Perak.

24 April 2024

YAB Dato' Seri Saarani Mohamad meneruskan lawatan kerja ke Osaka, Jepun untuk merealisasikan potensi kerjasama antara syarikat EV Motors Japan Co. Ltd. dan Kerajaan Negeri Perak dalam membangunkan ekosistem EV melalui industri kenderaan elektrik di Perak. Beliau turut meyakinkan EV Motors Japan bahawa negeri Perak adalah destinasi pelaburan terbaik yang menawarkan infrastruktur lengkap dan persekitaran kondusif untuk menyokong pengeluaran dan perkhidmatan industri kenderaan elektrik (EV) yang efisien.

25 April 2024

Lawatan kerja YAB Menteri Besar ke Suita City Resources Recycling Centre disambut baik oleh Mr Goto, Datuk Bandar Suita City serta pihak pengurusan, di samping berpeluang melihat kemajuan teknologi hijau di Suita City yang menggunakan sistem berinovatif dan kelengkapan mesin berteknologi tinggi dalam pengurusan sisa sampah. YAB Menteri Besar turut menanam harapan supaya ilmu yang diperolehi dapat diaplikasikan di Perak dalam mencontohi Suita City sebagai bandar pintar yang bersih dan mampan.

26 April 2024

Dalam Misi Pelaburan Kerajaan Negeri Perak ke Jepun, YAB Menteri Besar berpeluang menyertai upacara menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Maju Perak bersama Shizen Energy Inc. Lawatan ke Jepun memberikan impak positif terhadap hubungan dua hala Malaysia dan Jepun melalui kerjasama strategik yang bermatlamat dalam meneroka pembangunan projek fotovoltan solar yang dibina di atas darat dan menilai potensi kawasan air yang sesuai untuk projek fotovoltan terapung di negeri Perak.

27 April 2024

YAB Dato' Seri Saarani Mohamad diiringi YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Dato' Mohd Zaki Mahyudin, Pegawai Kewangan Negeri dan YB Dato' Salbiah Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta para pegawai Kerajaan Negeri Perak dalam lawatan kerja di Jepun dengan mengunjungi *Dementia-Friendly Center* di Fukuoka, di samping berkongsi pengetahuan mengenai pengurusan penghidap penyakit demensia oleh *Public Welfare Bureau*, Fukuoka City Government. YAB Menteri Besar menyemai harapan supaya ilmu yang diperolehi melalui lawatan ini dapat memberi cetusan idea untuk diaplikasikan di negeri Perak dalam memelihara kesejahteraan rakyat.

YAB Menteri Besar bersama delegasi Kerajaan Negeri Perak turut ke Kyoto untuk meneruskan Misi Pelaburan ke Jepun dengan lawatan kerja di Murata *Innovation Museum*. Lawatan rasmi beliau ke Murata *Innovation Museum* mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara negeri Perak dan Murata yang merupakan rakan kongsi dalam industri di negeri Perak sejak hampir tiga dekad lalu. Beliau berhasrat akan terjalinnya usaha dan kerjasama yang menjanjikan masa depan lebih makmur dan progresif kepada negeri Perak dalam menyokong operasi Murata sebagai pengeluar utama komponen elektrik di Malaysia.

LAPORAN KEMAJUAN TAHUN KEDUA PERAK SEJAHTERA 2030

2030
PERAK
SEJAHTERA

SEJAHTERA EKONOMI

Menyedari situasi iklim ekonomi yang masih tidak menentu, Kerajaan Negeri komited dalam menentukan bahawa perancangan dan perjalanan ekonomi sentiasa dipacu bagi merangsang pertumbuhan yang signifikan. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi yang telah dirancang dengan memberi tumpuan kepada beberapa sektor utama seperti pelaburan, pertanian, perlombongan, perkhidmatan dan pembuatan dalam membangunkan ekonomi negeri. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri memperkasa amalan kerjasama pintar, kerjasama awam dan swasta dan meningkatkan sinergi antara jabatan, agensi serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Berikut merupakan antara projek-projek yang telah dilaksanakan dan sedia untuk dilaksanakan di bawah sasaran Sejahtera Ekonomi.

Perak *Economic Outlook* 2024

Kerajaan Negeri melalui Institut Darul Ridzuan (IDR) telah menganjurkan Perak *Economic Outlook* 2024 pada 14 Disember 2023 di Bangunan Perak Darul Ridzuan. Program ini menjadi platform menggalakkan pertukaran pengetahuan, idea dan pandangan untuk mendorong pertumbuhan sosioekonomi yang mampan dan inklusif. Dengan bertemakan "Memacu Pertumbuhan Ekonomi: Mendepani Cabaran Perdana Perak Sejahtera 2030", Perak *Economic Outlook* 2024 memberi tumpuan kepada memperkukuhkan ketahanan ekonomi dalam mengharungi cabaran dan memanfaatkan peluang demi pembangunan negeri Perak.

"Perak *Economic Outlook* 2024 membuka platform pertukaran idea dan pendapat"

Penglibatan hampir 700 peserta terdiri daripada ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan, pemain industri, dan pakar-pakar bidang menghasilkan dapatan perbincangan seperti berikut:

- Membangunkan ekonomi negeri selaras dengan agenda ekonomi Kerajaan Persekutuan;
- Mempergiatkan sektor sedia ada seperti sektor pertanian, pelancongan dan lain-lain serta menerokai sektor baharu seperti ekonomi penjagaan (*care-economy*); dan
- Membangunkan sistem jaringan keselamatan sosial yang berkesan dengan menyediakan peluang yang berkualiti dan memperkasakan rakyat seterusnya mengurangkan kebergantungan rakyat kepada bantuan.

Automotive High Technology Valley (AHTV)

Penyelesaian automotif dan mobiliti yang luas kini tersedia dengan adanya penjenamaan semula kawasan perindustrian baharu di Tanjong Malim atau *Automotive High Technology Valley* (AHTV) yang bakal menjadi hab automotif bertaraf global bagi kenderaan tenaga baharu (NEV). Dijangka mencipta sekurang-kurangnya 160,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun, AHTV akan meliputi seluruh rantaian nilai daripada aspek penyelidikan, pembangunan sehingga ke pengeluar peralatan automotif bertaraf dunia yang akan disokong oleh perkhidmatan seperti logistik, latihan, dan institusi pembelajaran.

> **160,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun melalui AHTV**

Pada 11 Oktober 2023, DRB-HICOM Bhd dan Zhejiang Geely Holding Group Co Ltd melakar satu lagi pencapaian dalam pembangunan AHTV dengan pemeteraian perjanjian usaha sama antara kedua-dua syarikat itu. Manakala, pada 25 Mac 2024, YAB Perdana Menteri telah melakukan lawatan rasmi ke negeri Perak bagi membincangkan inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri termasuklah *layout masterplan* AHTV yang baharu. Di samping itu, Geely Holding juga telah mengadakan kunjungan hormat ke negeri Perak pada 8 April 2024 bagi menghadiri perbincangan lanjut mengenai pembangunan AHTV.

Lumut *Maritime Industrial City* (LuMIC)

Pada 11 Disember 2023, PKNPk menandatangani perjanjian usaha sama dengan Port of Antwerp-Bruges International (PoABI) untuk mengembangkan Lumut *Maritime Industrial City* (LuMIC) di Manjung yang dijangka menarik pelaburan swasta sebanyak RM72 bilion dan mencipta 50,000 peluang pekerjaan. LuMIC akan menyediakan infrastruktur berkualiti dan akses maritim, memacu pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan.

Kesatuan Eropah (EU) juga telah meluluskan geran sebanyak RM9.5 juta untuk kajian potensi Perak dalam sektor pelabuhan dan maritim bagi mengesyorkan kesesuaiannya sebagai sebuah pusat logistik dan pengangkutan antarabangsa. Geran ini juga akan digunakan untuk menilai keterhubungan, daya saing pelaburan langsung asing (FDI), dan analisis aliran dagangan dan kargo.

Di samping itu, Majlis Menandatangani Perjanjian Pemegang Saham Usaha Sama (JVSA) untuk menubuhkan LuMIC Development Sdn. Bhd. (LuMIC DevCo) sebagai sebuah syarikat tujuan khas bagi bersama-sama membangunkan dan menguruskan LuMIC secara bersepadu turut dilakukan. Kerjasama strategik antara PKNPk dan PoABI untuk menubuhkan LuMIC dan menjadikannya pusat serantau baharu di Selat Melaka adalah sebahagian daripada usaha untuk mencapai matlamat Perak Sejahtera 2030 sejajar dengan komitmen untuk menjadi pusat maritim terulung, di samping mewujudkan persekitaran yang mesra pelabur.

> **“LuMIC dijangka menarik pelaburan RM72 bilion pelaburan swasta, mencipta 50,000 peluang pekerjaan”**

Melalui sokongan yang diberikan oleh Institut Darul Ridzuan (IDR) dan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), PKNPk telah mengadakan sesi libat urus dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk mengambil lebih ramai anak Perak yang telah menamatkan pengajian di universiti dan sedang mencari pekerjaan untuk berkhidmat di bumi Perak.

> **Perak HIP berazam memperluas jangkauan produk halal Perak ke pasaran global**

Perak Halal *Industrial Park* (Perak HIP)

Perak Halal *Industrial Park* (Perak HIP) yang juga dikenali sebagai Taman Industri Halal Perak@Lekir atau Perak HIP dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1 bilion akan menjadi nadi ekonomi baru di negeri Perak. Pembangunan Perak HIP ini adalah kesinambungan daripada program lembu tempatan yang dilaksanakan oleh Perak SADC sejak 2022 dengan matlamat meningkatkan pengeluaran daging halal di Malaysia, memperkukuhkan rantai bekalan yang mapan dan berteraskan integriti, memberikan nilai tambah kepada pengeluaran daging, serta memperluaskan jangkauan produk halal Perak ke pasaran global. Pembangunan Perak HIP melibatkan keluasan tanah seluas 43 hektar dengan tiga (3) fasa pembangunan yang disokong oleh kemudahan akses Lebuh Raya Pantai Barat (WCE). Perak HIP yang terletak di kawasan industri Lekir dijangka beroperasi pada tahun 2025 ini akan menyediakan fasiliti moden dan canggih untuk industri pedaging halal. Projek ini dijangka akan memberikan impak ekonomi dengan menyediakan 300 peluang pekerjaan baharu.

Satu Majlis pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perak SADC dan Halal Development Corporation Berhad (HDC) bagi kolaborasi pembangunan Perak HIP untuk memperoleh status Halal Malaysia (HALMAS) dan juga khidmat nasihat. Dalam majlis tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC, YBhg. Dato' Haji Yahanis Yahya saling bertukar MoU dengan Encik Hairul Ariffein Sahari, Ketua Pegawai Eksekutif HDC sambil disaksikan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Encik Khairul Azwan Harun, Pengerusi HDC. Turut sama Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat Perak SADC, YB Dato' Khairudin bin Tarmizi dan Encik Mohd Zaidi bin Aziz.

> **SVTP bakal menarik pelabur baru dari dalam dan luar negara dalam aktiviti pembuatan bernilai tinggi dan ekonomi digital**

Silver Valley Technology Park (SVTP)

Bagi memangkin pertumbuhan ekonomi di Perak, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) sedang giat melaksanakan pembangunan perindustrian, *Silver Valley Technology Park* (SVTP). Dengan lokasi yang hanya 15 kilometer dari pusat bandar Ipoh, SVTP menawarkan infrastruktur yang sangat baik ke lebuh raya, lapangan terbang, stesen kereta api, dan pelabuhan darat, menjadikannya lokasi yang ideal untuk aktiviti pembuatan bernilai tinggi dan ekonomi digital. Pembangunan SVTP akan mengikuti permintaan dari sektor swasta dengan pembinaan pusat gudang, kilang-kilang, pusat data, dan bangunan hibrid yang menumpukan kepada sektor-sektor seperti Industri Berasaskan Mineral, Elektrik & Elektronik (E&E), Teknologi Perubatan, Pertanian Pintar, dan Ekonomi Digital.

Pembangunan yang merangkumi tanah seluas 816 ekar ini dijangka memberi impak yang tinggi kepada pembangunan ekonomi negeri Perak dengan peluang pekerjaan sehingga 13,000 orang, di samping meningkatkan aktiviti pengeluaran dan R&D berteknologi tinggi, menarik pelabur baharu dari dalam dan luar negara serta menjadi salah satu pemangkin utama ekonomi setempat dan negeri dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1.03 bilion.

Kerian *Integrated Green Industrial Park* (KIGIP)

Kerian *Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) merupakan projek pembangunan industri berteknologi tinggi di Perak yang mendapat penekanan dari YAB Perdana Menteri untuk pembangunan segera melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang diketuai oleh MITI dan MIDA.

Pada 25 Mac 2024, Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad telah menyampaikan taklimat kepada Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim mengenai status pembangunan terkini projek pembangunan KIGIP yang turut membabitkan keperluan infra elektrik, iaitu pemasangan dua (2) Pencawang Elektrik Utama (PMU) 140MW bagi menampung penggunaan perindustrian di KIGIP dengan peruntukan kewangan sebanyak RM100 juta dan Projek Pengukuhan Sekuriti Sumber Air daripada Empangan Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah bagi menaik taraf bekalan air di KIGIP yang melibatkan kos sebanyak RM2.68 bilion.

> **"KIGIP pemangkin agenda pembangunan industri berteknologi tinggi di Perak"**

Majlis Pembukaan Kilang Smarts Paints Manufacturing Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Bemban, Batu Gajah, Perak

> **Perak lokasi kedua pembukaan Kilang Smarts Paints Manufacturing Sdn. Bhd.**

Kilang ini melibatkan pelaburan bernilai RM100 juta yang dilengkapi teknologi Industri 4.0 untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Pembukaan kilang ini mewujudkan 200 peluang pekerjaan baharu untuk penduduk khususnya yang tinggal di sekitar Batu Gajah dan Seri Iskandar, di samping menggalakkan aktiviti nilai tambah kepada penggunaan sumber mineral batu kapur atau kalsium karbonat di Perak dalam pembuatan cat.

Sebelum ini, Smart Paints mempunyai kilang yang beroperasi di Johor tetapi menggunakan bahan mentah datang dari negeri ini. Susulan itu, InvestPerak telah mengambil langkah proaktif meyakinkan syarikat untuk melabur di Perak memandangkan sumber mineral yang digunakan Smart Paints adalah di Perak. Langkah ini semestinya memberikan *win-win situation* kepada syarikat kerana ia bukan sahaja menjimatkan kos operasi, malah Perak dapat mengukuhkan lagi sektor mineral yang menjadi antara nadi ekonomi negeri. Lokasi strategik Perak yang terletak di tengah Semenanjung membolehkan Smart Paints memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan di bahagian utara dan tengah Semenanjung.

Pembangunan Industri Pemprosesan Mineral di Khantan dengan Mengguna Pakai Konsep *Zero Waste Facility*

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) telah menandatangani perjanjian bersama Jinjing Silicon Technology Sdn. Bhd. bagi pembinaan kilang pemprosesan bahan mineral secara *Built-To-Suit and Lease* (BTSL) di kawasan Perindustrian Khantan, Chemor Perak pada 27 April 2022 dengan kos pembinaan bernilai RM40 juta. Kilang pemprosesan yang berkonsepkan *zero waste facility* ini selari dengan agenda Perlombongan Bertanggungjawab di dalam pelan Perak Sejahtera 2030 dan pelan Pembangunan Strategik NCER 2021–2025 yang mencadangkan aktiviti perlombongan haruslah dilaksanakan dengan bertanggungjawab dan mampan yang merangkumi keseluruhan aktiviti huluan, pertengahan dan hiliran industri mineral bagi manfaat ekonomi negeri.

> **“Kilang proses mineral dengan kos RM40 juta dibina di SVTP”**

Pelan Perindustrian Perak (P3)

Bagi mewujudkan garis panduan dalam usaha melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan prestasi sektor perindustrian, kerajaan Negeri Perak melalui InvestPerak telah membangunkan Pelan Perindustrian Perak (P3) yang berperanan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri bagi tempoh 10 tahun sehingga 2030 dengan sasaran pelaburan bernilai RM47 bilion. Menerusi pelan ini juga, kadar KDNK bagi negeri Perak disasarkan bernilai RM123 bilion menjelang tahun 2030 di mana sektor perindustrian disasarkan menyumbang sebanyak 25 peratus dengan nilai mencecah RM30.9 bilion.

> **Pelan Perindustrian Perak (P3) bakal menyumbang KDNK bernilai RM123 bilion menjelang tahun 2030**

Program Misi Pelaburan Ke Luar Negara

Siri misi pelaburan ke luar negara turut dilaksanakan oleh Perak Investment Management Centre (InvestPerak) sebagai satu inisiatif untuk mempromosikan negeri Perak ke pasaran global, antaranya:

1. **Misi pelaburan ke China dan Taiwan**
   17 Jun - 21 Jun 2023
2. **Misi pelaburan ke China**
   14 Oktober - 21 oktober 2023
3. **Misi pelaburan ke Singapura**
   19 Februari - 3 Mac 2024
4. **Misi pelaburan ke Pakistan**
   19 Februari - 3 Mac 2024

> **Perak ke pasaran global menerusi siri misi pelaburan InvestPerak**

Rangkaian Gas Asli Cecair (LNG) Kinta-Kampar-Bidor-Tanjong Malim-Teluk Intan-Bagan Datuk

Kuasa ekonomi baharu wilayah utara Malaysia ini adalah gambaran sebenar rangkaian Gas Asli Cecair (LNG) Kinta-Kampar-Bidor-Tanjong Malim-Teluk Intan-Bagan Datuk yang merangkumi pembangunan wilayah ekonomi berdasarkan pengkhususan dan rantaian bekalan tempatan.

Projek yang telah diluluskan pada 12 Oktober 2023 ini terbahagi kepada dua (2) pakej, iaitu Pakej 1: Bidor hingga Trolak (41.2% siap) dan Pakej 2: Trolak hingga Tanjong Malim (34.5% siap). Proses penanaman paip gas ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2024 dan dijangka mula digunakan pada penghujung Februari 2025.

Untuk rekod, projek LNG Lembah Kinta sepanjang 130km telah pun selesai pemasangan paip utama. Pada tahun 2023, Gas Malaysia Berhad telah membekalkan gas asli kepada 34 pemain industri.

> **Rangkaian Gas Asli Cecair (LNG) kuasa ekonomi baharu wilayah utara Malaysia**

Bantuan Pemudah cara bagi Aktiviti Pelaburan di negeri Perak

> **Lapan (8) inisiatif merancakkan aktiviti pelaburan di negeri Perak**

Kerajaan Negeri melalui InvestPerak giat mengurus dan merancakkan aktiviti pelaburan di Perak dengan menyediakan rangkaian inisiatif dan perkhidmatan untuk menarik dan memudahkan pelabur. Antaranya:

1 Lawatan Tapak	Membantu pelabur dalam pemilihan kawasan industri yang sesuai di Perak.
2 Mesyuarat Penyelarasan	Kolaborasi dengan agensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal untuk mengatasi isu-isu pelaburan.
3 Mesyuarat Koordinasi	Kerjasama dengan pembekal utiliti seperti Tenaga Malaysia Berhad (TNB), Lembaga Air Perak (LAP), dan Gas Malaysia Berhad untuk menangani masalah penyaluran utiliti.
4 Surat Taraf Laluan *Fast Track*	Mempercepatkan proses permohonan dan fasilitasi untuk pelaburan.
5 Perbincangan dengan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK):	Mengurus kekurangan tenaga kerja dan memudahkan syarikat dalam pengambilan pekerja baru.
6 Perbincangan dengan Pemaju SVTP	Mempercepat pembinaan *Silver Valley Technology Park* (SVTP) untuk mengatasi kekurangan lot tanah industri.
7 Bengkel Penambahbaikan Sistem Penyampaian	Mencadangkan penambahbaikan kepada sistem penyampaian kerajaan berkaitan kelulusan eksport produk mineral.
8 Mesyuarat Penyelarasan untuk Taman Industri Baharu	Membincangkan pembangunan taman industri lestari di Alor Pongsu.

Muallim *Speed Lane* (MSL)

Muallim *Speed Lane* (MSL) yang diperkenalkan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim pada 7 September 2023 memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan AHTV di Proton *City* bagi memastikan permohonan yang melibatkan *vendor park* dan kawasan sekitarnya dapat dilaksanakan dengan pantas dan efisien dari segi tempoh masa kelulusan pelan, pembangunan sehingga mendapat lesen CCC. Pengenalan inisiatif ini juga dijangka akan menarik pelabur untuk melabur di kawasan Tanjong Malim sekali gus menjana peluang pekerjaan setempat.

> **Muallim *Speed Lane* persediaan jayakan AHTV di Perak**

Akademi Sekuriti Makanan Negeri Perak

Akademi Sekuriti Makanan merupakan satu daripada program yang difokuskan di bawah program *Flagship* 1: Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) sebagai hab pemindahan pengetahuan dan pusat pembangunan kapasiti yang memupuk rangkaian industri dan komuniti dalam merealisasikan agenda keselamatan makanan negeri Perak. Antara inisiatif yang ditawarkan di bawah penubuhan Akademi Sekuriti Makanan ialah:

> **"Perak bangunkan Akademi Sekuriti Makanan"**

1. Penyelidikan yang dipacu oleh industri, pakar bidang dan komuniti yang memenuhi keperluan negeri dengan nilai komersial;
2. Hab *Start-up Agropreneur*;
3. Sijil Kepakaran berdasarkan keperluan industri dan Kerajaan Negeri; dan
4. Pusat Analitik Data Keselamatan Makanan Wilayah dan Hab Perkongsian Maklumat.

Sebanyak RM20 juta dana endowmen atau wakaf telah diperuntukkan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) kepada Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) pada 17 Februari 2023 bagi pembangunan Akademi Sekuriti Makanan demi memperkukuhkan jaminan sekuriti makanan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan.

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dan Institut Darul Ridzuan (IDR) juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dengan Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia pada 17 Disember 2023 untuk merintis lembaran baru dalam aspek berikut:

1. Pertukaran kepakaran akademik dan penyelidikan;
2. Pertukaran dan perkongsian bahan akademik dan penerbitan; dan
3. Bekerjasama dalam penyelidikan, penerbitan dan pembangunan inovasi.

Penubuhan Akademi Sekuriti Makanan ini diyakini akan menjadi perintis kepada usaha sama yang membabitkan pemain industri, ahli akademik, agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang akan membuka jalan kepada pemerkasaan sekuriti makanan yang berimpak tinggi kepada negeri.

Perak SADC peruntuk RM20 juta untuk dana endowmen akademi sekuriti makanan

Kebuniti MADANI

“Kebuniti MADANI bantu tingkat hasil pertanian”

Empat (4) set tanaman secara hidroponik bernilai RM20,000.00 telah disumbangkan oleh Pejabat Pertanian Kuala Kangsar, Perak dalam Program Kebuniti MADANI. Selain set hidroponik, biji benih, baja, penghalau serangga organik dan set autopot juga turut disumbangkan. Keempat-empat set ini diletakkan di perkarangan Masjid Raja Permaisuri Bainun, USAS. Pengurusan set hidroponik ini dijalankan oleh pensyarah dan pelajar Sarjana Muda Industri Pertanian (Kepujian). Pemasaran hasil tanaman dijalankan di sekitar masjid kepada staf pentadbiran, pensyarah dan pelajar USAS. Program yang bermula sejak November 2023 hingga kini telah memasuki pusingan ketiga tanaman pak choi dan bayam hingga peringkat pemasaran. Kebuniti MADANI ini dilaksanakan untuk mempertingkatkan hasil pertanian di peringkat komuniti selain menjana pendapatan bagi memperkasakan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

iGrow Farm

> ***iGrow Farm* lahirkan lebih ramai usahawan tani**

iGrow Farm merupakan tapak latihan pertanian bagi pelajar Sarjana Muda Industri Pertanian (Kepujian) di USAS. Di tapak ini, terdapat beberapa aktiviti pertanian yang dijalankan seperti penanaman sayuran menggunakan *planter box*, ternakan ikan dalam kolam simen dan tangki, ternakan ayam kampung, penanaman rumput ternakan dan penghasilan baja kompos. Hasil tanaman dan ternakan dari *iGrow Farm* akan dipasarkan di sekitar USAS dan merupakan salah satu elemen keusahawanan yang diterapkan dalam silibus program pengajian Sarjana Muda Industri Pertanian (Kepujian). Aktiviti penjualan hasil tanaman dan ternakan dijalankan secara berkala oleh para pelajar Sarjana Muda Industri Pertanian (Kepujian) bermula dari pelajar Semester 1 hingga Semester 6.

Aktiviti penanaman sayuran di Program *iGrow Farm* yang bermula sejak bulan Ogos 2023 telah memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dalam mengendalikan pengurusan tanaman dari peringkat semaian sehingga peringkat jualan. Selain itu, aktiviti ini dapat memupuk, menyemai dan melahirkan budaya keusahawanan dalam diri pelajar untuk menjadi usahawan tani yang berjaya dan berdaya saing. Di peringkat jualan, pelanggan terdiri dalam kalangan staf dan pelajar USAS. Terdapat juga pelanggan dari luar USAS seperti pengusaha kedai makan berdekatan yang turut sama berminat untuk mendapatkan sayuran segar dari *iGrow Farm*.

Selain itu, aktiviti ini dapat memupuk, menyemai dan melahirkan budaya keusahawanan dalam diri pelajar untuk menjadi usahawan tani yang berjaya dan berdaya saing. Di peringkat jualan, pelanggan terdiri dalam kalangan staf dan pelajar USAS. Terdapat juga pelanggan dari luar USAS seperti pengusaha kedai makan berdekatan yang turut sama berminat untuk mendapatkan sayuran segar dari *iGrow Farm*.

Skim Transformasi Industri Pengeluaran Ternakan Bebiri Negeri Perak (SMART-S)

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak turut menjalankan program berterusan iaitu Skim Transformasi Industri Pengeluaran Ternakan Bebiri Negeri Perak (SMART-S) untuk tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2021 hingga 2025. Selaras dengan Amalan Penternakan Baik (GAHP) dan Amalan Veterinar Baik (GVP), program ini dilaksanakan untuk mengukuh dan menambah bilangan populasi induk, kepelbagaian sumber genetik dan menambah baik serta menaik taraf infrastruktur penternakan bebiri bagi pengeluaran baka ternakan bebiri pedaging, merevolusi dan memodenkan kaedah penternakan bebiri sedia ada dan baharu. Program yang dilaksanakan dengan anggaran peruntukan sebanyak RM3,336,400.00 ini menyasarkan:

1. Satu (1) buah ladang pengeluar induk dan pejantan bebiri secara berkelompok;
2. Mengukuhkan empat (4) buah ladang ternakan bebiri secara berkelompok;
3. Mengukuhkan lapan (8) buah perusahaan ternakan bebiri kecil dan sederhana bagi menghasilkan baka bebiri kacukan tempatan yang berkualiti dari segi pembiakan; dan
4. Satu (1) pusat pengumpulan, pemprosesan, pembungkusan dan jualan baja organik.

> **Prestasi ternakan bebiri kini meningkat dengan kadar kelahiran mencapai 120 peratus dan kadar kematian kurang daripada 5 peratus**

Setakat ini, terdapat dua (2) buah kandang bebiri telah dibina dengan pembekalan ternakan bebiri sebanyak 68 ekor. Dalam tempoh pelaksanaan dari 15 Jun 2023 sehingga April 2024, prestasi ternakan meningkat dengan kadar kelahiran mencapai 120 peratus dan kadar kematian kurang daripada lima (5) peratus menjadikan jumlah ternakan terkini bagi program ini adalah 99 ekor. Program ini berjaya meningkatkan jumlah ladang, iaitu sebanyak 152 buah dan populasi ternakan bebiri di negeri Perak kepada 4,845 ekor keseluruhan. Jumlah pengeluaran daging bebiri negeri Perak pada tahun 2023 mencapai 38.15 metrik tan.

Skim Transformasi Industri Pengeluaran Ternakan Kambing Pedaging Negeri Perak (SMART-G)

"Ternakan kambing pedaging di negeri Perak meningkat kepada 22,973 ekor melalui SMART-G"

Bagi ternakan kambing pedaging pula, Skim Transformasi Industri Pengeluaran Ternakan Kambing Pedaging Negeri Perak (SMART-G) dilaksanakan bagi mengukuh dan menambah bilangan populasi induk, kepelbagaian sumber genetik dan menambah baik serta menaik taraf infrastruktur penternakan kambing pedaging bagi pengeluaran baka ternakan kambing pedaging. Program ini dilaksanakan dari tahun 2021 hingga 2025 dengan peruntukan RM7,881,600.00 untuk merevolusi dan memodenkan kaedah penternakan kambing pedaging sedia ada dan baharu selaras dengan Amalan Penternakan Baik (GAHP) dan Amalan Veterinar Baik (GVP).

Sehingga kini, pembinaan sebuah kandang kambing pedaging dengan pembekalan ternakan kambing pedaging sebanyak 38 ekor telah dilaksanakan. Melalui program ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak berjaya menyumbang kepada peningkatan:

1. Bilangan ladang berjumlah 747 buah;
2. Ternakan kambing pedaging di negeri Perak kepada 22,973 ekor;
3. Pengeluaran daging kambing segar negeri Perak mencapai 151.6 metrik tan; dan
4. Kadar tahap sara diri meningkat daripada 3.5 peratus kepada 3.97 peratus.

Skim Transformasi Industri Pengeluaran Ternakan Kambing Tenusu Negeri Perak (SMART-DG)

SMART-DG bantu tingkat ternakan kambing tenusu di Perak kepada 1,028 ekor

Skim Transformasi Industri Pengeluaran Ternakan Kambing Tenusu Negeri Perak (SMART-DG) telah dilaksanakan sejak tahun 2021 hingga 2025 untuk mewujudkan dan membangunkan sebuah ladang pengeluar baka ternakan kambing tenusu yang berkualiti tinggi, meningkatkan populasi ternakan, mempelbagaikan sumber genetik dan menambah baik serta menaik taraf infrastruktur penternakan dengan peruntukan sebanyak RM3,040,000.00. Melalui program ini, sebuah kandang kambing tenusu, sebuah pusat pemprosesan susu dan pembekalan ternakan kambing tenusu Saanen baka tulen sebanyak 41 ekor telah dihasilkan. Dalam tempoh pelaksanaan bermula 15 Jun 2023 sehingga April 2024, berikut merupakan pencapaian program ini:

Program Pembangunan dan Pengukuhan Industri Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging Negeri Perak (PERAK *BEEF*)

Program Pembangunan dan Pengukuhan Industri Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging di negeri Perak (PERAK *BEEF*) dilaksanakan dari 2021 hingga 2025 untuk meningkatkan pengeluaran lembu pedaging secara berkelompok di padang ragut, meningkatkan pendapatan ahli-ahli kelompok, serta memperkasa ladang ternakan untuk menyokong permintaan dalam negeri dan memberi peluang ekonomi kepada golongan belia dan B40 di luar bandar. Program ini turut menyasarkan peningkatan populasi ternakan lembu pedaging, membina ladang pengeluaran, menggandakan ternakan, dan meningkatkan sara diri daging negeri dengan peruntukan bernilai RM7,436,600.00. Melalui program ini, 10 padang ragut dengan 16 pakej, pembekalan 92 ekor ternakan, peningkatan 66,581 ekor lembu pedaging dengan pengeluaran daging segar mencapai 2,951.4 tan metrik pada tahun 2023 dapat dihasilkan dengan jayanya.

> **PERAK *BEEF* capai peningkatan 66,581 ekor lembu pedaging dengan pengeluaran daging segar mencapai 2,951.4 tan metrik pada tahun 2023**

Program Pembangunan dan Pengukuhan Ternakan Rusa di bawah Inisiatif Rusa *Belt* Negeri Perak (RUBI)

Kerajaan Negeri juga turut komited dalam usaha meningkatkan populasi rusa bagi memenuhi permintaan bekalan baka dan daging rusa yang tinggi melalui Program Pembangunan dan Pengukuhan Ternakan Rusa di bawah Inisiatif Rusa *Belt* Negeri Perak (RUBI). Ianya adalah satu program yang berterusan, yang dilaksanakan dari tahun 2021 dan dapat menjadikan negeri Perak sebagai negeri pengeluar rusa utama di Malaysia melalui empat (4) komponen, iaitu Projek Pengukuhan Ternakan Rusa Secara Berkelompok di Rizab Haiwan, Projek Pembangunan Ladang Pengeluaran Baka Ternakan Rusa Perak, Projek Pembangunan Penternak Berskala Kecil serta Projek Pembangunan Teknologi dan Kelestarian Kualiti Rusa.

Dengan sasaran penternak baharu di kawasan luar bandar, program ini juga sekali gus dapat meningkatkan taraf sosioekonomi golongan B40 yang terlibat. Program yang bermula sejak 2021 akan diteruskan pelaksanaannya sehingga tahun 2025 ini telah memberi impak yang positif, antaranya:

1. Memberi manfaat kepada 76 orang peserta penerima bantuan dengan nilai hasil pendapatan setahun sebanyak RM455,000.00;
2. Mengeluarkan induk rusa sebanyak 142 ekor dan 3.2 metrik tan pengeluaran daging rusa;
3. Memberi sumbangan melalui peningkatan populasi ternakan rusa di negeri Perak kepada 5,307 ekor keseluruhannya;
4. Jumlah pengeluaran daging rusa negeri Perak tahun 2023 meningkat kepada 25.1 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM1.39 juta; dan
5. Melibatkan seramai 173 orang penternak secara berkelompok dan 57 orang penternak individu.

> **76 orang peserta penerima bantuan program RUBI mendapat nilai hasil pendapatan setahun sebanyak RM455,000.00**

Program Pembangunan Industri Pertanian

Program Pembangunan Industri Pertanian merupakan program bantuan khusus kepada para petani yang dijalankan setiap tahun bagi membantu menguruskan pelbagai tanaman. Bantuan berupa penyediaan kawasan, input pertanian dan infrastruktur ladang ini diberikan bagi meningkatkan produktiviti serta hasil pengeluaran tanaman makanan. Sehingga bulan Mac 2024, program ini telah memberi manfaat kepada 17,934 penerima yang tergolong daripada 3,608 orang petani, 40 orang usahawan industri asas tani dan 14,286 penduduk negeri. Antara projek yang memberi impak tinggi kepada industri pertanian negeri Perak adalah:

> **Program Pembangunan Industri Pertanian beri manfaat kepada 17,934 penerima**

1 Projek Tanaman Bawang Negeri Perak

Negeri Perak merupakan negeri pertama di Malaysia yang mengeluarkan hasil bawang tempatan untuk kegunaan rakyat Malaysia. Projek rintis tanaman bawang ini telah dijalankan di Sungai Bikam, Batang Padang dengan keluasan 1 hektar telah mengeluarkan hasil sebanyak 2.3 tan metrik bawang tempatan. Pada pertengahan Mei 2024, sejumlah 3.3 tan metrik bawang memasuki pasaran dan dijual pada harga antara RM10.00 hingga RM12.00 per kilogram (kg). Memandangkan projek rintis penanaman bawang kecil ini bermula di Perak, Kerajaan Negeri menjenamakan bawang merah kecil ini yang sebelum ini dikodkan dengan BAW-1 oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebagai Bawang Perak (BP). Penjenamaan itu perlu dilakukan bagi membezakan bawang berkenaan dengan bawang-bawang import lain yang berada dalam pasaran. Inisiatif ini juga dilaksanakan untuk mencapai sasaran pengurangan 30 peratus pengimportan bawang menjelang tahun 2030.



2 Projek Tanaman Jagung Bijian

Seluas 9 hektar tanaman jagung bijian telah ditanam pada 3 Januari 2024 dan akan dituai pada awal Mei 2024 ini dijangkakan akan mengeluarkan hasil sebanyak 45 tan metrik hasil pertama bagi negeri Perak.

3 Projek Tanaman Cili, Kubis dan Halia

Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri Perak telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM805,000.00 untuk membantu seramai sembilan (9) petani yang melibatkan tanaman cili, kubis dan halia. Sehingga Mac 2024, hasil pengeluaran tanaman bagi program ini adalah sebanyak 113 tan metrik.

Taman Agroteknologi MARDI Kuala Kangsar (Duriotourism)

Sebuah pusat agropelancongan yang berasaskan durian dan buah-buahan tropika serta bertemakan Dusun *Village* iaitu Taman Agroteknologi MARDI (TATM) Kuala Kangsar atau lebih dikenali sebagai Duriotourism telah dibina di atas keluasan tanah 50 ekar. Terdapat lebih daripada 20 klon durian yang ditanam termasuk durian klon/hibrid, durian kampung terpilih dan durian hutan selain menempatkan tanaman lain seperti limau bali, rambutan, manggis dan mesta. Duriotourism telah dibangunkan berasaskan konsep T.I.C.E.R (*Technology, Innovation, Conservation, Education, Recreation*) dan berjaya menghasilkan 10 hingga 11 tan buah durian segar setiap tahun yang dijual di pusat jualan MARDI Kuala Kangsar.

Selain itu, produk Industri Asas Tani (IAT) seperti durian *pack*, isi durian, durian *crepe*, dan tempoyak pada tahun 2023 turut dihasilkan. TATM Kuala Kangsar juga turut menjual log kelulut yang dituai di petak tanaman durian. Pada tahun 2023, 3,100 pek durian, 450 beg isi durian, 70 bekas tempoyak 2kg, 133 botol tempoyak 500g, dan 60 botol madu kelulut telah berjaya dijual.

TATM Kuala Kangsar juga terkenal dalam pengeluaran benih durian klon dengan merekodkan penjualan 1,464 benih pada 2023 dan 551 benih hingga Mac 2024. Pada tahun 2023, 280 benih durian klon diberikan secara percuma melalui Projek Perintis MARDI kepada petani dan syarikat.

> **“Duriotourism merekodkan penjualan 1,464 benih durian pada 2023 dan 551 benih hingga Mac 2024”**

Taman Agroteknologi MARDI Bagan Datuk (Cocostourism)

Taman Agroteknologi MARDI Bagan Datuk (TATMBD)@Cocostourism telah dibangunkan bermula tahun 2018 berasaskan konsep T.I.C.E.R. Cocostourism dan dimasukkan dalam takwim Agropelancongan Daerah Bagan Datuk dengan daya tarikan lebih 82 tanaman kelapa pelbagai variasi. Kluster-kluster yang disediakan melibatkan kluster laman tiba, kelapa hibrid dan buah-buahan, kilang sabut dan jualan kelapa hibrid, *testbed* minyak kelapa dara, laman ternakan dan laman Perak Sejahtera 2030@Cocostourism. Pada tahun 2024, TATMBD memperoleh bantuan peruntukan sebanyak RM180,000.00 bagi menaik taraf laman Perak Sejahtera 2030@Cocostourism melalui Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk sebagai inisiatif Kerajaan Negeri Perak sempena Tahun Melawat Perak 2024 (TMP2024).

Secara puratanya, bilangan pengunjung TATM Bagan Datuk adalah seramai 500 orang pengunjung setahun. Pada tahun 2023, 1,187 orang pengunjung dengan pecahan 1,175 pengunjung domestik dan 12 pengunjung antarabangsa telah direkodkan. Manakala, sehingga Mac 2024, 102 pengunjung domestik direkodkan mengunjungi TATMBD ini.

Taman Agro Teknologi MARDI Bagan Datuk (TATMBD)@Cocostourism juga terlibat dalam penghasilan benih kelapa *dwarf* dan hibrid. Pada 2023, 4,204 benih kelapa *dwarf* telah dihasilkan. Manakala, sehingga Mac 2024, 1,033 benih baru telah disemai. Selain itu, 8,000 benih kelapa hibrid juga dihasilkan setahun dengan 3,091 benih pada 2023 dan 5,123 benih baru hingga Mac 2024. Pada tahun 2023, 3,091 benih kelapa hibrid dan 4,204 benih kelapa *dwarf* telah diedarkan melalui Projek Perintis MARDI, petani, dan syarikat. Sehingga April 2024, 1,000 benih kelapa hibrid telah diserahkan kepada Projek Perintis MARDI dan 333 benih kelapa *dwarf* telah terjual.

Bukan itu sahaja, Taman Agro Teknologi MARDI Bagan Datuk (TATMBD)@Cocostourism turut memberi latihan teknologi pertanian kepada usahawan dan pengunjung berminat dalam penghasilan minyak kelapa dara (VCO). Pada tahun 2023, sembilan (9) sesi latihan di *testbed* VCO telah dilaksanakan. *Testbed* VCO ini menyumbang kepada penghasilan VCO dengan purata 438 botol setahun pada 2023 dan 109 botol dijual sehingga Mac 2024.

Pengaplikasian Teknologi IoT dalam Pertanian

Jabatan Pertanian telah memberikan bantuan teknologi Internet Benda (IoT) kepada enam (6) petani untuk pengurusan pertanian, terutama tanaman cili secara fertigasi, dengan perbelanjaan RM300,000.00 pada tahun 2023. Pemasangan teknologi IoT di ladang para petani telah meningkatkan pengurusan tanaman serta mengurangkan kos operasi dan input pertanian.

> **"Jabatan Pertanian tingkat pengeluaran hasil dengan IoT"**

Program Peningkatan Kapasiti Produk Industri Asas Tani

Selaras dengan pemerkasaan RMKe-12 dari tahun 2021 sehingga tahun 2025, program peningkatan kapasiti produk industri asas tani dibangunkan bagi membantu usahawan Industri Asas Tani (IAT) bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Perak dalam bidang pemprosesan makanan daripada produk hiliran hasil hingga tanaman makanan. Bantuan dalam bentuk bantuan mesin dan peralatan disediakan untuk memudahkan pemprosesan produk usahawan, menaik taraf premis perniagaan sedia ada usahawan agar lebih selesa dan ke arah premis yang mematuhi persijilan MeSTI dan persijilan HALAL. Sehubungan itu, aspek promosi, pemasaran, pembiayaan dan teknologi akan diberi tumpuan sebagai pemangkin ke arah pembangunan dan peningkatan kualiti produk ke pasaran global.

> **Program Peningkatan Kapasiti Produk Industri Asas Tani bantu tingkat pendapatan usahawan**

Sasaran usahawan yang menerima manfaat daripada program sepanjang lima (5) tahun adalah seramai 230 orang dengan jumlah bantuan bernilai RM3.37 juta. Bagi tahun 2023, seramai 40 orang usahawan telah menerima dana bantuan dengan jumlah keseluruhan bernilai RM650,000.00. Hasil pendapatan penerima bantuan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM4,408,373.72, iaitu peningkatan sebanyak 15 peratus pada tahun 2022.

Jabatan Pertanian Negeri Perak turut menganjurkan Program Riang Ria Raya Promosi dan Jualan Produk Industri Asas Tani (IAT) sempena Hari Raya Aidilfitri sebagai program tahunan untuk membantu usahawan IAT memperkenalkan serta memasarkan produk mereka. Pada tahun 2024, seramai 20 usahawan telah mengambil peluang memasarkan produk-produk mereka di dalam program ini. Hasil keseluruhan jualan usahawan ketika program ini berlangsung selama tiga (3) hari adalah berjumlah RM49,427.00.

Pusat Agropolitan Pengkalan Hulu

Pusat Agropolitan Pengkalan Hulu hasilkan 2,000 tan durian bernilai RM18 juta

Seramai 550 orang pengusaha telah teribat di bawah Pusat Agropolitan Pengkalan Hulu yang berkeluasan 1,000 ha. Penghasilan pusat agropolitan ini bagi tahun 2023 adalah sebanyak 2,000 tan durian bernilai RM18 juta ringgit. Keluasan dusun durian yang mengeluarkan hasil adalah 250 ha dengan purata hasil 8 tan per hektar melibatkan 25,000 pokok durian. Pemantauan berterusan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak. Selain itu, terdapat beberapa projek dilaksanakan di 10 kawasan bagi tahun 2024 untuk membolehkan durian klon di Pengkalan Hulu dieksport ke luar negara seperti Singapura dan China.

Zon Industri Akuakultur Hulu Perak

Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Hulu Perak mempunyai dua (2) sistem ternakan, iaitu sangkar dan juga kandang yang diusahakan oleh dua (2) orang penternak sistem sangkar dan 11 penternak sistem kandang. Purata hasil daripada sistem sangkar adalah sebanyak 12 hingga 20 tan/tahun/penternak, manakala sebanyak satu (1) ke dua (2) tan setahun/penternak bagi sistem kandang. Kawasan (ZIA) di Tasik Temengor seluas 100 hektar diusahakan oleh Syarikat Trapia Sdn. Bhd. dengan purata hasil yang diperolehi daripada sistem sangkar di Tasik Temengor adalah sekitar 270 hingga 280 tan/bulan dan hasil tuaian pada tahun lepas adalah sebanyak 3,000 tan.

Zon Industri Akuakultur di Hulu Perak menuai 3,000 tan ikan hasil dari dua (2) sistem ternakan

Pembangunan Zon Akuakultur Sungai Perak

Zon akuakultur Sungai Perak meningkatkan sosioekonomi penduduk

Pada April 2023, Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak melakukan bancian semula terhadap pengusaha ikan sangkar di Sungai Perak dalam usaha mewujudkan Zon Akuakultur Sungai Perak. Projek ini melibatkan Jabatan Perikanan Daerah Hilir Perak dan Pejabat Tanah Hilir Perak untuk mengawal dan memastikan zon akuakultur yang selamat bagi pengusaha ikan sangkar di daerah Hilir Perak. Kewujudan pengusaha ikan sangkar ini meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat serta produktiviti pengeluaran ikan air tawar di Malaysia. Pengeluaran ikan sangkar dari Sungai Perak juga membekalkan ikan patin ke Temerloh, Pahang, di samping memastikan nelayan darat tidak terjejas. Data pada tahun 2023 menunjukkan terdapat 428 nelayan darat di daerah Hilir Perak mendaratkan lebih daripada 545,078 metrik tan hasil tangkapan. Sementara itu, 24 pengusaha ikan sangkar menghasilkan lebih daripada 1,789.83 metrik tan ikan dari 2,180 petak sangkar.

Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK)

Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) memfokuskan kepada pembangunan *niche product* yang berpotensi tinggi untuk kampung-kampung sedia ada melalui kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, swasta dan institusi penyelidikan. Projek ini dirangka bagi mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar dengan meningkatkan pendapatan, kualiti hidup serta menaik taraf kemudahan prasarana di kampung-kampung sedia ada dengan peruntukan sebanyak RM8 juta. Produk *niche* atau *anchor project* Projek PROSPEK Lenggong ialah perladangan rusa secara padang ragut di Padang Sadang yang disepadukan dengan agrotani dan agropelancongan dengan penglibatan oleh 20 orang peserta PROSPEK.

> **PROSPEK bantu cipta peluang pekerjaan kepada penduduk Lenggong**

Sehingga 15 April 2024, terdapat lebih kurang 250 ekor rusa di Padang Ragut Sadang, tiga (3) blok ternakan rusa di mana penjualan daging rusa telah bermula dengan hasil jualan RM25,242.00. Penanaman tembikai dan tanaman serai juga memberikan hasil jualan masing-masing RM31,137.70 dan RM2,621.50. Projek pembangunan agropelancongan turut dilaksanakan dengan peruntukan RM2 juta, termasuk pembinaan jeti baru, surau, kedai cenderamata, dan lain-lain. PROSPEK Lenggong juga menyediakan peralatan seperti ATV, bot, basikal, dan traktor sebagai tarikan kepada aktiviti agropelancongan.

33 orang usahawan di sekitar Lenggong telah menerima bantuan daripada pelaksanaan projek ini dengan nilai bantuan RM98,122.00 meliputi bantuan kelengkapan memasak, kelengkapan menjahit, kelengkapan dan peralatan perniagaan dan pelbagai bantuan ekonomi lain yang berkaitan. Selain itu, bantuan daripada komponen perumahan telah dibelanjakan sebanyak RM480,534.56 melibatkan 29 orang penerima untuk bantuan baik pulih rumah.

Aktiviti di Padang Ragut Sadang membawa impak positif kepada PROSPEK Lenggong dengan penciptaan peluang pekerjaan, peningkatan visibiliti Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia dan Lenggong Geopark, perkembangan perniagaan sokongan seperti khidmat bot tambang, alatan memancing, peralatan perkhemahan, dan kiosk makanan. Ini juga melihat perkembangan produk makanan berasaskan rusa menggunakan *Retort Technology*, serta pakej pelancongan yang menyokong peningkatan pelancongan lestari melalui Lenggong Geopark, dan perniagaan cenderahati serta produk hiliran seperti tanduk rusa dan kulit.

Taman Kekal Pengeluaran Makanan – Zon Industri Akuakultur (TKPM-ZIA) Bagan Datuk

> **Pembangunan TKPM-ZIA melibatkan 53 kebun kerang dan 530 Ketua Isi Rumah (KIR) bagi menjamin sekuriti makanan negara**

Bagi meningkatkan pengeluaran akuakultur di daerah Bagan Datuk, Taman Kekal Pengeluaran Makanan – Zon Industri Akuakultur (TKPM-ZIA) di Bagan Datuk telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad pada 23 November 2023. Jabatan Perikanan menyasarkan pengeluaran akuakultur sebanyak 958,830 tan metrik menjelang tahun 2030 yang mana kerang-kerangan berpotensi dalam menyumbang sebanyak 43,220 tan metrik bagi mencapai sasaran tersebut. Pembangunan TKPM-ZIA ini akan melibatkan 53 kebun kerang dan 530 Ketua Isi Rumah (KIR) yang terdiri dalam kalangan B40. Usaha ini dilakukan bagi mewujudkan zon pengeluaran kekal makanan khususnya untuk pengeluaran produk kerang bagi menjamin sekuriti makanan negara serta meningkatkan penglibatan usahawan dalam bidang pengeluaran makanan secara komersial.

Lembah Makanan Lekir

Lembah Makanan Lekir telah ditetapkan sebagai bidang pengkhususan dalam Perak Sejahtera 2030 dengan tumpuan utama pada agromakanan di daerah Manjung, Perak. Projek ini merupakan satu-satunya projek di bawah inisiatif Keterjaminan Makanan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan. Pembangunan Lembah Makanan Lekir melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Pejabat FAMA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) serta lain-lain jabatan serta agensi yang berkaitan.

> **651 tan metrik buah-buahan dan 1,459 tan metrik sayur-sayuran dihasilkan melalui Lembah Makanan Lekir**

Projek ini termasuk pembangunan kawasan tanaman buah-buahan seluas 30 hektar, Projek Kerang Premium Lekir yang meliputi 756 hektar perairan, dan pembangunan Pasar Tani Kekal serta Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian. Tanaman utama di TKPM Lekir termasuk mangga Chokanan, *rock melon*, pisang, betik, jagung, dan pelbagai sayur-sayuran seperti bendi, kacang panjang, peria, terung, cili merah, labu manis, petola dan kacang kelisa. Pada tahun 2021 hingga 2023, pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran di TKPM Lekir mencatatkan pendapatan yang signifikan dengan hasil tahunan mencapai jutaan ringgit dan berat metrik tan yang tinggi. Perincian pengeluaran adalah seperti yang berikut:

1. Hasil pengeluaran buah-buahan bagi tahun 2021 adalah RM1.93 juta (896 tan metrik), RM2.31 juta (712 tan metrik) pada tahun 2022 dan RM1.35 juta (651 tan metrik) pada tahun 2023.

2. Hasil pengeluaran sayur-sayuran pada tahun 2021 mencatatkan hasil sebanyak RM4.09 juta (2,428 tan metrik), RM6.16 juta (3,368 tan metrik) pada tahun 2022 dan RM2.91 juta (1,459 tan metrik) pada tahun 2023.

Kerang Lekir Premium (KLP)

Aktiviti Kebun Kerang yang bermula sejak tahun 2020 melibatkan 756 hektar di kawasan perairan Telur Lekir sehingga ke Kayan telah memberi manfaat kepada golongan B40 yang terdiri daripada nelayan pantai sekitar Lekir. Kebun Kerang ditandakan dengan penandaan lot menggunakan pelampung 'mesra pukat hanyut' sekali gus mengelakkan gangguan operasi nelayan. Di samping itu, kerjasama Jabatan Perikanan dengan Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang, menghasilkan kajian yang menunjukkan kawasan tersebut menghasilkan benih dan kerang premium, dikenali sebagai 'Emas Hitam' atau Kerang Lekir Premium (KLP).

Projek ini melibatkan 121 peserta beroperasikan di Jeti Perikanan di Parit Haji Dolah, Kampung Sungai Tiram, Lekir. Projek ini telah membantu meningkatkan ekonomi penduduk tempatan, di samping meningkatkan pengeluaran dan pasaran kerang dengan menghasilkan kerang yang mencapai saiz hingga 45 milimeter dan benih berkualiti tinggi. Maklumat pendaratan benih dan KLP adalah seperti berikut:

	TAHUN 2021		TAHUN 2022	
	TAN METRIK	RM '0UTA	TAN METRIK	RM '0UTA
BENIH KERANG	190.98	5.968	216.08	6.753
KLP	150.10	1.051	322.69	3.227

	TAHUN 2023		JAN-MAC 2024	
	TAN METRIK	RM '0UTA	TAN METRIK	RM '0UTA
BENIH KERANG	1,222.8	23.828	130.94	2.271
KLP	208.57	2.086	112.29	1.123

Sumber: Jabatan Perikanan Daerah Manjung

Program Pembangunan Petani Muda

Pada tahun 2023, Pejabat Pertanian Daerah Kuala Kangsar telah menerima kelulusan peruntukan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di bawah Program Agroprenuer Muda berjumlah RM159,980.00. Peruntukan ini memberi manfaat kepada lapan (8) orang belia tani dari daerah Kuala Kangsar yang mengusahakan penternakan kelulut, cili fertigasi dan juga cendawan. Pejabat Pertanian Daerah Kuala Kangsar juga menerima peruntukan di bawah Peruntukan Pembangunan Jabatan Pertanian Negeri Perak Tahun 2024 sebanyak RM56,480.00 untuk pelaksanaan Program Briged Muda Petani Moden melibatkan tiga (3) orang belia tani berumur bawah 40 tahun.

“Lapan (8) belia terima peruntukan Program Agropreneur Muda”

Projek Perintis NR-REE di Hulu Perak

> **7,758.794 metrik tan *Rare Earth Carbonate* (REC) ke negara China melalui 22 kali penghantaran telah menjana royalti hampir RM29.73 juta kepada Kerajaan Negeri**

Pelan Transformasi Industri Mineral Negara (TIM) 2021-2030 yang telah dirangka oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang kini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah mengenal pasti lima (5) mineral strategik, iaitu unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE), bauksit, bijih timah, pasir silika dan kaolin. Daripada lima (5) mineral strategik ini, negeri Perak mempunyai taburan empat (4) mineral strategik ini kecuali bauksit di serata negeri yang boleh menjana hasil pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

Negeri Perak telah meneroka perlombongan NR-REE yang merupakan bahan mineral bernilai tinggi di pasaran dunia dengan pelaksanaan Projek Perintis Perlombongan NR-REE di atas kawasan seluas kira-kira 87.412 hektar (216 ekar) milik Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak. Projek perintis ini dilaksanakan dengan mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) NR-REE Negeri Perak yang telah disediakan oleh NRECC setelah pelbagai perbincangan serta perundingan dilaksanakan di antara agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Sehingga Mei 2023, pihak syarikat telah berjaya mengeksport sebanyak 7,758.794 metrik tan *Rare Earth Carbonate* (REC) ke China melalui 22 kali penghantaran dan telah menjana royalti hampir RM29.73 juta (RM29,731,752.87) kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, aktiviti pengekstrakan bahan mineral NR-REE tidak hanya akan tertumpu kepada pengekstrakan berbentuk sumber bahan mentah (*raw material*) semata-mata dan Kerajaan Negeri akan berusaha untuk merintis ke arah pembangunan sumber mineral baru ini dengan aktiviti pemprosesan melalui pewujudan sektor industri pertengahan (*mid-stream industry*) dan sektor industri hiliran (*down-stream industry*) ke arah penghasilan produk akhir (*end product*) bagi meningkatkan nilai harga pasaran bahan mineral NR-REE ini sebagai sumber pengeksportan utama. Bagi memenuhi hasrat ini, Kerajaan Negeri komited untuk menawarkan lokasi-lokasi strategik di negeri Perak untuk pembangunan industri mineral ini bagi merangsang daya saing ekonomi ke arah pelaburan yang lebih berpendapatan tinggi, di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Jawatankuasa Teknikal Perlombongan Bertanggungjawab Negeri Perak

Kerajaan Negeri Perak telah menerapkan agenda Perlombongan Bertanggungjawab di dalam pelan Perak Sejahtera 2030 yang menekankan perlombongan yang bertanggungjawab dan mampan memandangkan aktiviti perlombongan sering kali dikaitkan dengan kesan negatif kepada alam sekitar dan berkemungkinan mendatangkan impak kepada masyarakat setempat. Oleh yang demikian, penggunaan teknologi moden dan amalan terbaik serta pematuhan kepada peraturan yang berkuatkuasa di dalam aktiviti perlombongan pada masa kini dilihat mampu untuk mengimbangi potensi impak negatif dan penjanaan pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

Bagi memastikan agenda Perlombongan Bertanggungjawab ini dapat dijalankan secara teratur, dua (2) program di bawah *Flagship* 3 telah dirancang untuk dilaksanakan. Penggunaan teknologi tinggi dalam aktiviti perlombongan mampu memberikan hasil yang lebih mampan dan mengurangkan risiko pencemaran di samping mengekalkan kelestarian alam sekitar. Selain itu, ianya mampu menyumbang kepada perkembangan aktiviti perlombongan dan industri berasaskan mineral dan memberi nilai tambah kepada ekonomi dengan pembangunan industri pertengahan dan industri hiliran. Dua (2) projek yang digariskan bagi agenda ini adalah:

1. Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Mineral (*Center of Excellence for Mineral Research*) yang akan diterajui oleh Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc).

2. Peneraju Nilai Rantaian Mineral Rantau Asia yang akan diterajui oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) bagi merintis pembangunan industri pertengahan dan industri hiliran.

Dalam melaksanakan agenda Perlombongan Bertanggungjawab ini, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak telah bersetuju untuk membentuk satu Jawatankuasa Teknikal Perlombongan Bertanggungjawab Negeri Perak dan mesyuarat penubuhan jawatankuasa ini telah dilaksanakan pada 9 Januari 2024.

Jawatankuasa Teknikal Perlombongan Bertanggungjawab Negeri Perak dianggotai oleh 10 ahli tetap yang terdiri daripada Jabatan / Agensi Persekutuan dan Pihak Berkuasa Negeri serta ahli jemputan yang akan dijemput bagi menghadiri mesyuarat jika ada isu-isu berkaitan. Kekerapan mesyuarat adalah sebanyak dua (2) kali setahun atau mengikut keperluan atau pada bila-bila masa seperti yang diarahkan oleh Pengerusi. Selain itu, Perbadanan Menteri Besar (MB Inc.) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) hendaklah memberikan pelaporan secara berkala mengenai kemajuan projek atau aktiviti yang diterajui untuk dibentangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perlombongan Bertanggungjawab Negeri Perak.

Karnival Agropelancongan Perak 2024 (PAC 2024)

> **Karnival PAC 2024 semarakkan industri agropelancongan**

Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) menyasarkan sumbangan RM6 juta kepada pendapatan negeri dalam industri agropelancongan sempena penganjuran Karnival Agropelancongan Perak 2024 (PAC 2024). Sasaran ini didorong oleh tawaran pengalaman pakej agropelancongan yang menarik di negeri Perak dan potongan harga sehingga 70 peratus bagi lebih 100 produk agropelancongan semasa berlangsungnya PAC 2024 di Resort Tasik Raban, Lenggong selama tiga (3) hari bermula 17 hingga 19 Mei 2024.

Penganjuran PAC ini akan menjadi acara tahunan bagi merancakkan industri agropelancongan sekali gus memberi impak positif kepada limpahan ekonomi negeri Perak. Majlis perasmian PAC 2024 turut melancarkan portal pembelian pakej agropelancongan dalam talian (agrotourism.my), Persatuan Agropelancongan Perak, penyerahan *mock cheque* sumbangan Pembangunan Industri Eko dan Agropelancongan Perak SADC berjumlah RM100,000.00 kepada Majlis Daerah Lenggong, Majlis Daerah Selama, dan Majlis Perbandaran Manjung. Selain itu, YBhg. Dato' Awie turut dilantik sebagai Ikon Selebriti Agropelancongan Perak SADC dan Kembara *Blues* Perak YBhg. Dato' Awie.

Perak SADC terus komited untuk lebih agresif membantu Kerajaan Negeri dalam melonjak sektor agropelancongan dengan menjadikan tahun 2024 sebagai tahun untuk memberi tumpuan terhadap industri tersebut selari dengan inisiatif menjayakan pelan Perak Sejahtera 2030.

Selain pakej pelancongan, pengunjung PAC 2024 turut berpeluang menaiki belon udara panas, beriadah dengan pelbagai aktiviti sukan lasak seperti sukan air, *flying fox*, dan perkhemahan selain membeli-belah pada harga rahmah di agro bazar – pasar *in the garden* dan pesta makanan, mengikuti ceramah perdana, persembahan artis-artis popular tanah air dan persembahan kebudayaan.

Majlis Pelancaran *Go* Malaysia *Fair* 2024

Majlis Pelancaran *Go Malaysia Fair* 2024 telah berlangsung di Marina Square, Singapura pada 27 April 2024. Pelancaran telah disempurnakan oleh TYT Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafar, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura serta dihadiri Cik Mohana Murni Shanmugam, Timbalan Pengarah Tourism Malaysia Singapura, Encik Sebastian Yap, Pengerusi Penganjur *Go Malaysia Fair*, Dato' Mohamed Kamil bin Dato' Shafie, Pengerusi Lembaga Pengarah Tourism Perak dan jemputan lain. Penyertaan Tourism Perak ke *Go Malaysia Fair* 2024 ini dilaksanakan untuk mempromosikan Tahun Melawat Perak 2024 ke pasaran Singapura dan menarik minat penduduk Singapura untuk melancong ke Perak. Tourism Perak membawa bersama 14 pengusaha produk dan pemain industri termasuk pengusaha kraf Labu Sayong dan Tekat Benang Emas untuk bersama-sama mempromosikan negeri Perak.

“Tourism Perak menyertai *Go* Malaysia *Fair* 2024 dalam rangka promosi Tahun Melawat Perak 2024 ke pasaran Singapura”

Seminar Pelancongan Sempena Tahun Melawat Perak 2024

Tourism Perak menganjurkan Seminar Pelancongan sempena Tahun Melawat Perak 2024 semasa Misi Pelaburan YAB Menteri Besar Perak ke Jepun 2024. Seminar ini dianjurkan untuk mempromosikan sektor pelancongan ke pasaran baru di Jepun, sejajar dengan kempen Tahun Melawat Perak 2024 yang dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak. Seminar ini telah dihadiri oleh 70 peserta dari industri pelancongan dan media di Osaka, Japan. Seminar ini dianjurkan dengan kerjasama Tourism Malaysia Osaka dalam menyelaras keseluruhan seminar. Tourism Perak juga melancarkan Perak *Guide Book* dan Video Rasmi Tahun Melawat Perak 2024 dalam versi Bahasa Jepun. Selain itu, Tourism Perak telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Canon Malaysia, sebuah syarikat multinasional Jepun untuk meningkatkan promosi Tahun Melawat Perak 2024.

“70 industri pelancongan dan media sertai Seminar Pelancongan sempena Tahun Melawat Perak 2024 di Osaka, Jepun”

Program Insentif Khas Baucar Pelancongan

Program Insentif Khas Baucar Pelancongan merupakan usaha yang dilaksanakan untuk mengalakkan dan mempromosikan sektor pelancongan negeri Perak sempena Tahun Melawat Perak 2024. Insentif ini dilihat dapat memberikan manfaat limpahan ekonomi kepada pemain industri pelancongan seperti agensi pelancongan dan pengembaraan, hotel, operator produk pelancongan serta masyarakat setempat. Insentif yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM298,000.00 telah memberi manfaat kepada Persatuan Pemandu Pelancong Negeri Perak dan 64 pemain industri.

> **Insentif Khas Baucar Pelancongan beri manfaat kepada Persatuan Pemandu Pelancong Negeri Perak dan 64 pemain industri**

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor, YB Encik Loh Sze Yee juga telah meluluskan peruntukan bagi pakej pelancongan yang telah dijalankan oleh MATTA Perak *Chapter* sempena MATTA *Fair* Kuala Lumpur yang diadakan pada Mac 2024 yang berjumlah sebanyak RM150,000.00 yang memberi manfaat kepada 1,000 pengunjung. Pengunjung yang membeli pakej pelancongan ke Perak selama 2 hari 1 malam hanya perlu membayar RM9.90 sahaja.

Pusat Komersial *Silverlakes Village Outlet*

Projek pembangunan *Silverlakes Village Outlet* yang terletak di Batu Gajah merupakan manifestasi kejayaan libat urus antara kerajaan negeri, agensi, dan sektor swasta. Bermula pada tahun 2014, pembangunan ini telah mengubah landskap bekas lombong seluas 260 ekar menjadi pusat pembangunan berimpak tinggi. Dengan struktur binaan yang unik, projek ini telah dianugerahkan reka bentuk terbaik oleh Persatuan Arkitek Malaysia pada tahun 2023. *Silverlakes Village Outlet* yang kini beroperasi sepenuhnya menawarkan pelbagai tarikan termasuk lebih daripada 100 kedai yang terletak di *North Village* dan *West Village*. Pengunjung boleh menikmati aktiviti keluarga seperti karnival dan menaiki bot di tasik, serta meneroka *Dinosaur Encounter Park* yang menarik. Pembangunan ini bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi tetapi juga memelihara sumber alam, malah menjadikannya destinasi pelancongan yang menarik di Perak.

“*Silverlakes Village Outlet* transformasi landskap bekas lombong kepada pusat pembangunan berimpak tinggi”

Taman Alam Semula jadi *Escape*@Ipoh di Tanjung Tualang *Tin Dredge No.5*

Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.) telah mengadakan perjanjian sewaan dengan TT5 Park Sdn. Bhd. untuk mengubah bekas lombong menjadi *ESCAPE IPOH*, sebuah destinasi pelancongan di Perak. Bermula sebelum pandemik COVID-19 pada 2019, projek ini dibiayai melalui pembiayaan swasta (PFI) selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk meningkatkan ekonomi melalui pelancongan. *Escape* Ipoh menawarkan pelbagai aktiviti seperti *obstacle track*, gelongsor air, dan *zip line* di atas tanah seluas 140 ekar. Pembangunan yang bermula pada Februari 2023 dan selesai pada Februari 2024 ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad pada 24 Februari 2024 dan dibuka untuk dilawati pada 2 April 2024 memberikan impak ekonomi dan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

“*Escape* Ipoh jadi tarikan pelancongan baharu di Perak”

Heritage Tourism at Ipoh (*Light & Sound, Digital Art Gallery & Kinta Riverwalk*)

Projek *Heritage Tourism at Ipoh (Light & Sound, Digital Art Gallery & Kinta Riverwalk)* adalah satu projek yang dilakukan untuk meneraju ekonomi pengalaman berpaksikan Kelestarian Alam Sekitar. Projek ini terdiri daripada dua (2) pakej, iaitu Pakej 1A dan 1B yang telah selesai dan telah beroperasi. Pakej 2 sedang dalam pelaksanaan sebanyak 96.16 peratus. Bagi Pakej 2, iaitu Projek Naik taraf Pejabat Pos Lama untuk dijadikan Digital *Art Gallery* telah bermula pada November 2022. Projek yang dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2024 ini bakal menjadikan Bandaraya Ipoh sebagai salah satu tarikan pelancong di Perak, di samping meningkatkan hasil Kerajaan Negeri dan menghidupkan suasana malam di sekitar Bandaraya Ipoh.

> ***Heritage Tourism at* Ipoh teraju ekonomi pengalaman**

Geotourism @ Kinta *Geopark*

Bagi mengetengahkan pemuliharaan warisan, pemuliharaan pelbagai sumber warisan biologi, geologi dan budaya, *Geotourism*@Kinta *Geopark* telah dilaksanakan dengan peruntukan RM1.8 juta di kawasan Kinta dan Kampar. Projek ini akan menyediakan laluan masuk ke kawasan Gua Tambun termasuk membaik pulih semula kemudahan awam sedia ada bagi memudahkan pelancong untuk mengakses ke gua dan lukisan primitif yang berada di dinding gunung. Penaiktarafan di sekitar Geotapak Lata Ulu Chepor juga dilakukan dengan membaik pulih jambatan ke chalet serta lain-lain kerja berkaitan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM70,000.00. Selain itu, dua (2) unit gerai PLB untuk dibaik pulih dan lain-lain kerja berkaitan dengan peruntukan sebanyak RM80,000.00 telah selesai dilaksanakan.

> ***Geotourism*@Kinta *Geopark* jadi tarikan pelancongan Perak**

Program beYOUtiful@Kampar MAKAN SINI

> **Program beYOUtiful@Kampar MAKAN SINI mengangkat dan mempromosikan pengusaha-pengusaha kedai makan lokal di daerah Kampar**

Majlis Daerah Kampar telah mengambil inisiatif melancarkan Program beYOUtiful@Kampar MAKAN SINI. Program inovatif ini dirancang untuk mengangkat dan mempromosikan pengusaha-pengusaha kedai makan lokal serta menonjolkan tempat-tempat makan yang menarik di daerah Kampar. Sebagai simbol keunikan, setiap lokasi makanan terpilih diberikan plak eksklusif "beYoutiful@Kampar MAKAN SINI" sebagai penanda tempat makan pilihan. Bermula Mac hingga Mei 2023, program ini telah berjaya menarik perhatian dan meningkatkan jumlah pengunjung ke kedai-kedai makan yang terlibat. 10 tempat makan telah dipilih dan dipromosikan oleh tiga (3) orang pempengaruh terkenal sekali gus meningkatkan kehadiran pengunjung dari semasa ke semasa.

Program D'Agacia *Fun Run*

Program D'Agacia *Fun Run* merupakan satu platform penyatuan masyarakat berbilang kaum dengan penyertaan dalam acara larian yang dianjurkan bertempat di Castle Avenue, Bandar Agacia, Kampar. Lebih daripada 300 peserta telah menyertai larian berkonsepkan *Fun Run* bertemakan *Magical* dengan jarak 5KM. Program telah diadakan pada 28 Mei 2023 dengan penyertaan daripada peserta luar dari daerah Kampar secara tidak langsung dapat mempromosikan daerah Kampar.

> **Penyatuan masyarakat berbilang kaum melalui Program D'Agacia *Fun Run***

Program Pemutihan Kawasan Ekopelancongan di dalam Daerah Kampar

Program pemutihan kawasan ekopelancongan di daerah Kampar dilaksanakan untuk memastikan keselamatan dan pematuhan undang-undang serta garis panduan teknikal. Program ini memberi fokus kepada dua (2) mukim utama, iaitu Kampar dan Teja yang kaya dengan keindahan semula jadi. Program pemutihan ini telah dimulakan pada 1 Januari 2023 dan masih dalam pelaksanaan sehingga 31 Disember 2024. Setakat ini, enam (6) kelulusan lesen telah dikeluarkan daripada 36 pengusaha pelancongan yang telah dilawati.

> **Program pemutihan kawasan ekopelancongan di daerah Kampar beri fokus kepada keselamatan dan pematuhan undang-undang serta garis panduan teknikal**

Projek Menaik taraf Kemudahan Asas Lata Puteh, Selama, Perak

Lata Puteh, salah satu dari tujuh (7) Lata Selama, kini semakin terkenal sebagai destinasi pendakian di Selama. Terletak di Banjaran Bintang Hijau dan memiliki tiga (3) tingkat, lata ini merupakan antara lata yang tertinggi di Asia Tenggara. Bagi meningkatkan keselesaan pengunjung, kerja naik taraf sedang dilaksanakan termasuklah kemudahan parkir, tandas, dan trek dengan peruntukan sebanyak RM210,000.00.

> **"Lata Puteh dinaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM210,000.00"**

Projek Menaik taraf Kemudahan Asas *Eco Campsite, Glamping* dan *Glamping Park* (Tapak Perkhemahan, *Glamping* dan Karavan) di Lata Rambong, Selama, Perak

Lata Rambong, satu lagi daripada tujuh (7) Lata Selama, semakin popular sebagai tempat rekreasi di Selama, terkenal dengan perkhemahan dan aktiviti lasak seperti *White Water Rafting*. Projek naik taraf sedang dilaksanakan untuk menyediakan kemudahan seperti kerja tanah, pagar, tempat perkhemahan, dan tandas dengan peruntukan RM250,000.00. Projek ini juga akan menerima peruntukan RM200,000.00 untuk Fasa 2 yang melibatkan pembinaan dewan terbuka. Bagi tujuan ini, Majlis Daerah Selama akan bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) untuk fasa seterusnya sebagai *glamping park*. Projek naik taraf ini akan meningkatkan keselesaan pengunjung yang gemar berkhemah dan *glamping*, di samping mempromosikan Selama sebagai destinasi ekopelancongan yang popular.

> **"Lata Rambong dinaik taraf demi keselesaan pengunjung sebagai destinasi ekopelancongan"**

Penganjuran Pertandingan Selama *Rafting Challenge* 2023

Selama *Rafting Challlenge* telah selesai dianjurkan pada 3 hingga 5 November 2023 yang lalu bertempat di Hub Ekopelancongan Sungai Seputeh, Ulu Selama. Pertandingan ini merupakan penganjuran kali ketiga dengan penyertaan 42 pasukan daripada seluruh negara termasuk satu (1) jemputan antarabangsa dengan peruntukan sebanyak RM65,100.00. Sempena Tahun Melawat Perak 2024, Selama *Rafting International Challenge* 2024 bertaraf antarabangsa dijadualkan berlangsung pada 25 hingga 27 Oktober 2024 dengan tambahan satu (1) kategori baru, iaitu kategori Terbuka Antarabangsa.

> **Selama *Rafting Challlenge* menarik penyertaaan sebanyak 42 pasukan daripada seluruh negara**

Projek Ubah suai dan Menaik taraf Binaan Zaman Kolonial British: Sungai Atas Sungai di Kampung Jalan Baru, Selama, Perak

> **Naik taraf Sungai Atas Sungai sempena Tahun Melawat Perak 2024 (TMP2024)**

Sungai Atas Sungai adalah terusan air yang berasal dari Sungai Ijok dan melintasi Sungai Redang Panjang. Jambatan yang dibina pada 1936 ini penting untuk perlombongan bijih timah pada zaman kolonial dan kini digunakan untuk sistem pengairan sawah padi. Sebagai destinasi pelancongan di Selama, infrastruktur ini telah dipulihara dengan peruntukan RM249,000.00 daripada MOTAC pada Disember 2023. Projek ini dijangka meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai sejarah dan akan menjadi tarikan utama sempena Tahun Melawat Perak 2024 (TMP2024).

Projek Menaik taraf Infrastruktur Warisan: Telaga Gergasi di Kampung Jalan Baru, Selama, Perak

Telaga Gergasi di Kampung Jalan Baru, Selama, merupakan telaga peninggalan British yang mengawal aliran air dari Sungai Ijok ke Tasik Bukit Merah. Struktur kira-kira setinggi 30 meter dan berdiameter 6 meter ini dianggap unik dalam warisan kolonial di Malaysia. Kerja naik taraf yang dijangka siap sepenuhnya pada 1 Julai 2024 ini sedang dilakukan dengan peruntukan sebanyak RM180,000.00 daripada MOTAC. Projek ini akan meningkatkan pemahaman mengenai sejarah dan memberi variasi dalam destinasi lawatan di Selama.

> **Telaga Gergasi destinasi lawatan terbaru di Selama**

Menaik taraf Bangunan Warisan Majlis Daerah Gerik, Projek Lakaran Mural Daerah Gerik

Pekan Gerik kini berubah menjadi ceria dengan mural dan lukisan yang menghiasi dinding dan bangunan, menyajikan makanan tradisional, budaya, dan tarikan pelancongan seperti pekasam, ikan loma, dan Hentian Royal Belum. Projek yang dilaksanakan pada tahun 2023 ini mengambil masa dua (2) bulan dan diharapkan menjadi tarikan pelancongan serta menjadi lokasi bergambar yang popular. Majlis Daerah Gerik (MDG) telah menyiapkan mural sepanjang 200 meter untuk menyokong Tahun Melawat Perak 2024, mempromosikan Gerik sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Mural bantu tarik pelancong, promosi pelancongan Gerik

Pengindahan Bangunan, Hiasan Jalan, Kawasan serta Melukis Mural di Pekan Bagan Datuk

Lukisan seni mural di Pekan Bagan Datuk mula diberikan nafas baharu sebagai tarikan pelancong untuk melawati kawasan Bagan Datuk, di samping memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap ikon-ikon Bagan Datuk yang diterjemahkan dalam bentuk lukisan seni mural. Projek ini dijayakan melalui Penyelidikan dan Tanggungjawab Sosial Korporat Universiti (USR) bersama Jabatan Seni Halus UiTM Cawangan Perak dan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) bagi Proses Baik Pulih Mural, Mural Baharu dan Arca Timbulan di Bagan Datuk, Perak.

Lukisan seni mural di Bagan Datuk bantu beri pendedahan kepada masyarakat terhadap ikon-ikon Bagan Datuk

Bagan Datuk *International Gateway* (BDIG)

Pelabuhan Bagan Datuk sedang giat menjalankan kerja-kerja menaik taraf dan pembangunan semula fasiliti. Jeti Kargo telah mendapat kelulusan beroperasi bermula 3 April 2024 daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Sijil Kebenaran Jeti Pendaratan Ikan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sah mulai 4 Disember 2023 sehingga 3 Disember 2026. Dengan kelulusan ini, Jeti Kargo berupaya menjalankan pengimportan hasil laut dan hasil pertanian untuk pasaran dalam negara dan juga diproses untuk dieksport ke negara lain. Komoditi lain seperti beras, minyak, kelapa, kayu yang diproses juga didagang melalui Jeti Kargo antara Malaysia, Indonesia, Thailand dan Myanmar.

> **"Perkhidmatan feri penumpang bakal menarik lebih ramai pengunjung ke Bagan Datuk *International Gateway* (BDIG)"**

Berikutan peningkatan sekuriti dan permintaan pelancong untuk mengembara dengan selesa tanpa melepaskan peluang mengalami budaya masyarakat tempatan, Bagan Datuk *International Gateway* (BDIG) sedang dinaik taraf untuk menyediakan perkhidmatan feri penumpang dan tarikan yang lebih baik kepada warganegara Malaysia dan pelawat. Pada masa ini, pihak pengurusan jeti menyasarkan pengoperasian terminal feri penumpang pada awal tahun 2025 dengan menumpukan tindakan naik taraf infrastruktur bagi memenuhi spesifikasi keselamatan yang ditetapkan oleh jabatan/ agensi teknikal. YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad telah mengadakan sesi lawatan ke Pelabuhan Bagan Datuk sempena Program Turun Padang YAB Menteri Besar ke daerah Bagan Datuk pada 23 November 2023 bagi melihat perkembangan semasa di lokasi.

Lorong Seni Muallim

Pihak Majlis Daerah Tanjong Malim telah melancarkan projek Lorong Seni Muallim yang terletak di sepanjang lorong belakang Kilang Pau Yik Mun di mana perniagaan keluarga ini bermula sejak tahun 1926. Projek Lorong Seni Muallim dikaryakan oleh Bob Sopan dan artis-artis seni tempatan yang menghasilkan mural-mural menarik yang menggariskan sejarah setempat seperti mural *Battle of Slim River*. Lorong Seni Muallim ini dijangka akan menarik aktiviti pelancongan di daerah Muallim seterusnya meningkatkan jumlah pelancong ke daerah Muallim. Lukisan mural yang berlatarbelakangkan sejarah ini secara tidak langsung dapat membantu mendidik masyarakat untuk lebih peka terhadap sejarah setempat.

> **_Battle of Slim River_: Karya Bob Sopan dan Artis-artis tempatan jadi tarikan utama Lorong Seni Muallim**

Koridor Pelancongan Kuala Kangsar

Projek ini menggabungkan kesemua pusat tarikan pelancongan dalam satu peta termasuk pusat kraftangan, industri hiliran dan aktiviti kebudayaan yang berada di daerah Kuala Kangsar. Perkhidmatan bas pelancongan juga akan disediakan di sekitar kawasan pelancongan di daerah Kuala Kangsar, di samping memanfaatkan pelajar-pelajar USAS. 30 buah papan tanda telah dipasang sepenuhnya pada 24 November 2023 yang lalu di bawah Projek Pemasangan Papan Tanda bagi aktiviti menyusuri bot Sungai Perak dengan kos RM145,000.00. Projek membina *Memory Lane* Kuala Kangsar di Bandar Kuala Kangsar juga telah disiapkan dengan 40 buah lukisan dengan jarak sepanjang 150 meter.

> **Koridor Pelancongan Kuala Kangsar gabungkan pusat tarikan pelancongan dan kebudayaan Kuala Kangsar**

Penubuhan Unit Pengurusan Pulau Bebas Cukai Pangkor

Pelancaran Pulau Bebas Cukai Pangkor pada 1 Januari 2020 lalu menjadi satu tarikan baharu pulau pelancongan di negeri Perak. Pulau Pangkor yang terkenal sebagai destinasi terbaik dengan keindahan pantai, tempat menarik, kawasan bersejarah, pelbagai makanan yang sedap serta tempat membeli-belah barangan bebas cukai. Serentak dengan itu, Unit Pengurusan Pulau Bebas Cukai terdiri daripada 14 orang pegawai dan kakitangan diwujudkan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Manjung (MPM) bagi mengawal selia Pulau Bebas Cukai ini. Pulau Bebas Cukai ini mencatatkan 1,051,925 orang pengunjung pada tahun 2022 dan meningkat kepada 1,074,854 orang pada tahun 2023. Manakala, 260,592 orang pengunjung dicatatkan setakat Mac 2024.

> **Pulau Bebas Cukai Pangkor catat 1,074,854 pengunjung tahun 2023**

Galeri Pangkor

Galeri Pangkor mula dibuka pada 1 Ogos 2010 menampilkan pelbagai khazanah dan tinggalan sejarah Pulau Pangkor. Galeri ini mempamerkan sejarah dan keunikan Pulau Pangkor, menjadi pusat maklumat dan kajian serta memupuk kefahaman masyarakat tentang sejarah warisan Pulau Pangkor. Majlis Perbandaran Manjung telah menaik taraf Galeri Pangkor selepas ditutup semasa pandemik COVID-19 dengan peruntukan RM2 juta daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan siap sepenuhnya pada 30 Oktober 2023. Galeri Pangkor menerima lebih daripada 7,700 pengunjung sejak dibuka semula pada 19 Disember 2023. Setakat Januari hingga Mac 2024, lebih daripada 260,000 pelancong domestik dan antarabangsa telah mengunjungi galeri ini.

“Galeri Pangkor jadi pusat maklumat dan kajian serta pupuk kefahaman masyarakat mengenai sejarah warisan Pulau Pangkor”

Bazar Teluk Nipah

Teluk Nipah di Pulau Bebas Cukai Pangkor adalah destinasi utama pelancongan yang menawarkan penginapan dan aktiviti pantai. Kawasan ini menjadi pusat ekonomi tempatan terutamanya untuk makanan, penginapan, pengangkutan, cenderahati, dan rekreasi. Hakisan pantai telah mengancam gerai perniagaan yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Manjung, yang disedari melalui kajian bersama Universiti Teknologi Petronas sejak 2019. Untuk mengatasi masalah ini, Majlis Perbandaran Manjung telah melancarkan usaha membina ruang perniagaan baru yang lebih selamat dan terlindung dengan peruntukan sebanyak RM3.6 juta. Inisiatif yang hampir siap sepenuhnya ini akan memberi manfaat kepada 47 peniaga dengan ruang perniagaan baru yang lebih selesa dan selamat.

“Bazar Teluk Nipah bakal dinaik taraf, beri impak kepada 47 orang peniaga”

Pulau Bangau dan Perarakan Bot Kemerdekaan Sungai Perak sebagai Produk Pelancongan

> **Pulau Bangau sokong industri ekopelancongan Perak**

Pulau Bangau yang berkeluasan 14.346 hektar terbentuk daripada pasir sungai dan dinamakan Pulau Bangau memandangkan populasi burung bangau yang mendiami pulau sebagai habitat. Pulau Bangau popular dalam kalangan pelancong dalam dan luar negara untuk melihat habitat unik burung bangau. Terdapat kemudahan jeti pelancongan yang menyediakan akses melalui Sungai Perak hasil kerjasama antara Majlis Perbandaran dan Pejabat Daerah dan Tanah Teluk Intan. Aktiviti seperti Perarakan Bot Kemerdekaan dan Gotong Royong membersihkan Sungai Perak turut dijalankan sempena Bulan Kemerdekaan. Inisiatif ini mempergiatkan industri ekopelancongan dan memperkukuhkan ekonomi setempat serta promosi produk tempatan sejajar dengan matlamat pembangunan Perak Sejahtera 2030.

Ladang Dusun Rasau Perdana

> **Ladang Dusun Rasau Perdana mampu tampung 100 ekor lembu dalam satu masa**

Projek Ladang Dusun Rasau Perdana ini merupakan projek di bawah pelaksanaan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dan Jabatan Pertanian yang beroperasi secara ternakan fidlot dengan kapasiti maksima 100 ekor lembu dalam satu masa. Lembu yang diternak akan dibekalkan untuk penjualan sempena Hari Raya Aidiladha dan turut dijual secara komersial oleh pihak Perak SADC melalui Program Jualan Rahmah bagi lebih mendekati masyarakat agar turut sama menerima manfaat dalam projek ini.

Karnival@Tasek Temoh 2023

Karnival@Tasek Temoh telah dianjurkan pada 24 Jun 2023 melibatkan pelbagai pihak termasuk jabatan kerajaan, agensi swasta, dan NGO sebagai usaha menyokong dasar kerajaan dalam mencapai *Sustainable Development Goals* (SDG), meneruskan *Local Agenda* 21, dan memperkukuhkan integrasi berdasarkan semangat Keluarga Malaysia. Karnival yang dihadiri lebih 3,000 orang pengunjung ini turut menggalakkan amalan hidup sihat melalui aktiviti *Fun Zumba*, Sukan Suri dan *Swim Fest*. Pameran dan Taklimat Kesedaran Cegah Jenayah di bawah inisiatif Program Bandar Selamat oleh PDRM juga sedikit sebanyak membuka minda pengunjung untuk menjaga keselamatan individu dan keluarga.

> **“3,000 pengunjung sertai Karnival@Tasek Temoh”**

Pembangunan Bandar Baru Tapah Road

Beberapa projek pembangunan bercampur telah diluluskan di sekitar kawasan UiTM dan sedang giat dibangunkan melalui Syarikat Lagenda Tapah Sdn. Bhd. (229 ekar), Opti Vega Sdn. Bhd. (50 ekar) dan LPB Development Sdn. Bhd. (Fasa 1 seluas 214 ekar). Selain itu, LPB Development Sdn. Bhd. juga mempunyai tanah berkeluasan 626 ekar yang akan dimajukan untuk fasa 2 hingga 4 sebagai kemajuan akan datang. 45,000 orang penduduk dijangka dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah RM887 juta bagi pembangunan ini.

> **“Projek pembangunan bercampur giat dibangunkan di kawasan Bandar Baru Tapah Road”**

2030
PERAK
SEJAHTERA

SEJAHTERA SOSIAL

Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk rakyat yang berpaut kepada matlamat mengupayakan sara diri, membangunkan potensi dan kapasiti rakyat bagi mengharungi cabaran kehidupan melalui penetapan tiga (3) komponen utama kesejahteraan sosial, iaitu pengurusan keperluan hidup, peluang mobiliti sosial, dan pengurusan masalah sosial.

Melalui sasaran sejahtera sosial, Kerajaan Negeri turut mengukuhkan sinergi dengan Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan inisiatif menoktahkan kemiskinan melalui usaha meningkatkan pendapatan dan menambah baik taraf hidup rakyat, selain meluaskan peluang ekonomi dan perlindungan, serta menambah baik akses kepada perkhidmatan asas. Usaha pembasmian kemiskinan bukan sekadar memberi fokus kepada peningkatan pendapatan, tetapi turut mengambil kira kualiti dan kesejahteraan hidup yang akan direalisasikan dengan menyediakan jaringan keselamatan sosial yang kukuh dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang baik. Berdasarkan data eKasih, jumlah kemiskinan tegar yang dikunci pada 31 Januari 2023 ialah seramai 9,402 Ketua Isi Rumah. Sehingga 31 Disember 2023, jumlah tersebut telah menurun kepada 3,911 Ketua Isi Rumah menunjukkan penurunan 58 peratus.

Berikut merupakan antara projek-projek yang telah dilaksanakan dan sedia untuk dilaksanakan di bawah sasaran sejahtera sosial meliputi program kemiskinan dan bantuan kebajikan, keusahawanan, pemerkasaan wanita, keluarga dan kebajikan masyarakat, pembangunan modal insan, pendidikan, infrastruktur, kelestarian alam, kesenian dan kebudayaan, kesihatan dan perumahan.

Program *One Stop Centre* (OSC) Pembasmian Kemiskinan Sejahtera Sosial Negeri Perak Tahun 2024

> **Program *One Stop Centre* (OSC) Sejahtera Sosial Negeri Perak pemangkin pembasmian miskin tegar**

Program *One Stop Centre* (OSC) Sejahtera Sosial Negeri Perak diadakan untuk menghimpunkan semua agensi pemberi bantuan dan perkhidmatan di bawah satu bumbung untuk memudahkan akses ke atas bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada kumpulan sasar, iaitu peserta eKasih miskin tegar selaras dengan hasrat kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar di negara ini.

Sehingga 30 April 2024, dua (2) program Program *One Stop Centre* (OSC) telah berjaya dianjurkan, iaitu di daerah Manjung dan daerah Larut, Matang dan Selama. Program ini telah dilaksanakan pada 11 November 2023 di Dewan Merdeka, Manjung yang telah menghimpunkan lebih daripada 1,500 orang pengunjung dan 20 agensi pemberian bantuan. Manakala, di daerah Larut, Matang dan Selama, seramai 1,700 pengunjung telah menghadiri program ini dengan melibatkan 34 agensi pemberi bantuan dan lima (5) syarikat temu duga terbuka.

Pelbagai aktiviti menarik lain turut diadakan meliputi kursus-kursus kemahiran, pembukaan reruai oleh agensi-agensi pemberi bantuan, syarikat-syarikat penemu duga, saringan kesihatan percuma, perkhidmatan tukar minyak hitam percuma, gunting rambut percuma, perkhidmatan merias kuku tangan dan kaki percuma, jualan murah, cabutan bertuah dan sebagainya.

Program Kad Perak Sejahtera Negeri Perak Tahun 2023/2024

16,111 orang penerima Kad Perak Sejahtera sehingga April 2024

Program Kad Perak Sejahtera merupakan inisiatif dan komitmen berterusan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kos sara hidup dengan menyediakan bantuan kewangan Perak Sejahtera sekali gus menyantuni rakyat yang terkesan dengan himpitan ekonomi, terutamanya golongan B40 dan miskin tegar.

Sehingga 30 April 2024, Kad Perak Sejahtera telah memberi manfaat kepada 16,111 orang penerima yang tergolong daripada Ketua Isi Rumah (KIR) kategori B40 dan miskin tegar. Bermula tahun 2024, para penerima Bantuan Makanan Perak Sejahtera akan menikmati kemudahan kewangan untuk pembelian barangan asas sebanyak RM100.00 secara bulanan di kedai dan pasar raya panel terpilih. Kerajaan Negeri juga akan memfokuskan kepada penilaian semula (pemutihan) kelayakan para penerima program yang telah menerima manfaat program melebihi tempoh dua (2) tahun bagi memastikan bantuan ini dinikmati oleh penerima yang benar-benar layak.

Program Dana Perubatan Sinar – Rawatan Katarak Mata Negeri Perak dengan Kerjasama Hospital Ar-Ridzuan, Ipoh

Kerajaan Negeri telah melancarkan Dana Perubatan Sinar pada 28 Februari 2022 dengan menyediakan peruntukan RM100,000.00 bagi membantu golongan B40 yang berumur 50 tahun ke atas bagi mendapatkan rawatan penglihatan katarak di Hospital Ar-Ridzuan Ipoh. Pesakit yang layak akan mendapat manfaat subsidi maksimum sebanyak RM3,000.00 daripada kos keseluruhan pembedahan tersebut.

Dana Perubatan Sinar telah memberi manfaat kepada 54 penerima dalam golongan B40

Sehingga bulan Mac 2024 (Jun 2023 – Mac 2024), Dana Perubatan Sinar ini telah memberi manfaat kepada 54 penerima. Dana yang diberikan ini diharapkan dapat membantu lebih ramai lagi rakyat di Perak yang berpendapatan rendah dan memerlukan rawatan segera.

Program Pemberian Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)

> **31 Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) telah menerima Geran Persekutuan berjumlah RM2,080,472.00 dan 44 Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) diberi Geran Negeri melibatkan perbelanjaan berjumlah RM985,200.00**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK). Geran ini disalurkan untuk menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dalam menawarkan perkhidmatan Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas. Antara kategori bantuan geran yang disediakan adalah geran rangsum (makan minum), geran pentadbiran, elaun sagu hati sukarelawan, elaun khas murid Orang Kurang Upaya (OKU), geran per kapita serta geran pembaikan. Pada tahun 2023, 31 Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) telah menerima Geran Persekutuan berjumlah RM2,080,472.00 dan 44 Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) diberi Geran Negeri melibatkan perbelanjaan berjumlah RM985,200.00.

Program Pemberian Bantuan Kewangan Persekutuan dan Negeri kepada Kumpulan Sasar Jabatan

48,362 orang menerima manfaat daripada skim bantuan bulanan JKM

Perkhidmatan bantuan kewangan secara bulanan disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak kepada mana-mana individu atau keluarga yang layak. Perkhidmatan bantuan kewangan ini menggunakan peruntukan kewangan persekutuan. Antara skim bantuan yang disediakan adalah Skim Bantuan Warga Emas (BWE), Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/Terlantar (BPT), Elaun Pekerja OKU (EPOKU), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Anak Pelihara (BAT) dan Bantuan Latihan Perantis (BLP). Sementara itu, skim bantuan yang menggunakan kewangan negeri adalah Skim Bantuan Am (BA).

Pada tahun 2023, 48,362 orang telah menerima manfaat daripada skim bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM229,351,643.00. Manakala, bermula Januari hingga April 2024, RM82,874,560 telah dibelanjakan yang memberi manfaat kepada 49,172 penerima.

Program Tabarruk Khairat Kematian

8,536 waris menjadi penerima Program Tabarruk Khairat Kematian

Program Tabarruk Khairat Kematian adalah program bantuan kewangan berbentuk tunai yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, khusus bagi menyantuni rakyat negeri Perak yang telah meninggal dunia dalam usaha meringankan beban waris atau keluarga dalam menguruskan hal-hal berkaitan kematian. Bermula tahun 2023, seramai 8,536 waris keluarga telah disantuni dengan pemberian sebanyak RM500.00 bagi setiap kematian yang dipohon dan menepati kriteria penerima bantuan dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM4,268,000.00.

Program Jualan RAHMAH

Program Jualan RAHMAH yang telah dilancarkan pada 11 Januari 2023 merupakan inisiatif yang dijalankan untuk menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga biasa setempat. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Perak telah melaksanakan 508 Program Jualan RAHMAH di seluruh negeri Perak dan telah memberi manfaat kepada lebih 800,000 orang Ketua Isi Rumah (KIR) dengan rekod jualan melebihi RM18 juta.

Antara barang keperluan harian yang diberikan diskaun adalah ayam, ikan dan hasil laut, telur ayam, gula putih bertapis, minyak masak botol, tepung gandum, beras, sayur-sayuran, buah-buahan, barangan penjagaan diri, barangan keperluan sekolah dan lain-lain barang keperluan harian seperti makanan dan bukan makanan. Pelaksanaan ini meliputi semua kawasan Parlimen dan DUN di negeri Perak.

Pada tahun 2024 pula, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Perak akan melaksanakan Program Jualan RAHMAH sebanyak dua (2) kali sebulan di setiap kawasan parlimen. Program Jualan RAHMAH turut disasarkan di kawasan luar bandar bagi membantu golongan B40 dengan menawarkan barangan asas pada harga lebih rendah daripada harga pasaran di seluruh negeri Perak.

“508 Program Jualan RAHMAH memberi manfaat kepada lebih 800,000 orang Ketua Isi Rumah dengan rekod jualan melebihi RM18 juta”

Program Menu RAHMAH

“186 pengusaha makanan menyertai program Menu RAHMAH”

Inisiatif Menu RAHMAH adalah satu usaha membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan menawarkan set makanan yang dilengkapi dengan karbohidrat, protein, sayur-sayuran dan minuman yang dijual pada harga RM5.00 atau ke bawah. Seramai 186 pengusaha makanan di negeri Perak telah menyertai program Menu RAHMAH sejak program ini diperkenalkan pada 31 Januari 2023. Kerajaan juga turut memperkenalkan Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH kepada peniaga dengan kerjasama beberapa pasar raya terpilih mengikut terma dan syarat. Melalui inisiatif ini, pengusaha makanan yang menawarkan Menu RAHMAH boleh membeli barangan keperluan perniagaan dengan diskaun sehingga 40 peratus bagi pembelian barangan keperluan perniagaan. Sehingga 27 November 2023, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) telah menerima lima (5) permohonan kad diskaun tersebut.

Bazar Ramadan RAHMAH

> **Bazar Ramadan RAHMAH telah diperkenalkan di empat (4) lokasi negeri Perak**

Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak merupakan bazar yang menawarkan pilihan juadah berbuka puasa pada harga rahmah. Program yang bermula pada tahun 2023 ini menyediakan bantuan *e-wallet* sebanyak RM30.00 kepada peniaga yang berdaftar dan *e-wallet* sebanyak RM20.00 kepada pengunjung Bazar Ramadan RAHMAH di Bazar Ramadan terpilih.

Pada tahun 2024, Bazar Ramadan RAHMAH telah diperkenalkan di empat (4) lokasi negeri Perak, iaitu di Taman Cempaka, Taman Silibin, Taman Perpaduan dan Stadium Majlis Perbandaran Manjung (MPM). *e-wallet* bernilai RM20.00 diberikan kepada 500 pengunjung pertama. Inisiatif yang dilaksanakan dengan peruntukan RM170,000.00 ini telah memberi manfaat kepada 8,500 pengunjung.

Jualan RAHMAH Aidilfitri Perak SADC

Dalam usaha membantu rakyat memperoleh akses bagi mendapatkan barangan keperluan asas seperti ayam, daging, itik serta telur dengan harga yang lebih berpatutan sempena menyambut Aidilfitri pada tahun ini, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) telah mengadakan Jualan RAHMAH Aidilfitri Perak SADC yang bertempat di perkarangan Ibu Pejabat Perak SADC pada 5 April 2024.

Sempena Jualan RAHMAH ini, Perak SADC telah menyediakan sebanyak 24 ekor lembu, serta 3,600 ekor ayam segar untuk dijual dengan harga subsidi, di samping menyediakan telur sebanyak 4,000 papan serta 200 ekor daging itik segar. Sebanyak 1,600 pra pesanan ke atas kesemua barangan itu telah direkodkan sejak ia mula dibuka pada 20 Mac yang lalu.

Pengunjung yang telah membuat pra pesanan itu telah hadir bagi mengambil barangan yang telah ditempah dan terdapat juga pengunjung yang hadir bagi membuat pembelian melalui kaedah datang terus atau *walk-in* bagi jualan organ lembu.

> **“Jualan RAHMAH Aidilfitri Perak SADC bantu rakyat mendapatkan barangan keperluan asas untuk perayaan”**

Jualan Termurah MADANI Sempena Lawatan YAB Perdana Menteri ke Tambun

"Jualan Termurah MADANI beri peluang kepada rakyat dapatkan barangan berkualiti pada harga yang rendah"

Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) tidak melepaskan peluang menyertai Jualan Termurah MADANI sempena lawatan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Tambun yang diadakan di Padang Awan, Klebang Restu, Ipoh. Jualan murah kali ini memfokuskan kepada penawaran produk makanan basah dan kering seperti sotong, udang, ikan dan sayur-sayuran, manakala Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) menawarkan Lenggong *Beef* yang dijual dengan potongan harga sebanyak 15 peratus.

Promosi Jualan dengan Potongan Harga 50% sempena Sambutan Ke-50 Tahun Perak SADC (1973-2023)

1 Majlis Pelancaran 50% Jualan Murah sempena Ulang Tahun Ke-50 Perak SADC (1973-2023)

Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) mengadakan jualan promosi ayam mentah, telur dan *Lenggong Beef* dengan potongan harga sebanyak 50 peratus sempena Sambutan ke-50 Tahun Perak SADC (1973-2023) di Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) Kerajaan Negeri Perak Siri 6 Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Gerik, hari ini.

Majlis Pelancaran 50% Jualan Murah Sempena Ulang Tahun ke-50 Perak SADC (1973-2023) ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak.

Inisiatif pemberian 50% diskaun sempena Ulang Tahun ke-50 Perak SADC (1973-2023) ini dapat membantu rakyat berpendapatan rendah memperoleh akses bagi mendapatkan barangan keperluan asas segar produk pertanian yang berkualiti dengan harga yang lebih berpatutan khususnya ayam, telur dan *Lenggong Beef*, sekali gus membantu rakyat menjimatkan kos dan meningkatkan aksesibiliti kepada sumber makanan yang sihat.

Selain itu, Perak SADC dengan kerjasama Kedai Bergerak Negeri Perak Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) telah mengadakan jualan promosi istimewa yang melayakkan setiap pengunjung untuk mendapatkan ayam segar berharga RM10.00 untuk dua (2) ekor ayam sekiranya berbelanja minimum atau lebih RM10.00 di kedai berkenaan.

Di samping itu, satu Majlis Penyerahan Replika Cek bagi Program Pembangunan Usahawan Ayam Kampung, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bernilai RM900,000.00 yang diwakili oleh Pengarah KKDW Negeri Perak, Encik Faizal Shah bin Safian Huri kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perak SADC, YBhg. Dato' Haji Yahanis Yahya sambil disaksikan oleh Menteri Besar, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad. Melalui program ini, seramai 30 orang peserta akan dipilih dengan jumlah geran sebanyak RM30,000.00 bagi setiap peserta yang memfokuskan golongan belia dan golongan B40 yang berminat untuk menceburi bidang ternakan ayam kampung.

2 Promosi Jualan dengan Potongan Harga 50% di Program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 8 Tahun 2023

Promosi jualan ayam mentah, telur dan daging (*Lenggong Beef*) dengan potongan harga sebanyak 50% sempena Sambutan ke-50 Tahun Perak SADC (1973-2023) diteruskan di Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) Kerajaan Negeri Perak Siri 8 Tahun 2023 pada 7 September 2023 yang berlangsung di Dewan Sri Tanjong, Majlis Daerah Tanjong Malim.

Promosi ini bertujuan membantu rakyat berpendapatan rendah untuk memperoleh akses bagi mendapatkan barangan keperluan asas segar dan produk pertanian yang berkualiti dengan harga yang lebih berpatutan khususnya ayam, telur dan daging sekali gus meringankan bebanan kos sara hidup rakyat.

Promosi penjualan ini merupakan kali kedua dilaksanakan selepas buat julung kalinya diadakan sempena Majlis Pelancaran 50% Jualan Murah. Melalui promosi ini, setiap para pengunjung yang berbelanja barangan keperluan lebih daripada RM10.00 di Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) dalam satu resit, layak untuk mendapatkan ayam segar dengan harga serendah RM10.00 untuk 2 ekor ayam. Selain itu, pengunjung juga layak untuk mendapatkan ayam segar berharga RM6.00 seekor serta telur ayam berharga RM10.00 sepapan sekiranya berbelanja melebihi RM25.00 di kedai berkenaan.

3 Promosi Jualan dengan Potongan Harga 50% di Program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 9 Tahun 2023

Promosi jualan ayam segar dan telur dengan potongan harga sebanyak 50% sempena Sambutan ke-50 Tahun Perak SADC (1973-2023) terus mendapat sambutan hangat daripada orang ramai sekitar Ipoh yang berlangsung bersempena Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) Kerajaan Negeri Perak Siri 9 Tahun 2023 di Stadium Indera Mulia, Ipoh pada 12 Oktober 2023.

Jualan promosi 50% ini bukan hanya tertumpu kepada ayam segar dan telur tetapi juga jualan daging *Lenggong Beef* yang turut mendapat sambutan luar jangka dari para pengunjung.

YAB Dato' Seri Saarani Mohamad turut meluangkan masa ke khemah jualan dengan diiringi oleh YBhg. Dato' Haji Yahanis Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC untuk membuat jualan ayam serta beramah mesra dengan pengunjung yang hadir.

Program *Free Fuel, Free Road Fatality*@Petronas UTP, Seri Iskandar sempena Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2024

Program *Free Fuel, Free Road Fatality* Sempena Tahun Baru Cina ini merupakan inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia dan agensi-agensi di bawah Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Perak. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama PETRONAS Malaysia dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Melalui program ini, Kerajaan Negeri telah menaja petrol percuma kepada 800 kenderaan sebagai galakan orang ramai menyokong Kempen Keselamatan Jalan Raya. Pemberian ini dikhususkan kepada 300 kereta pertama dengan isian RM30.00 minyak RON95 dan isian RM5.00 kepada 500 motosikal di stesen Petronas UTP, Seri Iskandar yang melibatkan peruntukan RM11,500.00. Selain itu, pemeriksaan dan penukaran minyak motosikal secara percuma turut diberikan kepada 100 penunggang motosikal.

Sejajar dengan pemberian petrol percuma, Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan Tahun Baharu Cina turut dijalankan sepanjang bulan Februari 2024 untuk memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya, khususnya di tiga (3) daerah utama yang merekodkan kes kematian akibat kemalangan jalan raya yang tertinggi, iaitu Kinta (Ipoh), Manjung dan Taiping.

> **"Perak menaja petrol percuma kepada 800 kenderaan sebagai galakan menyokong Kempen Keselamatan Jalan Raya"**

Program *Free Fuel, Free Road Fatality*@Petronas Tapah sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024

Program *Free Fuel, Free Road Fatality*@Petronas Tapah sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024

Program *Free Fuel, Free Road Fatality* Sempena Hari Raya Aidilfitri merupakan inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Perak sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran kepada penunggang motosikal dengan menjalankan aktiviti penguatkuasaan yang bertumpukan kepada sembilan (9) kesalahan utama yang tidak dibenarkan kompaun. Di samping itu, Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negeri Perak telah menawarkan petrol RON95 secara percuma kepada 500 buah motosikal dan 300 buah kereta sambil mengikut advokasi daripada anggota penguatkuasaan. Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri ini dijalankan di sepanjang bulan April 2024. Program ini turut mendapat kerjasama dan penglibatan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, agensi-agensi di bawah Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), syarikat swasta dan Petubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta PETRONAS sebagai rakan strategik.

Pemantauan dan Penguatkuasaan Perniagaan

Berdasarkan statistik penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), sebanyak 71,729 pemeriksaan telah dilakukan ke atas premis perniagaan di seluruh negeri Perak untuk memastikan peniaga-peniaga mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN). Daripada jumlah itu, sebanyak 959 kes melibatkan nilai rampasan berjumlah RM6,216,457.37. Sepanjang tahun 2023, nilai kompaun yang telah dikeluarkan sebanyak RM838,450.00, manakala nilai denda yang dikeluarkan adalah sebanyak RM872,908.20. Pada tahun 2024, sebanyak 23,581 pemeriksaan dijalankan ke atas premis perniagaan di seluruh Perak bagi tempoh Januari sehingga April. Daripada jumlah itu, sebanyak 284 kes telah diselesaikan melibatkan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM3,501,477.97, nilai kompaun RM103,000.00 dan nilai denda sebanyak RM461,583.00.

71,729 pemeriksaan dilakukan ke atas premis perniagaan di seluruh Perak



Program *Walkabout* Skim Harga Maksimum Musim Perayaan

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan melindungi pengguna daripada peniaga yang mengaut keuntungan berlebihan

Program *Walkabout* Skim Harga Maksimum Musim Perayaan ini dilaksanakan bagi melindungi pengguna daripada peniaga-peniaga yang mengaut keuntungan berlebihan dengan menetapkan harga maksimum ke atas barang-barang keperluan musim perayaan. Program ini juga membolehkan pengguna mudah untuk memperolehi barang-barang keperluan musim perayaan pada harga yang ditentukan. Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) telah dilaksanakan bermula tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (dahulu Akta Kawalan Harga 1946). Di bawah skim ini, terdapat beberapa jenis barang keperluan dikenal pasti sebagai barang harga terkawal musim perayaan untuk ditetapkan harga maksimum di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit dalam suatu tempoh tertentu. Skim ini dilaksanakan di seluruh Malaysia dan harga yang ditetapkan adalah berbeza mengikut kawasan dan daerah.

Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI)

Program Sejahtera Komuniti MADANI atau singkatannya SejaTi MADANI merupakan inisiatif baru yang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dengan pemberian dana sehingga RM100,000.00 kepada komuniti yang layak. Inisiatif kerajaan ini bukan sahaja dapat merancakkan ekonomi di peringkat komuniti, tetapi juga pemangkin kepada penggembelengan kerjasama di antara pihak komuniti dan juga agensi-agensi kerajaan yang bertindak sebagai rakan strategik dalam memastikan program yang dilaksanakan oleh komuniti ini menemui kejayaan. Setakat 26 April 2024, sebanyak sembilan (9) permohonan dan telah berjaya diluluskan.

> **Pemberian dana sehingga RM100,000.00 melalui Program SejaTi MADANI**

Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP)

> **Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) telah beroperasi sebanyak 752 lokasi di negeri Perak dengan jumlah jualan RM3,747,155.33 dalam masa 3 tahun**

Dengan sasaran keluarga miskin dan berpendapatan rendah, B40 di kawasan bandar dan luar bandar bagi membeli pelbagai pilihan barangan keperluan asas dengan harga yang lebih murah berbanding harga pasaran, Kerajaan Negeri Perak melalui Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) telah melancarkan Program Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) ini pada 25 Mac 2021.

Antara tawaran menarik program Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) adalah pemberian diskaun sebanyak 10 peratus hingga 20 peratus bagi setiap pembelian di Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) dan penjualan ayam segar berharga RM6.00 seekor (melebihi 1kg seekor ayam) serta telur ayam berharga RM10.00 sepapan oleh usahawan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC). Program ini turut memberi manfaat kepada pemegang Kad Perak Sejahtera. Pada bulan Mac 2024, YBUDR telah menambah sebuah lori Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) baharu untuk memperluaskan operasi jualan. Kini, Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) mempunyai empat (4) buah lori untuk digunakan bagi operasi jualan.

Sejak tahun 2021 hingga Mac 2024, Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) telah beroperasi sebanyak 752 lokasi di negeri Perak dengan jumlah jualan RM3,747,155.33. Seramai 78,951 orang pelanggan telah mengunjungi dan menikmati manfaat jualan KBNP ini. Manakala, jumlah sumbangan diskaun yang telah ditaja adalah sebanyak RM581,447.42. Diskaun penjimatan sebanyak 10 peratus hingga 20 peratus telah ditaja oleh YB ADUN kawasan bersama pihak Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC), Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.), Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) dan jabatan kerajaan/badan korporat.

Program Kotak Makanan Yayasan Perak

> **Program Kotak Makanan Yayasan Perak telah memberi manfaat kepada hampir 100,000 orang penerima**

Program Kotak Makanan Yayasan Perak merupakan program bantuan keperluan makanan asas bagi golongan miskin tegar, miskin dan B40 di seluruh negeri Perak bagi membantu mengurangkan bebanan perbelanjaan keperluan asas untuk golongan yang memerlukan.

Kotak Makanan Yayasan Perak diagihkan kepada kesemua 59 kawasan DUN di negeri Perak pada setiap bulan. Program ini menyasarkan 73,000 orang penerima setahun (bergantung kepada nilai peruntukan yang diterima). Program yang bermula sejak 2019 ini akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2024 dengan nilai peruntukan terkini sebanyak RM5.0 juta.

Bermula dari tahun 2023 sehingga April 2024, Program Kotak Makanan Yayasan Perak telah memberi manfaat kepada hampir 100,000 orang penerima yang tergolong daripada golongan sasaran yang telah ditetapkan.

Bantuan *Food Basket*

Pemberian bantuan kotak makanan kepada golongan asnaf sempena Program Pembasmian Kemiskinan Bandar peringkat Majlis Daerah Tapah (MDT) telah diadakan pada 13 April 2023. Majlis Daerah Tapah (MDT) dengan kerjasama Lagenda Properties Berhad telah membekalkan 200 unit kotak bantuan makanan untuk diedarkan kepada golongan asnaf yang berada di daerah Batang Padang dengan bantuan daripada Penghulu Mukim Batang Padang, Chenderiang, Bidor dan Sungkai.

> **200 unit kotak bantuan makanan untuk diedarkan kepada golongan asnaf yang berada di daerah Batang Padang**

Skim Pinjaman Tanpa Faedah dan Geran Usahawan Asnaf

Pinjaman Tanpa Faedah adalah program yang disediakan kepada usahawan pertanian dalam bentuk pinjaman antara RM3,000.00 sehingga RM10,000.00 dengan bayaran balik maksimum selama lima (5) tahun dan bermula selepas enam (6) bulan tandatangan pinjaman. Bagi tempoh 2023, Skim Pinjaman Tanpa Faedah telah menyantuni sebanyak 92 usahawan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2,922,000.00. Program ini membantu usahawan pertanian dalam sektor tanaman, perikanan, pertenakan dan produk hiliran pertanian mengembangkan perusahaan yang telah diusahakan tetapi memerlukan bantuan bagi mengembangkan atau menaik taraf perusahaan mereka.

> **Perak bantu usahawan pertanian melalui Skim Pinjaman Tanpa Faedah dan Geran Usahawan Asnaf**

Geran pula bagi usahawan dari golongan asnaf yang berdaftar dengan eKasih, mempunyai kad orang kurang upaya, berdaftar dengan Jabatan Kabajikan Masyarakat (JKM) atau yang setara dengannya. Inisiatif ini telah berjaya membantu seramai 22 orang usahawan dengan peruntukan RM99,038.00. Inisiatif ini diwujudkan bagi memastikan setiap golongan usahawan terutama berkaitan pertanian dapat manfaat yang optimum dari dana kerajaan, di samping dapat membantu menjana ekonomi khususnya di negeri Perak.

Program Siri Jelajah Hari Usahawan, Agro dan Koperasi Negeri Perak

> **Siri Jelajah Hari Usahawan, Agro dan Koperasi Negeri Perak berjaya catat jualan hampir RM3 juta**

Pada tahun 2023, sebanyak 11 siri jelajah telah dilaksanakan dengan peruntukan RM267,180.30 dengan memfokuskan kepada konsep turun padang memberi manfaat kepada 248,338 orang yang terdiri daripada usahawan, usahawan baharu dan orang awam peringkat daerah di Perak yang mencatatkan jualan RM2,896,582.66. Program yang diselaraskan oleh Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) dengan kerjasama agensi-agensi keusahawanan, Pejabat Daerah dan Tanah, serta Pihak Berkuasa Tempatan ini juga berjaya mengumpulkan dan mempromosikan seramai 50 agensi keusahawanan negeri dan persekutuan serta pihak berkaitan ekosistem keusahawanan.

Program ini menjadi platform untuk pusat khidmat setempat yang mengumpulkan pelbagai agensi keusahawanan dan pihak berkaitan ekosistem keusahawanan di Perak, menyebarkan maklumat dan peluang untuk membuat permohonan program keusahawanan, bantuan geran dan bantuan kewangan. Antara pengisian lain ialah *pocket talk* oleh agensi serta penyedia pinjaman/latihan, jualan produk usahawan, jualan Madani Koperasi dan lawatan premis usahawan setempat. Program ini dilancarkan oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad pada 25 Februari 2023 di Arena Datuk Hasbullah, Gerik.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) turut bekerjasama dalam pelaksanaan dua (2) Siri Jelajah di daerah Muallim dan daerah Batang Padang.

	DAERAH	TARIKH PELAKSANAAN
1	Manjung	7 Januari 2023
2	Hulu Perak (Gerik)	25 - 26 Februari 2023
3	Kinta (Mini)	11 - 12 Mac 2023
4	Muallim	16 April 2023
5	Larut Matang dan Selama	17 Jun 2023
6	Kampar	22 - 26 Jun 2023
7	Hilir Perak dan Bagan Datuk	26 September 2023
8	Kuala Kangsar	29 September - 1 Oktober 2023
9	Batang Padang	26 Oktober 2023
10	Kerian	30 November 2023
11	Kinta	8 - 10 Disember 2023

Laporan pelaksanaan Siri Jelajah Hari Usahawan, Agro dan Koperasi 2023

*Sumber : Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), 2023

Siri Jelajah ini akan diteruskan pada tahun 2024 dengan penjenamaan semula kepada Siri Jelajah Hari Usahawan, Agro dan Koperasi Negeri Perak 2024 dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Perak. Sehingga April 2024, 1 siri jelajah anjuran bersama KUSKOP dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah diadakan di daerah Kuala Kangsar pada 4 Februari 2024.

Program Peluasan Pasaran Produk dan Perkhidmatan Usahawan Negeri Perak

STeP berjaya menyelaras 61 penyertaan usahawan Perak, mencatatkan jualan tunai sebanyak RM881,105.30 dan RM26 juta jualan dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MoU) dan kontrak pembekalan dan jualan

Program ini dirangka khas bagi menyediakan peluang kepada usahawan Perak memperluas jaringan perniagaan (business networking) dan pasaran produk dalam dan luar negara. Bagi tahun 2023, Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) telah berjaya menyelaras 61 penyertaan usahawan Perak, mencatatkan jualan tunai sebanyak RM881,105.30 dan RM26 juta jualan dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MoU) dan kontrak pembekalan dan jualan. Kerajaan Negeri melalui STeP telah memperuntukkan RM403,666.20 bagi menjayakan program ini pada tahun 2023. Dengan kerjasama erat sejak tahun 2022 bersama agensi seperti MATRADE, MARA, MPC, SIRIM dan lain-lain, program ini terus komited melahirkan kelompok usahawan eksport negeri Perak yang kompeten, mempunyai keupayaan dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa. Antara komponen program ini adalah penyertaan pelbagai pameran perdagangan khas dan pameran jualan antarabangsa dalam dan luar negara.

	PROGRAM	TARIKH/TEMPAT	JUMLAH USAHAWAN	JUMLAH JUALAN /POTENSI
1	*The* Penang *International* Halal *Expo and Conference* (PIHEC) 2023	23-25 Jun/ Pulau Pinang	10	RM17,406.00 (Jualan Tunai) RM1,771,240.00 (Jualan Potensi)
2	Program Minggu Madani di Ho Chi Minh, Vietnam	9-12 Jun/ Vietnam	2	RM1,200,000.00 (Kontrak Potensi)
3	Malaysia *Fest* 2023, Singapura	27-30 Julai/ Singapura	8 PAVILLION PERAK 8 DITAJA OLEH NCER	RM802,422.00 (Jualan Tunai) RM15.2 juta (Jualan Potensi)
4	Malaysia *International* Halal *Summit* (MIHAS) 2023	12-15 September/ MITEC, Kuala Lumpur	7 PAVILLION PERAK 12 DITAJA OLEH KEMENTERIAN	RM10,781.30 (Jualan Tunai) RM1,397,000.00 (Jualan Potensi) RM100,000.00 (Geran)
5	Selangor *International Business Summit* (SIBS) 2023	19-22 Oktober/ KLCC, Kuala Lumpur	8 PAVILLION PERAK 8 DITAJA OLEH NCER	RM50,496.00 (Jualan Tunai) RM1,500,000.00 (Jualan Potensi)
6	9th Halal *Summit and* 10th OIC Halal *Expo* Istanbul	23-26 November/ Istanbul Expo Centre, Turkiye	3	RM4,930,000.00 (Jualan Potensi)
	JUMLAH		61	RM881,105.30 (Jualan Tunai) RM26,098,240.00 (Jualan Potensi)

Laporan Program Peluasan Pasaran Produk dan Perkhidmatan Usahawan Perak Tahun 2023

*Sumber : Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), 2023

Geran Usahawan Perak Sejahtera (GeRAK)

92% usahawan Perak dapat tingkatkan pendapatan dan kapasiti pengeluaran produk melalui program GeRAK

Program Geran Usahawan Perak Sejahtera (GeRAK) merupakan program bantuan kewangan berbentuk *one-off* dengan jumlah maksimum RM2,000.00 bagi membantu usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Negeri Perak dari segi pembelian mesin dan peralatan berkaitan untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos operasi, peningkatan pemasaran digital, kos penyertaan kursus dan kos pendaftaran pensijilan seperti Halal, MeSTI dan GMP.

Peruntukan GeRAK 2023 adalah di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Perak Sejahtera 2022. Jumlah permohonan yang lulus bagi tahun 2023 adalah sebanyak 771 usahawan dengan jumlah peruntukan RM1,470,716.88. Selain berjaya membantu 92 peratus usahawan Perak meningkatkan pendapatan dan meningkatkan kapasiti pengeluaran produk mereka, geran ini turut membantu mengurangkan kos operasi perniagaan usahawan sebanyak 89 peratus.

	PERKARA	MAKLUM BALAS
1	Peratusan Peningkatan Pendapatan Perniagaan	
a	Tiada Peningkatan Pendapatan	7%
b	Pendapatan Menurun	1%
c	Pendapatan Meningkat 20%	89%
d	Pendapatan Meningkat 50%	10%
e	Pendapatan Meningkat 100%	1%
f	Pendapatan Meningkat 100%	1%
2	Geran membantu dalam mengurangkan kos pengoperasian perniagaan	89%

Laporan maklum balas Geran Usahawan Perak Sejahtera (GeRAK)

*Sumber : Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), 2023

Kerajaan Negeri Perak melalui Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) telah memperuntukkan sebanyak RM1.3 juta bagi pelaksanaan Geran GeRAK 2024. Geran GeRAK 2024 mula dibuka pada 5 April 2024 sehingga 5 Mei 2024 menyasarkan 600 usahawan PMKS yang bakal mendapat manfaat dan permohonan boleh dibuat di Sistem Maklumat Usahawan PMKS Negeri Perak (SME D-BASE).

Pinjaman Kit Mula Niaga (K-MUG)

> **220 orang usahawan dibantu melalui program Pinjaman Kit Mula Niaga (K-MUG)**

Pinjaman Kit Mula Niaga (K-MUG) merupakan bantuan dalam bentuk pinjaman perniagaan tanpa faedah kepada Usahawan Bimbingan Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) khususnya kepada golongan peniaga kecil dan sederhana yang terjejas ketika pandemik. Keutamaan pinjaman K-MUG ini diberikan kepada usahawan bimbingan Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) yang mempunyai rekod tunggakan kurang dari 12 bulan sahaja. YBUDR juga menyasarkan 220 orang usahawan dapat dibantu melalui program Pinjaman Kit Mula Niaga (K-MUG) ini. Usahawan bimbingan YBUDR yang terlibat dalam program ini akan melalui proses permohonan, saringan dan kelulusan. Kadar bantuan pinjaman bagi penerima adalah sebanyak RM1,000.00 hingga RM20,000.00 mengikut ketetapan kelayakan pemohon. Program yang bermula sejak 27 Oktober 2020 ini telah tamat pada tahun 2023 dengan peruntukan sebanyak RM2.4 juta.

Inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan segala peruntukan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin kepada kumpulan sasar dan merupakan salah satu komitmen berterusan Kerajaan Negeri untuk menyantuni rakyat yang terkesan dengan himpitan ekonomi terutamanya golongan sasar B40. Bantuan pinjaman telah disambut baik oleh penerima bagi membantu membangunkan semula perniagaan yang terjejas akibat pandemik.

Program Pinjaman Tabung Usahawan

"Pinjaman Tabung Usahawan beri manfaat kepada 23 penerima dengan perbelanjaan sebanyak RM335,000.00"

Program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri melalui Yayasan Perak sejak tahun 2019 bagi membantu usahawan yang berniaga di negeri Perak dengan memberi pinjaman mikro kredit tanpa faedah bagi usahawan yang telah menjalankan perniagaan tempoh enam (6) bulan dan ke atas. Program ini menawarkan jumlah pinjaman bermula dari RM5,000.00 sehingga RM20,000.00 untuk membantu usahawan-usahawan negeri Perak meningkatkan produktiviti perniagaan dengan kaedah penambahan peralatan, kelengkapan, stok perniagaan mahupun modal pusingan. Program yang bermula sejak 2019 ini telah dilaksanakan sehingga tahun 2023 dengan jumlah perbelanjaan RM13.5 juta dan seramai 839 penerima telah menerima manfaat pinjaman ini.

Bagi tahun 2024, Yayasan Perak telah diperuntukkan sebanyak RM2.0 juta dan menyasarkan 100 peminjam yang akan menerima pinjaman tanpa faedah ini. Sehingga bulan Mac 2024, Program Pinjaman Tabung Usahawan telah memberi manfaat kepada 23 penerima yang membawa kepada perbelanjaan sebanyak RM335,000.00.

Skim Perak Sejahtera *Enterpreneur Programme* (PSEP)

PSEP bantu peniaga IKS di Perak

Perak Sejahtera *Entrepreneur Programme* (PSEP) merupakan salah satu program bantuan mikro kredit yang telah dilaksanakan sejak 12 September 2023 bagi membantu peniaga-peniaga kecil, industri kecil dan sederhana (IKS) di negeri Perak untuk meningkatkan pendapatan, kemajuan perniagaan dan lebih membuka peluang pekerjaan kepada penduduk di negeri Perak. Kadar bantuan pinjaman bagi program ini bermula RM1,000.00 hingga RM20,000.00 mengikut kelayakan seseorang pemohon. Program ini menyasarkan 150 orang penerima daripada golongan B40 di negeri Perak bagi menikmati manfaat ini dan membantu meningkatkan ekonomi keluarga. Program yang bermula sejak September 2023 ini akan diteruskan pelaksanaannya dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM2 juta.

Sehingga bulan April 2024, Perak Sejahtera *Entrepreneur Programme* (PSEP) telah memberi manfaat kepada 19 penerima bantuan yang tergolong daripada peniaga-peniaga kecil atau industri kecil dan sederhana (IKS) di negeri Perak. Inisiatif ini juga dilaksanakan untuk membantu Kerajaan Negeri bagi menyediakan akses bantuan pinjaman perniagaan kepada penjaja, peniaga kecil dan usahawan yang berpotensi untuk terus membina dan memajukan perniagaan mereka.

Program Pembangunan Usahawan

Sejak penubuhan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) pada tahun 2020 sehingga 2023, Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) berfungsi dan berperanan sebagai pusat rujukan pengkalan data dan informasi usahawan meliputi keseluruhan ekosistem keusahawan negeri Perak, di samping merangka dan melaksanakan program pembangunan usahawan negeri Perak. Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) juga merangka dan melaksanakan program-program pembangunan usahawan pelbagai sektor Perusahan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan terbuka kepada usahawan yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

> **STeP jayakan 100 program keusahawanan yang memberi manfaat kepada 31,890 orang usahawan**

NAMA PROGRAM	JUMLAH PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH USAHAWAN	JUMLAH JUALAN / POTENSI (RM)
Program Perluasan Pasaran Produk dan Perkhidmatan Usahawan Negeri Perak	6	403,666.20	61	881,105.30 (Jualan Tunai) 26,098,240.00 (Jualan Potensi)
Program Siri Jelajah Hari Usahawan, Agro dan Koperasi Negeri Perak	11	267,180.30	607	2,896,582.66
Program Kerjasama Strategik	5	88,172.00	213	366,733.85 (Jualan Tunai) 500,000.00 (Jualan Potensi)
Program Pembangunan Kapasiti PMKS Perak (Latihan / Bengkel)	6	87,340.00	717	-
Program Karnival / Program Jualan	6	65,000.00	210	3,443,439.00
Program Geran / Bantuan Kewangan	4	1,402,157.15	849	-
Program Lain-lain Pembanguan Usahawan	62	443,162.00	29,233	-

Laporan Program Keusahawanan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP)

*Sumber : Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), 2023

Bagi tahun 2024, Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) menyasarkan lebih ramai usahawan dan usahawan baharu turut serta dalam program pembangunan usahawan yang telah dirangka oleh Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP). Antara fokus program bagi tahun 2024 adalah:

I. Peningkatan Keupayaan Usahawan Informal dan Mikro;
II. Perluasan Pasaran dan Eksport Usahawan Perak;
III. Peningkatan Pendaftaran Pensijilan Usahawan Perak;
IV. Penjenamaan dan Pemasaran Usahawan Perak; dan
V. Pendigitalan Usahawan Perak.

1 Bazar *Junior* Perak

“Perak terapkan keusahawanan kepada kanak-kanak melalui Bazar *Junior* Perak”

Pembangunan usahawan tidak terhad kepada golongan dewasa sahaja. Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif memulakan program pembangunan usahawan kepada kanak-kanak seawal usia 5 tahun. Kanak-kanak diberikan pendedahan mengenai tatacara sebuah perniagaan atau urusan jual beli berlaku serta pembangunan produk individu untuk dipasarkan. Satu bazar akan dilaksanakan dan dihadiri oleh orang awam di mana keuntungan daripada bazar itu disumbangkan kepada kanak-kanak atau pusat anak yatim yang memerlukan. Inisiatif ini bukan sahaja membantu menerapkan nilai keusahawanan, namun nilai empati turut diterapkan seawal kanak-kanak lagi.

2 Cherita Secangkir Kopi (CSK)

“CSK berjaya himpunkan hampir 50 usahawan berkaitan kopi dan pastri di bawah satu bumbung”

Program ini berjaya menghimpunkan hampir 50 usahawan berkaitan kopi dan pastri di bawah satu bumbung. Pendidikan berteraskan industri kopi juga turut diterapkan sebagai acara sampingan program ini. Hampir 5,000 orang kehadiran pengunjung berjaya direkodkan ke CSK 2023. Program ini akan diteruskan pada tahun mendatang bagi meluaskan pasaran kopi terutama di negeri Perak.

3 Open Mic With Kak Sal

"RM1.0 juta dikhaskan bagi pembangunan usahawan dan koperasi tahun 2024 di negeri Perak melalui sesi libat urus bersama 300 usahawan"

Enam (6) sesi libat urus dengan melibatkan 300 orang usahawan dari pelbagai jenis perniagaan, lapisan umur dan jantina telah dilaksanakan untuk mendapatkan input secara terus dari akar umbi. Sesi ini bertindak sebagai satu platform dua hala di antara EXCO Kerajaan Negeri Perak dan golongan usahawan. Melalui program ini, usahawan telah mengutarakan cadangan serta penambahbaikan sektor usahawan negeri Perak dari sudut perolehan geran, pinjaman serta program-program kemahiran usahawan. Hasilnya, peruntukan berjumlah RM1.0 juta telah dikhaskan bagi sektor pembangunan usahawan dan koperasi bagi tahun 2024 di negeri Perak.

4 Program Kemahiran Keusahawanan Belia

"Belia Perak didedahkan dengan kursus kemahiran keusahawanan"

Kerajaan Negeri juga menyokong usaha badan-badan belia yang sentiasa menunjukkan minat mendalam dalam pembangunan usahawan di kawasan masing-masing menerusi kursus-kursus kemahiran serta penggunaan platform pendigitalan bagi merancakkan lagi pasaran produk yang baru atau sedia ada. Program ini dapat meningkatkan lagi taraf hidup belia dan membuka peluang yang lebih besar untuk mereka maju ke hadapan.

5 Program *Reskilling* dan *Upskilling* Veteran ATM

“RM30,000.00 disediakan untuk bantu 150 orang graduan PERHEBAT jana pendapatan”

Kerajaan Negeri turut menyokong usaha Perbadanan Hal Ehwal Tentera (PERHEBAT) yang menjuruskan graduan mereka ke arah bidang keusahawanan dalam usaha membangunkan potensi diri selepas tamat perkhidmatan. Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan RM30,000.00 dalam bentuk geran peralatan bagi membantu seramai 150 orang graduan PERHEBAT dalam perniagaan masing-masing.

6 *Ummatic Festival* 3.0

Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM60,000.00 bagi menyokong program yang sebahagian besar berkisarkan pendidikan dan jualan usahawan dalam kawasan Masjid Muhammad Al-Fateh, Meru, Perak dalam usaha menggalakkan pembudayaan usahawan dalam kalangan kariah masjid serta penduduk setempat.

Program Jualan Madani Koperasi dan Usahawan (JMKU)

NAMA PROGRAM	TEMPAT DAN TARIKH	JUMLAH SUBSIDI (RM)	JUMLAH JUALAN (RM)	JUMLAH PENGUNJUNG
JMKU sempena Jelajah Hari Usahawan dan Koperasi Daerah Larut, Matang dan Selama	Dewan Majlis Perbandaran Taiping 17 Jun 2023	RM20,000.00	RM100,028.40	10,000
JMKU sempena Program Koperasi Nadi Komuniti: Karnival 100 Tahun Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad	Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru 29 Julai 2023	RM15,000.00	RM71,012.90	4,500
JMKU sempena Program E Jualan Wanita (E-Juwita) Negeri Perak	Dewan Komuniti Kg Raban 8 September 2023	RM10,000.00	RM50,125.10	1,500
JMKU sempena Jelajah Hari Terbuka Usahawan dan Koperasi Negeri Perak Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk	Dewan Bandaraya Teluk Intan 21 September 2023	RM10,000.00	RM49,810.00	5,000
JMKU sempena Program Nadi Komuniti Parlimen Tapah dan Jelajah Hari Terbuka Usahawan dan Koperasi 2023 Daerah Batang Padang	Dewan Arena Tapah 26 Oktober 2023	RM40,000.00	RM199,183.40	3,000
JMKU sempena Jelajah Hari Terbuka Usahawan Negeri Perak Daerah Bagan Serai	Dewan Dato Zainal Abidin Zin 26 November 2023	RM10,000.00	RM50,786.50	6,500
JMKU sempena Karnival UDA Negeri Perak 2023	Tapak Parkir Kereta Angsana Mall, Ipoh 8-10 Disember 2023	RM25,000.00	RM93,387.60	10,000
JMKU sempena Jelajah Hari Usahawan, Agro dan Koperasi Negeri Perak Tahun 2024 Daerah Kuala Kangsar	Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar 4 Februari 2024	RM20,000.00	RM102,745.00	7,000
JMKU sempena Program One Stop Centre (OSC) Sejahtera Sosial Negeri Perak Daerah Larut, Matang dan Selama	ADTEC Taiping 24 Februari 2024	RM20,000.00	RM102,102.00	5,500

Senarai Program Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan

*Sumber : Setiausaha Usahawan Negeri Perak (SUaP), 2023

Program Jualan Madani Koperasi dan Usahawan (JMKU) menerima bantuan subsidi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk disalurkan kepada masyarakat terutama kepada anggota koperasi untuk menjalankan jualan murah dengan menawarkan potongan harga yang lebih rendah daripada pasaran dan berpatutan. Mulai Jun 2023 sehingga April 2024, sebanyak sembilan (9) JMKU telah dilaksanakan di negeri Perak. Keseluruhan subsidi bantuan yang telah disalurkan oleh SKM Perak kepada JMKU bagi tempoh Jun 2023 sehingga April 2024 adalah RM170,000.00 dengan jumlah jualan dicatatkan sebanyak RM819,180.90. Program JMKU ini juga secara keseluruhannya telah memberi manfaat kepada 53,000 pengunjung yang membeli.

Geran Bantuan Pembangunan Gerakan Koperasi

Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2024 telah memperuntukkan RM620,000.00 bagi merangsang pembangunan gerakan koperasi negeri Perak. Geran bantuan ini menyasarkan koperasi yang baru ditubuhkan, koperasi yang dalam proses pemulihan perniagaan koperasi serta koperasi yang berjaya. Lebih daripada 100 koperasi di negeri Perak menerima manfaat bantuan ini secara langsung dan tidak langsung.

> **Perak memperuntukkan RM620,000.00 bagi merangsang pembangunan gerakan koperasi**

Geran Bantuan Pengurusan Koperasi untuk *start-up* dengan memberi fokus kepada aspek pengurusan koperasi baharu (G-Kop Urus).

Geran Bantuan Pemulihan Perniagaan Koperasi yang memberi fokus kepada koperasi yang menjalankan aktiviti berkaitan dengan sekuriti makanan dan juga lain-lain aktiviti yang perlu dipulihkan (G-Kop Pulih).

Geran Bantuan kepada gerakan koperasi melalui Program Penanda Aras dengan mengiktiraf koperasi berjaya sebagai mentor kepada gerakan koperasi yang memerlukan bimbingan dan sokongan.

Bagi suku pertama tahun 2024, sebanyak 16 koperasi telah diberi kelulusan di bawah geran bantuan G-Kop Urus dengan jumlah keseluruhan bantuan RM73,490.99. Manakala, sebanyak empat (4) koperasi telah diluluskan di bawah G-Kop Pulih dengan jumlah keseluruhan RM91,305.00. Bagi Program Penanda Aras, iaitu Perkhidmatan Aktiviti Kredit Bersama Koperasi Guru-guru Sekolah Malaysia Berhad melibatkan aktiviti kredit dengan jumlah peruntukan sebanyak RM5,000.00. Program ini telah melibatkan sebanyak 70 penyertaan koperator yang telah dan akan melaksanakan aktiviti kredit sebagai perniagaan koperasi.

Program *CampFoodies*

Program *CampFoodies* merupakan program yang dijenamakan semula daripada Program Mahasiswa Perak Sejahtera (MPS) yang dianjurkan oleh Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Digital Perak Corporation Holdings, dan Kotak Global Sdn. Bhd.

Program ini merupakan program bantuan bagi meringankan beban pelajar, graduan dan belia dalam kalangan B40 dan asnaf untuk mendapatkan makanan yang berkhasiat dan berpatutan. Program ini telah dilancarkan pada 28 Oktober 2022 di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar oleh YAB Menteri Besar.

> **“*CampFoodies* ringankan beban pelajar, graduan dan belia dalam kalangan B40 dan asnaf dapatkan makanan yang berkhasiat dan berpatutan”**

YBUDR telah menyediakan lima (5) unit kiosk yang menyajikan pelbagai pilihan makanan dan minuman dengan harga yang berpatutan untuk dinikmati oleh para pelajar di USAS. Program ini juga telah mewujudkan peluang perniagaan kepada 10 orang usahawan Perak yang terpilih untuk berniaga di setiap Kiosk MPS. Bagi menyokong usaha kerajaan ke arah pembayaran secara tanpa tunai, satu platform *e-wallet* telah diwujudkan untuk diguna pakai oleh pelajar, graduan dan belia di USAS. Para pelajar boleh menggunakan aplikasi ini untuk membeli makanan dan minuman di lima (5) unit kiosk tersebut. Pelaksanaan program ini akan diteruskan pada tahun 2024 dengan memperluaskan program ini ke dua (2) buah universiti, iaitu UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Inisiatif Pemilikan Perumahan di Perak

Tempat tinggal yang selesa dan kondusif begitu signifikan dalam menentukan kesejahteraan hidup rakyat. Menyediakan rumah mampu milik yang diperlukan rakyat merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan Negeri selaras dengan satu (1) daripada lima (5) keperluan rakyat dalam Perak Sejahtera 2030, iaitu pemilikan rumah. Berikut merupakan antara inisiatif perumahan Kerajaan Negeri Perak:

Skim Sewa Perak Sejahtera (SSPS)

> **Penyewa diberikan diskaun 20% dari kadar sewaan semasa melalui Skim Sewa Perak Sejahtera (SSPS)**

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) telah memperkenalkan Skim Sewa Perak Sejahtera (SSPS) sebagai inisiatif bagi membantu golongan sasaran untuk menyewa kediaman pada harga lebih rendah daripada nilai pasaran. Melalui skim ini, penyewa akan diberikan diskaun 20 peratus dari kadar sewaan semasa yang akan memberi manfaat kepada golongan yang masih belum mampu memiliki rumah sendiri. Program ini telah dimulakan pada November 2023 dengan 12 unit Rumah Mampu Milik di Taman Perakku Serdang, Sitiawan.

Oleh kerana skim ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat, skim ini akan diperluaskan di kawasan lain juga di negeri ini. Jumlah rumah ditawarkan di suatu kawasan juga berbeza mengikut permintaan. Justeru, LPHP akan mengkaji keperluan untuk menawarkan SSPS di lokasi-lokasi lain terutamanya dari aspek permintaan.

Dijangkakan LPHP akan menambah bilangan unit rumah SSPS, iaitu dua (2) buah rumah di Lahat Permai, Lahat dan 42 buah rumah di Kuarters Jalan Raja Syed Thaupy, Kerian. LPHP juga sedang mengenal pasti beberapa lokasi baru bagi SSPS antaranya di Batang Padang, Bidor dan Seri Iskandar. Lokasi ini tidak hanya tertakluk kepada suatu kawasan kediaman yang sedang dibangunkan kerana ia turut boleh dilaksanakan di lokasi perumahan sedia ada.

Antara syarat yang ditetapkan bagi pemohon SSPS ialah pemohon perlu berusia 18 tahun ke atas, berstatus warganegara dan mempunyai pendapatan tetap. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang pendapatan isi rumahnya tidak melebihi RM8,000.00 sebulan serta telah berkahwin.

Rumah Perakku

Program Rumah Perakku merupakan langkah proaktif yang diambil untuk meningkatkan peluang pemilikan kepada penduduk negeri Perak yang masih belum mempunyai rumah untuk didiami. Antara objektif utama skim bantuan perumahan ini adalah untuk memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri, di samping menawarkan rumah berkualiti pada harga yang lebih rendah berbanding pemaju persendirian. Harga yang ditawarkan bagi Rumah Perakku adalah seperti berikut:

Rumah Perakku I (Kos Rendah)	Rumah Perakku II (Kos Sederhana)	Rumah Perakku III (Mampu Milik)
Tidak melebihi RM90,000.00 dengan keluasan binaan minima 900 kps.	Harga bermula RM90,001.00 hingga RM160,000.00 dengan keluasan binaan minima 950 kps.	Harga bermula RM160,001.00 hingga RM250,000.00 dengan keluasa binaan minima 1,000 kps.

> **Rumah Perakku bantu rakyat memiliki rumah mampu milik**

Pada Ogos 2023, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad telah menyerahkan kunci Rumah Perakku Taman Perakku Serdang, Sitiawan kepada 447 pembeli membabitkan 100 buah kediaman kos rendah dan 347 buah kediaman mampu milik teres setingkat berharga antara RM70,000.00 hingga RM168,000.00. Angka ini adalah sebahagian dari pencapaian keseluruhan pembinaan perumahan yang telah tersedia untuk pemilikan dari tahun 2021 sehingga 2023, iaitu sebanyak 3,134 unit rumah.

LPHP mengutamakan permohonan dari rakyat Perak atau pemohon yang menetap atau bekerja di negeri Perak. Selain itu, had kelayakan pendapatan isi rumah bagi pembelian rumah kos rendah di Perak juga telah dinaikkan dari RM3,860.00 kepada RM5,000.00 sebulan. Inisiatif ini diambil bagi memperluas kumpulan yang layak memohon pembelian Rumah Kos Rendah dan memberikan lebih banyak keluarga peluang untuk memiliki rumah mampu milik.

Sebanyak lima (5) lagi projek Rumah Perakku dijangka akan disiapkan pada tahun 2024. Angka ini menjadikan sebanyak sembilan (9) projek perumahan Rumah Perakku akan disiapkan sejak LPHP ditubuhkan pada tahun 2016. Usaha ini adalah inisiatif murni yang diambil bagi menjayakan Program Flagship Perumahan Sejahtera di bawah pelan Perak Sejahtera 2030. Program Rumah Perakku ini diharapkan dapat memberikan impak yang positif kepada masyarakat Perak dengan meningkatkan akses kepada rumah, meningkatkan kesejahteraan ekonomi, dan memperbaiki kualiti hidup penduduk setempat.

1

Majlis Penyerahan Kunci Projek Rumah Perakku 1, Selinsing

YB Sandrea Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mewakili Menteri Besar, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad untuk merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Projek Rumah Perakku di Selinsing, Parit Buntar pada 11 Januari 2024.

Sejumlah 57 unit rumah teres setingkat kos sederhana telah dibina dengan tawaran harga jualan minima RM95,000.00 bagi sebuah rumah dengan setiap unit dilengkapi tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air.

Lima (5) lagi projek inisiatif rumah mampu milik di bawah LPHP akan disiapkan pada tahun 2024 melibatkan 956 unit Rumah Perakku dan 286 unit Rumah Perwira sebagai langkah proaktif dalam menjayakan Perumahan Sejahtera di bawah Perak Sejahtera 2030.

Kerajaan Negeri juga sedang merangka kajian bagi memastikan Dasar Perumahan Negeri dapat ditambah baik sebagai usaha meningkatkan tahap pemilikan kediaman dalam kalangan rakyat, antaranya usaha dan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk membantu mengatasi masalah pembiayaan perumahan.

2

Majlis Penyerahan Surat Tawaran Rumah Perakku 1, Chemor

Majlis Penyerahan Surat Tawaran Rumah Perakku 1 Chemor, Ipoh telah dianjurkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) di Dewan Serbaguna, Bangunan Perak Darul Ridzuan pada 26 Januari 2024.

Seramai 53 orang pembeli telah menerima surat tawaran bagi rumah kos rendah yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2025 dengan menyasarkan pembeli dalam kalangan B40 yang belum memiliki rumah sendiri.

Bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan, pihak LPHP juga mengaturkan wakil-wakil bank dan pejabat peguam untuk turut hadir pada majlis tersebut bagi memudahkan penerima surat tawaran untuk terus membuat semakan kelayakan pembiayaan dan juga mendapat khidmat nasihat daripada panel peguam yang dilantik.

Program Sayangi Rumahku

Program Sayangi Rumahku merupakan satu program bantuan rumah tanpa bayaran dalam bentuk baik pulih (pembiayaan maksimum RM15,000.00) atau bina baharu rumah khusus kepada miskin tegar, miskin dan golongan kategori B40 di negeri Perak dengan menyediakan kemudahan asas dan kediaman yang selesa tanpa mengira latar belakang agar rakyat Perak mendapat sebuah harapan baru dalam menikmati kehidupan yang lebih berkualiti.

"Program Sayangi Rumahku bantu 539 golongan kurang berkemampuan yang berdaftar dengan eKasih"

Program ini diteruskan sebagai inisiatif Kerajaan Negeri Perak yang amat prihatin terhadap pembangunan perumahan bagi golongan kurang berkemampuan yang berdaftar dengan e-Kasih. Program Sayangi Rumahku ini merangkumi bantuan baik pulih rumah bagi yang berkelayakan serta rumah yang didiami masih ekonomik untuk dibaiki. Manakala, bantuan bina baharu rumah pula khusus kepada golongan yang tidak memiliki rumah atau mendiami rumah yang terlalu uzur, tidak selamat diduduki dan tidak ekonomik untuk dibaiki.

Pada tahun 2023, 539 orang telah menerima manfaat bantuan ini dengan pecahan 439 rumah sudah dibaik pulih dan 100 rumah bina baharu telah dibina. Program ini akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2024 dengan nilai peruntukan sebanyak RM3.0 juta dengan sasaran penerima manfaat sebanyak 132 penerima.

Setakat bulan Mac 2024, Program Sayangi Rumahku ini telah memberi manfaat kepada 29 penerima, iaitu 26 bagi baik pulih rumah dan 3 bina baharu dengan nilai peruntukan sebanyak RM599,227.68. Inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan segala peruntukan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin kepada kumpulan sasar dan merupakan satu komitmen yang berterusan Kerajaan Negeri untuk menyantuni rakyat yang terkesan dengan himpitan ekonomi terutamanya golongan miskin tegar, miskin dan B40.

Program Bina Baharu Rumah di Bandar Fasa 1 Tahun 2023 di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) merupakan program yang dilaksanakan untuk mengurangkan beban tanggungan keluarga miskin di bandar, meningkatkan keupayaan dan kualiti hidup keluarga miskin di bandar demi kesejahteraan komuniti dalam konteks kemakmuran bersama. Pelaksanaan PPKB adalah selari dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), iaitu untuk mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8 peratus pada tahun 2009 kepada 2 peratus pada tahun 2015 dan meningkatkan purata pendapatan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah daripada RM1,440.00 pada tahun 2009 kepada RM3,050.00 pada tahun 2015. Program ini juga selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030.

Kumpulan sasar PPKB adalah terdiri dalam kalangan isi rumah B40 yang berstatus warganegara dan status kemiskinan yang telah disahkan dalam Sistem eKasih atau Mesyuarat *Focus Group* Mengenai Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah atau seperti yang disarankan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Inisiatif ini dilaksanakan bagi meningkatkan kadar keupayaan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah untuk memiliki rumah kediaman yang selamat dan selesa dan meningkatkan pendapatan keluarga melalui peluang-peluang perniagaan yang disediakan.

Karnival Kerjaya Perak Sejahtera

Karnival Kerjaya Perak Sejahtera telah diadakan pada 16 dan 17 September 2023 di Stadium Indera Mulia, Ipoh sempena Karnival Mesra Anak Muda 2023 (KAMU) sebagai usaha membantu graduan, lepasan SPM dan juga yang masih menganggur. Program ini juga melibatkan kerjasama dengan majikan tempatan dalam mencari bakat-bakat bagi mengisi kekosongan jawatan dalam industri.

5,506 jawatan kosong ditawarkan melalui Karnival Kerjaya Perak Sejahtera

Sebanyak 5,506 jawatan kosong ditawarkan oleh 50 syarikat yang menyertai secara fizikal, sebanyak 2,567 sesi temu duga telah dijalankan. Karnival ini mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada segenap lapisan masyarakat dengan memberi peluang kepada 2,105 pencari kerja untuk menghadiri sesi temu duga. Daripada jumlah tersebut, 170 orang telah berjaya mendapat peluang pekerjaan pada hari yang sama.

Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera Daerah

Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera Daerah merupakan sebuah program temu duga terbuka dianjurkan ke daerah-daerah di seluruh negeri Perak. Selain mengadakan sesi temu duga, program ini juga berkolaborasi bersama dengan institusi latihan kemahiran untuk menyediakan pameran dan *hands-on experience* kursus-kursus kemahiran. Pameran pendidikan turut disediakan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai laluan kerjaya dan peluang pendidikan selepas menamatkan pengajian di peringkat sekolah.

11,279 peluang pekerjaan ditawarkan oleh 74 majikan dalam bidang TVET

Sepanjang program ini dijalankan, 11,279 peluang pekerjaan ditawarkan oleh 74 majikan yang terlibat selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri dalam mempergiatkan peluang pekerjaan dan TVET bagi meningkatkan kebolehpasaran rakyat di negeri Perak.

Klinik Kerjaya dan *Soft Skills*

Klinik Kerjaya merupakan satu program latihan jangka masa pendek kepada rakyat khususnya graduan dan tenaga kerja di seluruh negeri Perak. Program ini dijalankan selama dua (2) hingga lapan (8) hari mengikut keperluan modul-modul program yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran insani (*soft skills*) dan kemahiran teknikal (*hard skills*) kepada masyarakat, di samping memperluaskan potensi pekerjaan mereka dengan menyediakan kursus yang merangkumi pelbagai bidang seperti keterampilan teknologi, komunikasi, dan kemahiran. Terdapat 14 sesi program dijalankan secara bersemuka dan dalam talian melibatkan 722 orang peserta.

Antara contoh kursus *soft skill* yang telah dijalankan adalah penampilan diri seperti asas solekan dan asas gunting rambut, *Lazada's talk, Easy store*. Manakala, bagi kursus *hard skill* pula, kursus *mobile photography*, Kelas Bahasa Mandarin, teknologi maklumat, analisis data dan kursus *forklift* telah diadakan.

> **14 sesi program Klinik Kerjaya dijalankan secara bersemuka dan dalam talian melibatkan 722 orang peserta**

Lazada University

Program Xplorasi Kerjaya Kampus

Program Xplorasi Kerjaya Kampus dianjurkan dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institusi Latihan Kemahiran (ILK) di negeri Perak. Antara institusi yang terlibat bagi program ini ialah Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Politeknik Ungku Omar (PUO), Kolej Vokasional Taiping, Kolej Komuniti RTC Gopeng, Perak *Entrepreneur and Skills Development Centre* (PESDC), Kolej Poly-Tech MARA Ipoh, dan Universiti Malaya (UM). Program ini diperkenalkan sebagai sebuah program persediaan kerjaya yang dijalankan khusus untuk mahasiswa dan bakal graduan bagi mempersiapkan diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan dengan menyediakan platform bagi peserta mendapatkan pendedahan yang meluas mengenai realiti dunia pekerjaan, di samping memperkukuhkan kemahiran yang diperlukan. Antara program yang telah dijalankan ialah taklimat kerjaya, kursus penyediaan resume, dan persediaan temu duga, yang telah dirangka khusus untuk meningkatkan pemahaman para peserta mengenai peluang yang tersedia.

> **Program Xplorasi Kerjaya Kampus tingkatkan kefahaman 444 mahasiswa mengenai peluang di pasaran pekerjaan masa kini**

Sebanyak 14 sesi program yang berbeza telah dijalankan yang melibatkan 444 orang mahasiswa dari Jun 2023 sehingga Mac 2024. Antara program yang telah dijalankan bagi seperti Taklimat Kerjaya, Kursus Penyediaan Resume, dan Persediaan Temu duga, di mana bengkel, sesi penerangan, dan perbincangan telah dirangka khusus untuk meningkatkan pemahaman para peserta mengenai peluang di pasaran pekerjaan masa kini.

Pemetaan Kerjaya Sekolah (PETA)

Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) bersama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK) Negeri Perak telah bekerjasama dengan Kelab Bimbingan dan Kerjaya di sekolah untuk menganjurkan Pemetaan Kerjaya Sekolah (PETA), iaitu sebuah program pendedahan kepada pelajar sekolah mengenai haluan kerja dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Sepanjang tempoh Jun 2023 sehingga Mac 2024, 22 sesi program haluan kerjaya selepas SPM telah dijalankan melibatkan 3,865 pelajar daripada 14 sekolah melibatkan daerah Kinta, Kampar, Batang Padang, Muallim, Perak Tengah, Hulu Perak dan Kuala Kangsar. Pada suku ketiga 2023, PASAK telah bekerjasama dengan rakan industri untuk mengadakan lawatan industri melibatkan pelajar dari SMK Slim, Slim River ke kilang sektor automotif HICOM-Teck See di *Automotive High Technology Valley* (AHTV) Tanjong Malim sekali gus membantu membuka mata para pelajar serta guru pengiring mengenai keperluan dan peluang yang disediakan untuk TVET.

> **“Pemetaan Kerjaya Sekolah (PETA) bantu 3,865 pelajar fahami haluan kerja dan TVET”**

Program Moh Kroje

Program Moh Kroje merupakan sebuah program temu duga terbuka yang dijalankan secara bulanan untuk membantu majikan mendapatkan tenaga kerja dan membantu pencari kerja untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Sesi temu duga selama satu hari ini dijalankan secara bersemuka bersama dengan majikan di pejabat-pejabat penghulu sekitar Perak atau di pejabat industri yang terlibat.

Program Moh Kroje bantu penganggur dapatkan pekerjaan

Sebanyak 11 sesi program Moh Kroje telah dijalankan sepanjang Jun 2023 sehingga Mac 2024 melibatkan 319 orang peserta. Antara majikan yang menawarkan kekosongan jawatan terdiri daripada sektor perhotelan, perkilangan, perladangan dan perkhidmatan seperti KL Kepong Rubber Products Sdn. Bhd., 1969 Business Suites, HICOM-Teck See Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd., J.K. Wire Harness Sdn. Bhd. dan lain-lain.

Program Perak *Employability Training Scheme* (PERINTIS)

Kerajaan Negeri telah meneruskan inisiatif program Perak *Employability Training Scheme* (PERINTIS) yang menyediakan *on job training* selama enam (6) bulan bagi membantu lepasan mahasiswa memperoleh pengalaman pekerjaan seterusnya mendapatkan pekerjaan yang tetap berdasarkan kekosongan jawatan yang tersedia di premis majikan. Program yang dirangka untuk membangunkan modal insan yang holistik dan kalis masa mengikut kesesuaian permintaan pasaran ini masih berjalan sehingga kini melibatkan seramai 40 peserta bagi sesi 2023/2024 dan merupakan tahun ketiga pelaksanaan PERINTIS sejak mula diperkenalkan pada tahun 2021. Sebanyak 83 peratus daripada 15 majikan yang terlibat adalah terdiri daripada agensi dan jabatan kerajaan, manakala 17 peratus lagi terdiri dalam kalangan syarikat swasta.

PERINTIS membangunkan modal insan yang holistik dan kalis masa mengikut kesesuaian permintaan pasaran

Karnival TVET Perak Sejahtera 2030

> **Karnival TVET Perak Sejahtera beri peluang kepada masyarakat tingkatkan kefahaman mengenai kemahiran TVET**

Karnival TVET Perak Sejahtera 2023 telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah yang menawarkan pertandingan kemahiran, pameran institusi, perbincangan aliran TVET dan perkongsian kerjaya TVET. Program ini menyasarkan pelajar sekolah, lepasan SPM dan ibu bapa bagi meneroka, memahami dan mendaftar ke institusi TVET yang diminati sekali gus memberi peluang kepada masyarakat untuk meningkatkan kefahaman mengenai kemahiran TVET.

Karnival TVET Perak Sejahtera 2030 yang dianjurkan pada 16 dan 17 September tahun 2023 sempena Karnival Anak Muda (KAMU) di Arena Badminton Perak yang disertai 1,484 orang pengunjung ini melibatkan penyertaan 576 orang murid sekolah dan guru pengiring dari 120 buah sekolah di sekitar negeri Perak. Pameran daripada 30 institusi latihan kemahiran TVET telah memberi pendedahan dan pengalaman kemahiran TVET melalui demonstrasi dan simulasi secara *hands on experience* kepada para pengunjung serta murid sekolah yang mengunjungi karnival ini. Jabatan Pendidikan Negeri Perak juga turut mengadakan 15 pertandingan dan 3 persembahan yang terdiri daripada *Robotic Challenge*, *Junior Chef Challenge*, Pameran STEM, Inovasi Reka Bentuk Berteknologi Hijau, Wartawan Muda dan pelbagai aktiviti yang menarik.

Program Ngopi Kerjaya

Program Ngopi Kerjaya merupakan sebuah program sembang santai bagi membantu kumpulan sasaran mendapatkan informasi pendidikan dan haluan kerjaya serta meningkatkan taraf hidup sosioekonomi rakyat negeri Perak. Program ini memfokuskan kepada Sektor Kerjaya, Sektor Pendidikan, Sektor Kesihatan serta isu-isu semasa yang berkaitan dengan dunia pekerjaan. Sektor Kerjaya memberi pendedahan mengenai cabaran dan haluan kerjaya yang akan dihadapi bagi setiap individu yang ingin menceburi bidang tersebut.

Program Ngopi Kerjaya berjaya raih 1,865 jumlah penonton dalam program sembang santai

Sektor Pendidikan pula memfokuskan kepada perkongsian informasi mengenai kursus-kursus yang ditawarkan oleh setiap institusi yang ada. Informasi ini sangat berguna bagi para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang yang diminati. Sektor Kesihatan pula memberi pendedahan keperluan dalam pengurusan tekanan di tempat kerja serta cara-cara dalam menjaga kesihatan fizikal dan juga mental. Program berdurasi 30 minit ini telah dijalankan sebanyak 20 sesi dan telah berjaya meraih sebanyak 1,865 jumlah penonton secara keseluruhan.

TVET Modular Industri

TVET Modular Industri merupakan latihan kemahiran yang dikendalikan secara usaha sama industri dan institusi latihan kemahiran bagi menyediakan latihan-latihan kemahiran. Kursus ini merupakan kursus jangka masa pendek yang ditawarkan kepada anak kelahiran Perak berkonsepkan *Train and Place* pacuan industri. Para peserta akan diminta melaporkan diri dalam industri berkaitan selepas tamat latihan kemahiran masing-masing.

33 kursus TVET Modular Industri libatkan 391 orang peserta telah diterima untuk bekerja di syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK)

Kursus TVET Modular Industri ini telah melahirkan bakat yang cekap dan berkemahiran tinggi, di samping menyediakan tenaga kerja mengikut keperluan industri. Kursus yang berlangsung sekurang-kurangnya 12 hari ini telah disertai oleh 647 orang peserta bagi fasa 2 tahun 2023 yang telah selesai dilaksanakan dan 100 orang peserta bagi fasa 1 tahun 2024.

Sehingga bulan Mac 2024, sebanyak 33 kursus TVET Modular Industri telah dilaksanakan dan seramai 391 orang peserta kursus dari fasa 2 2023 telah diterima untuk bekerja di syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dengan kemahiran yang dipelajari ketika menjalani kursus TVET tersebut.

TVET Mahir Kerja

TVET Mahir Kerja adalah latihan yang berkonsepkan kemahiran baharu (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) mengikut keperluan kemahiran semasa. Kerajaan Negeri Perak telah mengorak langkah memberi perhatian khusus kepada pendidikan dalam bidang TVET ini bagi melahirkan tenaga mahir yang berkebolehan tinggi. Kursus TVET Mahir Kerja yang dianjurkan lima (5) hari ini disertai oleh 375 orang peserta bagi fasa 2 tahun 2023 yang telah selesai dan 241 orang bagi fasa 1 tahun 2024 yang sedang berlangsung.

32 kursus TVET Mahir Kerja lahirkan tenaga mahir yang berkebolehan tinggi

Sehingga bulan Mac 2024, 32 kursus TVET Mahir Kerja telah dijalankan bagi memastikan segala peruntukan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin kepada kumpulan sasar dan pembangunan kemahiran individu melalui konsep *reskilling* dan *upskilling* kepada kumpulan sasar di bawah agenda "satu warga satu skil".

TVET OKU

TVET OKU adalah latihan kemahiran jangka pendek khusus yang disediakan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk membantu peserta menjana pendapatan melalui elemen keusahawanan daripada hasil latihan. Pelaksanaan kursus TVET OKU ini adalah untuk memastikan golongan OKU setiap daerah di negeri Perak mendapat ruang dan peluang untuk memastikan mereka mampu mendapat pendidikan kemahiran yang berkualiti. Justeru, golongan OKU turut diberikan peluang secara lebih baik untuk turut terlibat dalam bidang TVET bagi memastikan mereka mempunyai masa depan yang lebih cerah.

> **120 OKU sertai TVET OKU yang menerapkan elemen keusahawanan**

Kursus yang dilaksanakan selama lapan (8) hari ini telah disertai oleh 120 orang peserta bagi fasa 2 tahun 2023.

TVET Anak Yatim

TVET Anak Yatim telah dianjurkan untuk menyediakan latihan kemahiran jangka masa pendek khusus kepada golongan anak yatim di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membantu peserta mendapat peluang kerjaya atau menceburi bidang keusahawanan selepas tamat latihan. Kursus TVET Anak Yatim juga membantu meningkatkan pergerakan struktur pendapatan para peserta serta peningkatan kemahiran dalam sektor pekerjaan. Pelaksanaan kursus ini dilihat dapat membantu semua golongan anak yatim setiap daerah di negeri Perak mendapat ruang dan peluang untuk menyertai program peningkatan kemahiran seperti ini.

> **PASAK anjur TVET Anak Yatim yang melibatkan 170 orang peserta**

Sehingga bulan Mac 2024, sebanyak 11 kursus TVET Anak Yatim telah dilaksanakan melibatkan 170 orang peserta yang berlangsung selama lima (5) hari.

Program Latihan TVET Anak Yatim Anjuran Bersama PASAK dan iGROW (Kursus *Food Barrel*)

Program Latihan TVET Anak Yatim anjuran bersama Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dan iGROW (Kursus *Food Barrel*) pada 21 hingga 25 Ogos 2023 di Rumah Anak-anak Yatim Bait Al-Amin melibatkan 10 orang peserta yang mengikuti kursus selama lima (5) hari untuk memberikan pendedahan dan berkongsi maklumat kepada peserta merangkumi pengenalan situasi pertanian, kaedah penyediaan *barrel*, pengurusan sistem tanaman, penjagaan tanaman dan pengeluaran hasil. Kursus ini merupakan galakan kepada belia bagi menceburkan diri dalam industri tanaman dan pertanian pada masa akan datang, di samping memperkasakan TVET dalam daerah Perak Tengah.

> **Kursus *Food Barrel* jadi galakan belia ceburkan diri dalam pertanian**

TVET Orang Asli

Kerajaan Negeri begitu komited dalam menaik taraf kehidupan masyarakat orang asli bagi meningkatkan ekonomi diri dan keluarga melalui penawaran kursus penyelenggaraan pendawaian elektrik fasa tunggal, *manicure and pedicure*, rawatan muka dan sebagainya. Kursus TVET Orang Asli yang dijalankan selama lima (5) hari ini telah disertai 110 penduduk kampung orang asli terpilih. Sehingga bulan Mac 2024, sebanyak 7 kursus TVET Orang Asli telah dijalankan di kampung halaman peserta, iaitu perkampungan orang asli di daerah Kinta, Tapah, Tanjong Malim dan Batang Padang.

110 penduduk kampung orang asli sertai kursus TVET Orang Asli

TVET Warga Emas

Warga emas digalakkan untuk kekal dan produktif kerana masih relevan dan dapat memberikan sumbangan positif dalam Masyarakat dan ekonomi secara berterusan. Justeru, kerajaan Negeri telah menyediakan TVET Warga Emas untuk menggerakkan agenda "Satu Warga Satu Skil" melalui pelaksanaan latihan jangka pendek bagi membantu Warga Emas Kembali Semula Bekerja (*Return-to-Work*) atau janaan peluang pendapatan. Melalui kursus ini, lebih ramai penjaga (*caregiver*) yang berkemahiran profesional serta berkualiti sebagai tulang belakang kepada ekosistem perkhidmatan penjagaan dan komuniti warga emas di negeri Perak akan dilahirkan. Sehingga bulan Mac 2024, sebanyak lapan (8) kursus TVET Warga Emas telah dijalankan yang berlangsung selama lapan (8) hari dengan penyertaan 211 orang peserta di daerah Bagan Datuk, Batang Padang, Hilir Perak, Kerian, Kinta, Kuala Kangsar, Larut Matang dan Selama dan Perak Tengah.

Program TVET Warga Emas (Kursus Sistem Fertigasi Tanaman) Anjuran Bersama PASAK dan iGROW

Program TVET Warga Emas (Kursus Sistem Fertigasi Tanaman) anjuran Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dan iGROW telah diadakan 18 hingga 22 September 2023 di Rumah Seri Kenangan, Seri Iskandar. Program ini melibatkan 15 peserta yang mengikuti kursus selama lima (5) hari untuk memberikan pendedahan dan berkongsi maklumat kepada peserta yang mencebur diri dalam bidang pertanian, jenis-jenis pertanian, kaedah menguruskan tanaman serta kaedah pengeluaran hasil tanaman kelak nanti.

TVET *Exchange Programme* (TEP)

> **55 belia akan sertai TVET *Exchange Programme* (TEP) di Jerman dan China**

TVET *Exchange Programme* (TEP) merupakan program penghantaran anak negeri Perak ke negara pelopor TVET, iaitu Jerman dan China bagi mendapatkan kemahiran selaras dengan keperluan kemahiran di peringkat antarabangsa.

1 Program *Dual Vocational Ausbildung*

Program *Dual Vacational Ausbildung* ini mempunyai empat (4) fasa, iaitu:

1. Fasa 1: 4 tahap kelas Bahasa Jerman dalam tempoh 8 bulan secara dalam talian dan fizikal (di Cyberjaya).
2. Fasa 2: Persediaan dan persiapan untuk *professional knowledge* berkaitan dengan sektor industri.
3. Fasa 3: Sesi temu duga bersama dengan majikan di negara Jerman, permohonan Visa dan pendokumentasian yang diperlukan.
4. Fasa 4: Permulaan 3 tahun latihan industri di negara Jerman. Sebanyak 70 peratus latihan secara *on the job training* dan 30 peratus teori di institusi TVET Jerman.

Sehingga kini, seramai lima (5) orang pelajar yang terpilih sedang berada di fasa 1 tahap B1 Bahasa Jerman.

2 Program Malaysia-China *Youth TVET Training* (MCYTT)

Satu peluang mengembangkan pengalaman dan teknologi dalam bidang automotif di institusi-institusi TVET negara China. Terdapat 3 Kohort yang disasarkan bagi program ini, iaitu:

1. Kohort 1 (Julai 2024): Menyasarkan 15 orang pelajar IPT dalam bidang automotif.
2. Kohort 2 (Ogos 2024): 15 orang pelajar penyedia latihan bidang automotif di negeri Perak.
3. Kohort 3: 20 orang pekerja sektor automotif di negeri Perak.

Inisiatif ini diharapkan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET untuk bekerja dalam industri-industri berkaitan sekali gus menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri Perak.

Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berinsentif

> **35 orang ikuti Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)**

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berinsentif adalah satu kaedah latihan yang berlandaskan *industry driven* yang dikendalikan melalui usaha sama IKBN Seri Iskandar dan syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk melahirkan pekerja berpengetahuan (*k-workers*) yang memiliki tiga (3) elemen, iaitu teknikal, sosial dan kemanusiaan serta metadologi dan pembelajaran. Seramai 35 orang telah mengikuti program ini dengan jayanya selama empat (4) bulan bermula April hingga Ogos 2023 yang terdiri daripada pekerja-pekerja industri. Sijil yang dikeluarkan adalah Penyata Pencapaian bagi Program *Micro-credential* Unit Kompetensi Bidang Pemasangan dan *Troubleshooting* Peralatan Elektronik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Program Wanita Inspirasi Negeri Perak Tahun 2023 (WINP)

Wanita Inspirasi Negeri Perak (WINP) merupakan sebuah inisiatif hasil cetusan idea YB Dato' Salbiah Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan, dan Koperasi Negeri Perak dalam usaha melahirkan, meningkatkan kualiti hidup dalam pelbagai aspek, termasuk pendidikan, kesihatan, ekonomi, dan penyertaan dalam kehidupan sosial dan politik serta menghasilkan bakat kepimpinan wanita dalam pelbagai lapangan dan sosial kemasyarakatan. Program WINP ini memperuntukkan hampir RM0.3 juta dalam usaha pemberdayaan dan pembangunan wanita. Program yang bermatlamat menghasilkan wanita yang berdaya saing ini dirangka dengan beberapa fasa bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pengurusan.

Bermula dengan jemputan eksklusif, siri jelajah daerah mengikut zon, pemilihan yang melalui fasa penilaian dan disusuli bengkel persediaan Persidangan Meja Rundingan Wanita Perak. Peserta ini juga akan ditapis dan disaring sebagai perwakilan di dalam Majlis Perundingan Wanita Perak yang dijangka akan berlangsung pada Julai 2024.

Bermula dengan jemputan eksklusif, siri jelajah daerah mengikut zon, pemilihan yang melalui fasa penilaian dan disusuli bengkel persediaan Persidangan Meja Rundingan Wanita Perak. Peserta ini juga akan ditapis dan disaring sebagai perwakilan di dalam Majlis Perundingan Wanita Perak yang dijangka akan berlangsung pada Julai 2024.

Program ini telah bermula pada Oktober 2023 dengan penyertaan lebih 800 wanita dari seluruh negeri Perak bagi mengikuti program fasa pertama Siri Jelajah WINP yang melibatkan semua daerah negeri Perak. Fasa Kedua melibatkan 160 orang peserta yang telah ditapis bagi mengikuti Bengkel pemantapan dan Kepimpinan Wanita telah dijalankan pada 6 hingga 7 Januari dan 8 Februari 2024. Bengkel ini memberi impak dan membentuk dasar pemikiran yang lebih kreatif dan kritis dalam menangani isu-isu semasa bagi wanita khususnya.

> **WINP memberi impak dan membentuk dasar pemikiran yang lebih kreatif dan kritis dalam menangani isu-isu semasa bagi wanita**

Program E-Juwita Kerajaan Negeri Perak Tahun 2023

Program E-Jualan Wanita (E-JUWITA) anjuran Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (Wanita Perak) dengan kerjasama Sekretariat Pembangunan Usahawan (STeP) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Negeri Perak (SKMM). Program E-Juwita ini telah dijalankan di setiap 24 parlimen melalui Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang terpilih dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM58,080.00. Program E-Juwita ini telah memberi manfaat kepada 720 orang usahawan wanita di negeri Perak dengan pecahan 30 penyertaan usahawan wanita di setiap parlimen untuk memberi pendedahan dan teknik yang betul dalam memasarkan produk usahawan tempatan melalui platform digital. Pelaksanaan Program E-Juwita mengambil masa selama 1 hari di kawasan NADI yang menjalankan empat (4) modul, antaranya keusahawanan, *Business Model Canvas* (BMC), penjenamaan dan promosi serta *content marketing*. Program ini menggunakan kaedah *hands on* di mana peserta dilatih dan dibimbing oleh tenaga pengajar yang terlatih. Kaedah ini terpakai dan dipantau sehingga tempoh enam (6) bulan selepas program tamat.

> **Program E-Juwita beri manfaat kepada 720 orang usahawan wanita di negeri Perak**

Program Dana Perubatan Wanita Untuk Pembuatan Tapak Dialisis Negeri Perak Darul Ridzuan dengan Kerjasama Hospital Pakar KPJ Ipoh

> **7 pesakit yang mempunyai masalah fungsi ginjal kronik dibantu Kerajaan Negeri**

Bermula tahun 2021, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Hospital Pakar KPJ Ipoh telah memperkenalkan Dana Perubatan Wanita bagi pembedahan pembuatan tapak dialisis dengan peruntukan awal sebanyak RM100,000.00. Dana ini khusus bagi membantu golongan wanita B40 yang mempunyai masalah fungsi ginjal yang kronik dengan menampung kos subsidi rawatan sebanyak RM3,000.00 maksimum mengikut kelayakan. Melihat kepada sambutan yang menggalakkan, Kerajaan Negeri meneruskan bantuan dana ini dengan membuka permohonan kepada golongan lelaki agar setiap lapisan masyarakat tidak terbeban dengan kos kesihatan yang diperlukan. Sejak Jun 2023 sehingga Mac 2024, dana ini telah memberi manfaat kepada tujuh (7) penerima yang terdiri daripada enam (6) wanita dan satu (1) lelaki.

Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe)

Inisiatif Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe) merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam mencegah kanser utama yang sering dihadapi oleh kaum wanita, iaitu kanser payudara dan kanser serviks. Inisiatif ini dilaksanakan bagi mempromosikan program saringan awal kanser melalui dua (2) program subsidi ujian mamogram dan program saringan kanser serviks (ujian HPV DNA) yang diberikan kepada seluruh wanita di negeri Perak. Sepanjang Jun 2023 hingga Mac 2024, 4,315 orang telah menerima manfaat program ini.

> **“4,315 wanita menerima manfaat daripada WCaRe”**

Program Pemberdayaan Usahawan Wanita

Program Pemberdayaan Usahawan Wanita merupakan program yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi membantu golongan wanita terutamanya golongan luar bandar yang tidak bekerja melalui kursus-kursus yang dijalankan. Sebanyak 24 program *reskilling* dan *upskilling* telah dijalankan di seluruh negeri Perak bagi membantu golongan wanita menambah ilmu dan memberi pendedahan dalam aspek keusahawanan dan secara langsung dapat meningkatkan taraf hidup diri, keluarga dan masyarakat. Hasil daripada kursus yang telah dilaksanakan, majoriti daripada peserta terlibat telah dapat menggunakan kemahiran yang dipelajari untuk mencari pendapatan tambahan demi kelangsungan diri dan juga keluarga.

“24 program *reskilling* dan *upskilling* bantu wanita mahir keusahawanan”

Program Pemberdayaan dan Pemerkasaan Wanita

Menyedari pemberdayaan dan pemerkasaan wanita akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi meningkatkan kualiti hidup golongan wanita yang merupakan tonggak Masyarakat Sejahtera. Program yang telah direncanakan merupakan satu penghargaan kepada wanita melalui pemerkasaan dalam pelbagai bidang di peringkat komuniti penggerak dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) selaras dengan enam (6) teras fokus perkhidmatan Wanita Perak, iaitu Pendidikan, Kesihatan, Ekonomi, Keselamatan, Kepimpinan dan Masyarakat Lestari bagi mencapai Perak Sejahtera 2030. Antara pengisian program termasuklah:

1. Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita.
2. Program Bengkel Literasi Undang-undang.
3. Program Budi Wanita Penyuluh Pembangunan Sejahtera Sosial Negeri Perak.
4. Program Pembangunan Kemahiran bersama dengan Komuniti Penggerak dan NGO.
5. Program Pembuatan Beg *Clutch*.
6. Program Pembuatan Kek sihat.
7. Program Pembuatan Pes Makan.
8. *Women Night Run* dengan kerjasama Pertubuhan Bagirun.

Program-program ini telah berjaya memberi pendedahan, meningkatkan pendapatan, memberi kesedaran untuk mengubah kehidupan kepada yang lebih baik serta mendapat sambutan dari pelbagai lapisan masyarakat khususnya wanita di negeri Perak.

Sambutan Hari Ibu peringkat negeri Perak 2023

451 peserta hadiri Sambutan Hari Ibu peringkat negeri Perak 2023

Bulan Mei sinonim dengan Sambutan Hari Ibu yang disambut pada Ahad kedua bulan Mei sebagai menunjukkan tanda penghargaan dan menunjukkan rasa terima kasih kepada kaum hawa yang bergelar ibu. Di Perak, sambutan ini diadakan secara meriah dengan kerjasama erat Sekretariat Pembangunan Wanita Negeri Perak (Wanita Perak) pada 27 Mei 2023 bertempat di Dewan Merdeka, Parit Buntar. Bertemakan "Ibu, Suri Hatiku", program ini diadakan bagi menghargai peranan ibu dalam membesarkan anak-anak dengan penuh kasih sayang. Sambutan yang dihadiri oleh 451 orang peserta ini telah dirasmikan oleh isteri YAB Menteri Besar Perak, YABhg. Datin Seri Aezer binti Zubin dan turut dihadiri oleh YB Dato' Salbiah binti Mohamed. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah Pertandingan Ibu Menawan, Pertandingan Karaoke, Pertandingan Dekorasi Kad Ucapan Hari Ibu dan Pertandingan Mewarna Kanak-kanak. Selain itu, pertandingan saringan kesihatan secara percuma, dan pendaftaran subsidi mamogram dan HPV DNA turut diadakan. Pada program tersebut, Puan Hajah Che Hasinah binti Embi telah dinobatkan sebagai Anugerah Ibu Sejahtera sempena Sambutan Hari Ibu peringkat negeri Perak.

Bicara *Goal* dan Gincu Sempena Hari Wanita 2024

Kerajaan Negeri Perak telah menganjurkan Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Perak tahun 2024 dan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Perak bagi menghargai dan mengiktiraf kejayaan yang diperoleh golongan wanita di seluruh negara. Majlis ini dirasmikan oleh YB Dato' Salbiah Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak bertempat di Hotel Kinta Riverfront, Ipoh pada 7 Mac 2024. Antara pengisian program ini ialah Bicara *Goal* dan Gincu, bertemakan "Wanita Dijulang, Negara Terbilang" yang mengupas lebih lanjut mengenai kepentingan usaha memartabatkan wanita bagi mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan *gender* di semua peringkat.

Bicara *Goal* dan Gincu fokuskan kepada kesaksamaan *gender*

Kempen Kesihatan dan Kebersihan Wanita Negeri Perak (PROKIS)

4,500 orang penerima dalam kalangan remaja wanita telah menerima manfaat melalui program ini dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00

Kemiskinan haid atau *period poverty* adalah istilah bagi menggambarkan kekurangan akses kepada produk kebersihan atau kemudahan mencukupi untuk wanita yang datang haid. Ia merupakan isu mendesak yang memberi kesan kepada berjuta wanita dan kanak-kanak perempuan di seluruh dunia, terutamanya di negara membangun. Ia bukan sahaja memberi kesan kepada kebersihan dan kesihatan diri golongan terbabit, tetapi juga peluang pendidikan serta ekonomi mereka. Program Pembasmian Kemiskinan Haid: Pemberian Kit Asas Sanitari Wanita Negeri Perak (PROKIS) telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat pada 24 Februari 2022 di Ruang Flat Seri Conolly yang melibatkan seramai 250 orang penerima remaja wanita dari kawasan tersebut. Kempen ini turut diperluaskan ke seluruh daerah di negeri Perak melalui kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Negeri Perak (LPPKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Penghulu, Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak dan Kedah (JAKOA), HRD Corp, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak dan Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) untuk membantu mengenal pasti penerima yang layak. Antara modul pelaksanaan program ialah Taklimat Pengurusan dan Penjagaan Sistem Reproduktif Wanita yang disampaikan oleh Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara Negeri Perak (LPPKN), Taklimat Perlindungan Sentuhan Selamat Tidak Selamat oleh PDRM Negeri Perak dan penyerahan Kit Asas Sanitari Wanita PROKIS. Sehingga Disember 2023, seramai 4,500 orang penerima dalam kalangan remaja wanita telah menerima manfaat melalui program ini dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

November Bulan Keluarga Kebangsaan Peringkat Negeri Perak 2023

"November diisytiharkan sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan."

Bagi menyokong dan mengiktiraf sistem sokongan keluarga yang membantu ke arah pembangunan negara sejahtera dan pembinaan daya tahan negara, bulan November diisytiharkan sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK). Sebagai tanda sokongan dan penghargaan terhadap institusi kekeluargaan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Perak telah menjalinkan kerjasama strategik bersama dengan Sekretariat Pembangunan Wanita Negeri Perak (Wanita Perak), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak dan MBSB Bank Cawangan Ipoh menganjurkan sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Salbiah binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak pada 27 November 2023 di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Kempen Membanteras Jenayah Seksual dalam Talian Terhadap Kanak-kanak

Kempen Membanteras Jenayah Seksual dalam Talian Terhadap Kanak-kanak merupakan inisiatif dalam membantu kanak-kanak berhadapan dengan cabaran siber kini. Kewujudan media elektronik dan media sosial kini menjadi faktor yang mendorong kanak-kanak dikaitkan dengan isu seksual dan mendedahkan golongan ini kepada perilaku dan tingkah laku di luar kawalan.

Kempen Membanteras Jenayah Seksual dalam Talian Terhadap Kanak-kanak dijangka memberi manfaat kepada 5,000 kanak-kanak dan masyarakat

Kempen Membanteras Jenayah Seksual dalam Talian terhadap Kanak-kanak merupakan kesinambungan daripada pelancaran yang telah dilaksanakan di peringkat negeri pada 3 November 2022 dan akan diikuti pelaksanaan di peringkat daerah melibatkan satu sekolah setiap daerah dan dijangka memberi manfaat kepada 5,000 kanak-kanak dan masyarakat. Antara pengisian program adalah taklimat daripada agensi PDRM, SKMM dan jemputan penceramah daripada perunding yang mahir dan berkebolehan. Program ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak

Konvensyen Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Negeri Perak Tahun 2024

"Latihan dan kemahiran berkaitan penjagaan dan pembangunan OKU disediakan melalui Konvensyen PPDK"

Konvensyen Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Negeri Perak Tahun 2024 telah dianjurkan pada 27 Februari hingga 29 Februari 2024 di Bukit Merah Laketown Resort, Semanggol, Perak yang dirasmikan oleh YB Dato' Salbiah Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak. Konvensyen ini telah dihadiri oleh Jawatankuasa PPDK dan penyelia atau petugas dari semua Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Negeri Perak seramai 195 orang.

Pelbagai aktiviti diadakan antaranya ceramah daripada pelbagai agensi berkaitan, pembentangan resolusi konvensyen dan aktiviti terapi dari Bahagian Psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak. Program ini menyediakan latihan dan kemahiran kepada Ahli Jawatankuasa PPDK dan Petugas PPDK berkaitan penjagaan dan pembangunan OKU di PDK, di samping mengeratkan hubungan di antara personel di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak dengan ahli-ahli Jawatankuasa PPDK, Penyelia dan Petugas PPDK di seluruh negeri Perak dalam menyampaikan perkhidmatan OKU kepada pelatih PDK.

Penubuhan Majlis Perwakilan Kanak-kanak

Penubuhan Majlis Perwakilan Kanak-kanak merupakan majlis yang ditubuhkan untuk memberi penghormatan dan pengiktirafan pihak Kerajaan Negeri dan masyarakat terhadap kanak-kanak dan juga memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyertai, menyumbang idea dan bakat bagi meningkatkan lagi potensi diri mereka.

Negeri Perak mempunyai 22 orang MPKK yang dilantik untuk tempoh 2024 hingga 2026

Majlis ini akan dipengerusikan oleh kanak-kanak yang dipilih oleh kanak-kanak sendiri dan keanggotaan Majlis akan diwakili oleh dua (2) orang kanak-kanak bagi setiap daerah. Setiap ahli adalah dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun. Kanak-kanak dipilih berdasarkan penglibatan aktif di peringkat daerah melalui sekolah atau program-program kemasyarakatan.

Kanak-kanak akan dilibatkan bagi memberi ruang dan peluang kepada mereka menyatakan pendapat dan suara hati mengenai perkara dan isu kanak-kanak khususnya di kawasan mereka. Negeri Perak kini mempunyai 22 orang MPKK yang dilantik untuk tempoh 2024 hingga 2026.

Pembangunan *Child Interview Centre* (CIC) dan Program D11 Jabatan Siasatan Jenayah IPK Perak

Pusat CIC diwujudkan sejak 2002 sebagai pusat di bawah kendalian D11 PDRM bagi mengambil keterangan kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol dan penderaan

Kerajaan Negeri Perak melalui Portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah memberi perhatian yang serius terhadap perkembangan Pusat Temu duga Kanak-Kanak (CIC) berperanan penting dalam menyelesaikan kes-kes berkaitan jenayah seksual kanak-kanak dengan memberi fokus kepada kerja-kerja membaik pulih infrastruktur CIC Sungai Senam (RM100,000.00), Program kesedaran keselamatan dalam kalangan kanak-kanak (RM50,000.00) dan Program kebajikan dan keselesaan CIC Kamunting (RM30,000.00). Pusat CIC diwujudkan sejak 2002 sebagai pusat di bawah kendalian D11 PDRM bagi mengambil keterangan kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol dan penderaan. Antara program dan kempen kesedaran yang telah dijalankan ialah:

	PROGRAM	TARIKH
1	Program Kempen Kesedaran Keselamatan dalam kalangan Kanak-Kanak (Etnik Orang Asli) di Sekolah Kebangsaan Batu 14, Tapah, Perak	20 Jun 2023
2	Program Ceramah dan Kempen Kesedaran Jenayah Seksual dalam kalangan Pelajar Sekolah di SMK Seri Tapah, Perak	21 Jun 2023
3	Program Kempen Kesedaran Keselamatan dalam kalangan Kanak-kanak (Etnik Orang Asli) di Sekolah Kebangsaan Pos Kuala Mu, Sungai Siput, Perak	22 Jun 2023
4	Program Kempen Kesedaran Keselamatan dalam kalangan Kanak-kanak (Etnik Orang Asli) di Sekolah Kebangsaan Pos Dipang, Kampar, Perak	23 Jun 2023

5	Program Ceramah 'Sentuhan Ok Tidak Ok' di Sekolah Kebangsaan Menora Kuala Kangsar	13 Julai 2023
6	Lawatan YDH SAC Siti Khamsiah binti Hassan (KPP DII Bukit Aman) ke CIC Sungai Senam, Ipoh, Perak	18 Julai 2023
7	Ceramah *"NO MEANS NO*: Gangguan Seksual, Diam atau Bicara" di USAS, Kuala Kangsar	29 Ogos 2023
8	Ceramah Gangguan Seksual di Majlis Pelancaran Taman Angkat Amanita PDRM Perak di Gerik, Perak	2 September 2023
9	Ceramah Kesedaran Gangguan Seksual di ADTEC Taiping, Perak	22 September 2023
10	Program Jerayawara Kasih KPWKM @ Advokasi Anti Gangguan Seksual Peringkat Negeri Peringkat 2023 di Hotel Casuarina, Meru, Ipoh, Perak	5 Oktober 2023
11	Ceramah Seksual di Sambutan Hari Kanak-kanak Kebangsaan Peringkat Negeri Perak di Gerik, Perak	28 Oktober 2023
12	Ceramah Seksual di Program *Eliminate Violence Against Women* (EVAW) di Kolej Tingkatan 6 Seri Ipoh, Perak	7 November 2023
13	Ceramah Seksual dalam Kalangan Guru Sekolah di Program Simposium Pengurusan Sahsiah Peringkat Negeri Perak, di Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak	16 November 2023
14	Program Ceramah Gangguan Seksual di SMK Toh Muda Abdul Sungai Siput, Perak	16 Januari 2024
15	Ceramah Gangguan Seksual SMK Raja Perempuan Kelsom, Kuala Kangsar, Perak	26 Januari 2024
16	Ceramah Hentikan Buli dan Gangguan Seksual di SMK Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak	5 Februari 2024
17	Ceramah Gangguan Seksual di SMK Tun Saban, Pengkalan Hulu	5 Februari 2024
18	Lawatan YB Dato' Salbiah binti Mohamed ke Pusat Temu duga Kanak-kanak (CIC) di Balai Polis Simpang, Taiping, Perak	24 Februari 2024
19	Ceramah Kesedaran Jenayah Gangguan Seksual di Tempat Kerja serta Kaedah Siasatan Kes Gangguan Seksual di Bangunan Tabung Haji Perak, Ipoh, Perak	14 Mac 2024

Senarai Program dan Kempen Kesedaran di bawah Inisiatif Pembangunan *Child Interview Centre* (CIC)

*Sumber : Jabatan Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Jawatan Perak), 2024

Program Hari Kanak-kanak Kebangsaan Peringkat Negeri Perak Tahun 2023

Kempen Membanteras Jenayah Seksual dalam Talian Terhadap Kanak-kanak dijangka memberi manfaat kepada 5,000 kanak-kanak dan masyarakat

Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menganjurkan Karnival Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Peringkat Negeri Perak Tahun 2023 sebagai usaha menghargai dan menimbulkan kesedaran kepada umum mengenai kepentingan kesejahteraan kanak-kanak untuk kesinambungan generasi pada masa akan datang.

Program yang dianjurkan dengan Kerjasama strategik bersama Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Majlis Pembangunan Masyarakat Negeri Perak initelah diadakan di tiga (3) daerah / zon terpilih, iaitu daerah Hulu Perak, daerah Larut, Matang dan Selama (LMS), dan daerah Muallim.

Program yang melibatkan pelajar sekolah berumur 4 tahun hingga 17 tahun ini memfokuskan kepada beberapa tema yang bersesuaian dengan peringkat umur seperti seni kreatif, kebudayaan tradisional dan kesukanan. Selain itu, program ini juga memfokuskan kepada peranan dan kemahiran keibubapaan bagi memberikan memberikan pendedahan mengenai isu semasa berkaitan kanak-kanak.

Program ini diharap dapat mengembangkan potensi kanak-kanak dari segi fizikal, emosi, kognitif, moral, dan sosial, di samping meningkatkan kebolehan dan keyakinan kanak-kanak serta meningkatkan motivasi kanak-kanak melalui aktiviti-aktiviti yang disertai.

Program Santunan Kasih

80 peserta ikuti TVET Penjagaan Warga Emas

Kerajaan Negeri Perak melalui Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak) dan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) sedang berusaha ke arah mewujudkan sebuah ekosistem penjagaan warga emas di negeri ini dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah bermula pada September 2023 melalui Program Santunan Kasih.

Pada September 2023, 80 peserta telah menyertai latihan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Penjagaan Warga Emas secara berperingkat di Perak. Melalui latihan ini, hampir 80 peratus pendapatan peserta dapat ditingkatkan dan berjaya membantu mengubah taraf hidup dengan menjadikan penjagaan warga emas sebagai kerjaya tetap mahupun sambilan.

Pada September 2023, 80 peserta telah menyertai latihan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Penjagaan Warga Emas secara berperingkat di Perak. Melalui latihan ini, hampir 80 peratus pendapatan peserta dapat ditingkatkan dan berjaya membantu mengubah taraf hidup dengan menjadikan penjagaan warga emas sebagai kerjaya tetap mahupun sambilan.

Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Bagan Serai

13 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang telah berjaya didirikan di Perak

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dikenali sebagai tempat untuk warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan agensi kerajaan yang lain serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

PAWE juga menjadi platform untuk warga emas berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka antara satu sama lain dan melibatkan diri dalam program keagamaan, rekreasi, terapi dan pemulihan, program ceramah kesihatan, dan latihan atau kursus yang bersesuaian.

Terdapat 13 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang telah berjaya didirikan di negeri Perak, iaitu:

	DAERAH	LOKASI PAWE
1	Kinta	PAWE UTC PAWE Tambun PAWE Gopeng
4	Muallim	PAWE Tanjong Malim PAWE Slim River
5	Manjung	PAWE Lekir
6	Kuala Kangsar	PAWE Padang Rengas PAWE Manong
7	Hilir Perak	PAWE Langkap
8	Bagan Datuk	PAWE Bagan Datuk
9	Larut Matang dan Selama	PAWE Taiping
10	Kerian	PAWE Bagan Serai
11	Perak Tengah	PAWE Kg. Gajah

Program Citra Minda Intergenerasi (CMI) dan Perasmian PAWE Kg. Gajah

Program Seminar Citra Minda Intergenerasi (CMI) beri peluang kepada kumpulan profesional dalam kalangan warga emas menyumbang ilmu, idea dan kepakaran ke arah pembangunan warga emas secara holistik

Program Seminar Citra Minda Intergenerasi (CMI) dan Perasmian PAWE Kg. Gajah telah dilaksanakan pada 22 Ogos 2023 di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kg. Gajah dilihat sebagai salah satu medium pelaksanaan yang berkesan bagi memberi kesedaran kepada orang muda dan warga emas mengenai keperluan menjalankan aktiviti bersama dan khidmat masyarakat. Ia juga memberi peluang kepada kumpulan profesional dalam kalangan warga emas menyumbang ilmu, idea dan kepakaran ke arah pembangunan warga emas secara holistik.

Program ini selaras dengan strategi kelima yang terkandung dalam Dasar Warga Emas Negara (DWEN), iaitu Penglibatan dan Kesepaduan Antara Generasi dengan memberi penekanan kepada tindakan-tindakan untuk meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur serta mengeratkan hubungan timbal balik antara generasi. Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti senaman ringan, *explorace* dan memasak makanan tadisional bubur anak lebah yang melibatkan penglibatan daripada kanak-kanak, belia dan warga emas.

Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR)

388 warga emas dan OKU telah menerima manfaat daripada program ini yang disediakan oleh 97 orang sukarelawan dengan peruntukan RM924,080.00

Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan OKU yang tinggal bersendirian atau bersama keluarga. Program ini merupakan pendampingan sosial kepada golongan memerlukan melalui semangat kesukarelawanan komuniti bagi pembangunan dan kesejahteraan komuniti setempat.

Pelaksanaan aktiviti KBDR melibatkan sekurang-kurangnya lapan (8) jam dalam sebulan, iaitu dua (2) jam sekali dalam seminggu. Aktiviti khidmat sokongan sosial yang dilakukan oleh sukarelawan adalah membantu atau menemani pelanggan melakukan urusan harian termasuk penjagaan kebersihan diri dan kediaman, penjagaan kesihatan serta kerohanian.

Pada tahun 2023, 388 warga emas dan OKU telah menerima manfaat daripada program ini yang disediakan oleh 97 orang sukarelawan dengan peruntukan RM924,080.00. Sebanyak RM882,300.00 telah diperuntukkan untuk pelaksanaan KBDR bagi tahun 2024.

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) diperkenalkan sebagai satu kaedah dalam pembangunan komuniti untuk golongan OKU menjalani pemulihan dalam keluarga dan masyarakat sendiri bagi memberi peluang kepada OKU menjalani pemulihan, mengecapi peluang sama rata dan berinteraksi dengan masyarakat. Program ini memerlukan penyertaan dan penglibatan aktif OKU, ibu bapa, keluarga, penjaga dan masyarakat setempat dengan memaksimumkan penggunaan sumber tempatan yang sedia ada dalam komuniti.

"747 OKU telah mendapat perkhidmatan PDK dengan sokongan 39 orang penyelia dan 110 orang petugas PDK"

Setakat April 2024, terdapat 747 OKU telah mendapat perkhidmatan PDK dengan sokongan 39 orang penyelia dan 110 orang petugas PDK. Semua PDK telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri Perak berjumlah RM5.1 juta sebagai perbelanjaan sagu hati penyelia dan petugas, sewaan premis, bayaran utiliti dan elaun pelatih OKU. Selain itu, pihak Kerajaan Negeri Perak turut memperuntukkan RM500,000.00 kepada PDK negeri Perak untuk tujuan kursus atau latihan kemahiran kepada petugas dan pelatih OKU di PDK. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Lenggong, Perak telah berjaya menerima Anugerah Komuniti Kraf Tahun 2024 sempena Hari Kraf Peringkat Kebangsaan pada 24 Februari 2024 yang lalu.

Program Pendaftaran OKU

5,124 OKU berdaftar kini boleh dapatkan perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan berdasarkan tahap kefungsian atau ketidakupayaan

Pendaftaran OKU telah dilaksanakan untuk mengumpul data atau statistik bagi merancang perkhidmatan atau program pemulihan, pencegahan, latihan dan pendidikan, serta intervensi awal. Terdapat tujuh (7) kategori OKU yang boleh dipertimbangkan bagi pendaftaran OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, iaitu Pendengaran, Penglihatan, Mental, Masalah Pembelajaran, Fizikal, Pertuturan dan Pelbagai. Program ini menyasarkan purata 3,000 orang setiap tahun.

Bermula Jun 2023 sehingga April 2024, negeri Perak telah mendaftarkan 5,124 OKU. Program ini membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan berdasarkan tahap kefungsian atau ketidakupayaan mereka.

Insentif Pendidikan Anak Perak

Kerajaan Negeri sediakan bantuan pendidikan kepada anak-anak Perak melalui Program Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak, Program Insentif Siswa Yayasan Perak Dalam Negara, Program Insentif Siswa Yayasan Perak Luar Negara, Program Biasiswa YAB Menteri Besar dan Tuisyen Cikgu Saarani

Pendidikan merupakan asas dalam usaha membentuk kesihatan yang baik. Pendidikan berperanan penting dalam usaha mengubah landskap kemiskinan, mengeluarkan rakyat dari kepompong kemiskinan, di samping menaik taraf kehidupan rakyat. Rakyat yang berpendidikan mampu memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan negeri. Menyedari hakikat itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan pendidikan kepada anak-anak Perak, antaranya:

1 Program Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak (TASPEN)

Program Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak telah diwujudkan sejak tahun 2010 dengan peruntukan berjumlah RM800,000.00 setahun untuk menggalakkan ibu bapa membuat tabungan awal bagi keperluan pendidikan tinggi anak-anak. 4,000 orang bayi yang lahir di negeri Perak setiap tahun akan menerima manfaat tersebut dalam bentuk simpanan pendidikan.

Sebanyak RM200.00 akan diberikan sebagai tabungan permulaan menerusi Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Akaun Simpan SSPN *Prime*) yang merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)menggunakan konsep "Wakalah Bil Ishtithmar", iaitu pendeposit melantik PTPTN untuk menguruskan deposit mereka bagi tujuan pelaburan. Sehingga bulan Mac 2024, program ini telah memberi manfaat kepada 900 orang bayi dan kanak-kanak dengan melibatkan kewangan berjumlah RM180,000.00. Program ini diteruskan sehingga tahun 2024 ini dengan peruntukan masih kekal sebanyak RM800,000.00.

Program ini dilaksanakan bagi memastikan segala peruntukan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin kepada kumpulan sasar dan merupakan salah satu komitmen berterusan Kerajaan Negeri bagi menanam sifat suka menabung dalam kalangan rakyat Negeri Perak.

2 Program Insentif Siswa Yayasan Perak Dalam Negara

Bermula pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah meluluskan bantuan secara *one-off* kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Sijil/Matrikulasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di universiti tempatan.

Inisiatif berbentuk *one-off* ini diberikan sebagai galakan kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi (IPT), di samping meringankan beban kewangan pelajar dan keluarga dalam membuat persiapan bagi membiayai yuran kemasukan pengajian. 170,510 orang pelajar telah menikmati manfaat dengan peruntukan RM130,342,400.00 sejak inisiatif ini diperkenalkan. Sehingga bulan Mac 2024, program ini telah memberi manfaat kepada 835 orang pelajar dengan melibatkan kewangan berjumlah RM662,500.00.

3 Program Insentif Siswa Yayasan Perak Luar Negara

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Insentif Siswa Yayasan Perak yang diberi secara *one-off* kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, dan Ijazah Doktor Falsafah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Luar Negara.

Sumbangan secara *one-off* ini diwujudkan bagi memberi insentif dan galakan kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi di luar negara, di samping meringankan beban kewangan pelajar dan keluarga. Sejak tahun 2019 sehingga 2023, 391 orang pelajar telah menikmati manfaat daripada bantuan yang diberikan dengan peruntukan RM1,730,000.00. Sehingga bulan Mac 2024, program ini telah memberi manfaat kepada 3 orang pelajar dengan melibatkan kewangan berjumlah RM16,500.00.

4 Program Biasiswa YAB Menteri Besar

Program Biasiswa YAB Menteri Besar ini bermula pada tahun 2019 dengan peruntukan berjumlah RM2.0 juta yang melibatkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah daripada keluarga yang berpendapatan RM1,500.00 dan ke bawah di seluruh negeri Perak.

Bantuan ini diberikan secara *one-off* bagi membantu meringankan beban kewangan dalam menyediakan persiapan untuk sesi baru persekolahan. Murid sekolah rendah yang terpilih akan diberikan biasiswa berjumlah RM700.00 setiap seorang, manakala pelajar sekolah menengah pula akan menerima biasiswa sebanyak RM1,000.00 hingga RM1,200.00 mengikut peperiksaan awam yang diduduki oleh murid.

Sehingga bulan Mac 2024, seramai 5,846 murid sekolah rendah dan menengah telah menerima manfaat dengan peruntukan RM6,130,900.00. Program ini dilaksanakan bagi meringankan beban terutamanya keluarga yang berpendapatan rendah dalam menyediakan peralatan dan keperluan persekolahan murid.

5 Tuisyen Cikgu Saarani

Tuisyen Cikgu Saarani merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan di negeri Perak untuk membantu pelajar terutamanya pelajar yang akan menghadapi peperiksaan utama khususnya daripada keluarga miskin dan berpendapatan rendah (B40). Program ini dinamakan sempena Menteri Besar, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad sebagai tanda sokongan dan komitmen beliau terhadap pendidikan di negeri ini.

Program Bantuan Makanan Percuma murid SPM, SPVM, STPM, dan STAM merupakan salah satu program di bawah inisiatif Tuisyen Cikgu Saarani bagi merapatkan jurang pencapaian akademik antara sekolah luar bandar dan bandar, di samping meringankan bebanan ibu bapa yang mempunyai tanggungan besar. Melalui program ini, pelajar akan menerima bantuan makanan percuma selama 20 hari sepanjang peperiksaan, kelas tambahan dan tuisyen. Sehingga Mac 2024, seramai 27,000 murid telah menerima bantuan makanan percuma ini. Pelaksanaan program ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri Perak dalam memupuk pembangunan pendidikan dan kesejahteraan pelajar, serta usaha berterusan untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir.

> **27,000 murid terima bantuan makanan percuma**

Selain itu, di bawah program Tuisyen Cikgu Saarani juga, terdapat pelbagai program-program lain yang dilaksanakan, antaranya Program Sara Diri dan Kecemasan Mahasiswa, Biasiswa YAB Menteri Besar, Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak (TASPEN) dan sebagainya.

Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Tambun

Pelaksanaan projek pembinaan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Tambun diselia oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak dan telah pun diserahkan kepada pihak Jabatan Agama Islam Perak selaku *end-user* pada 30 April 2024 di mana pengoperasian tahun pertama melibatkan 31 orang pelajar lelaki Tingkatan 1. Kaedah pelaksanaan projek ini adalah secara Reka dan Bina dengan spesifikasi pembinaan ditentukan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perak selaku Pegawai Penguasa Projek.

Tempoh penyiapan projek ini dari tarikh milik tapak pada 14 Julai 2021 sehingga penyerahan *Certificate of Practical Completion* pada 30 April 2024 mengambil masa hampir dua (2) tahun dan 10 bulan. SMTDR Tambun dilengkapi dengan infrastruktur yang lengkap dan termoden dengan peruntukan projek ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Kapasiti sekolah ini mampu memuatkan 150 orang pelajar pada satu masa bermula daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dengan kemudahan yang selesa antaranya bilik darjah, wakaf bagi tujuan halakah, makmal sains yang lengkap dengan peralatan, makmal komputer, asrama, surau, dewan utama, bilik tasmik, bilik kaunseling, padang dan pelbagai fasiliti lain.

SMTDR Tambun mula beroperasi pada Mei 2024, bakal memuatkan 150 pelajar

Penubuhan institusi Pendidikan tahfiz SMTDR Tambun ini merupakan manifestasi keprihatinan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sahsiah dan bina upaya modal insan di negeri selaras dengan sasaran pelan Perak Sejahtera 2030, iaitu sejahtera sosial yang memperjuangkan akses kepada pendidikan secara adil dan saksama untuk semua golongan pelajar tanpa ada yang tercicir. Penubuhan sekolah ini menjadi asbab agar generasi muda negeri Perak terus menyemarakkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara dan menggarap peluang untuk lebih memahami serta mendekati institusi tahfiz Al-Quran sebagai asas kepada Pendidikan Islam.

Program Tanya Cikgu Saarani

Program Tanya Cikgu Saarani selami isu dan mendengar pandangan golongan pelajar, IPT dan warga pendidik pasca pelancaran Perak Sejahtera 2030

Program Tanya Cikgu Saarani bersama dengan Pelajar, Warga Pendidik Sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) di daerah-daerah negeri Perak merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan MESRA pada tahun 2021 dan diteruskan sehingga 2024. Program ini dilaksanakan bagi memahami isu dan mendengar pandangan golongan pelajar, IPT dan warga pendidik pasca pelancaran Perak Sejahtera 2030 sebagai wadah untuk mendapatkan maklum balas dan meningkatkan kefahaman kepada rakyat mengenai pelaksanaan Perak Sejahtera 2030. Menteri Besar, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad turut berkongsi mengenai perancangan Kerajaan Negeri dalam Perak Sejahtera 2030 khususnya melibatkan masa depan anak muda di negeri Perak.

Sehingga bulan April 2024, 4 siri Program Tanya Cikgu Saarani telah dilaksanakan melibatkan 3,352 orang pelajar, warga pendidik dan Institut Pengajian Tinggi (IPT), di samping menerima 2,049 maklum balas persepsi rakyat mengenai Perak Sejahtera 2030 untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dalam menjayakan pelaksanaan pelan Perak Sejahtera 2030.

Karnival Bahasa Cina Peringkat Negeri Perak 2023

Karnival Bahasa Cina beri peluang kepada pelajar dalam mengasah bakat dan kemahiran, memelihara kepelbagaian bahasa dan budaya di negeri Perak

Karnival Bahasa Cina Peringkat Negeri Perak 2023 merupakan satu inisiatif yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Perak, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, serta Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Negeri Perak dan Persatuan Kebajikan Guru-guru Bahasa Cina Sekolah Menengah Perak untuk meningkatkan minat pelajar terhadap pelbagai jenis pertandingan akademik dalam Bahasa Cina, di samping memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran Bahasa Cina yang dipelajari di dalam kelas melalui platform pertandingan. Karnival yang berlangsung pada 7 hingga 8 Julai 2023 di Dewan Tun Dr. Ling Liong Sik, UTAR Kampar ini disempurnakan oleh YB Encik Woo Kah Leong, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina.

Karnival yang melibatkan lebih kurang 4,000 guru dan pelajar ini merangkumi tiga (3) pertandingan utama, iaitu Pertandingan Deklamasi Sajak Bahasa Cina, Pertandingan Kaligrafi Bahasa Cina, dan Pertandingan Penulisan Kreatif Bahasa Cina. Penganjuran karnival ini berupaya memberi peluang kepada pelajar dalam mengasah bakat dan kemahiran, di samping memelihara kepelbagaian bahasa dan budaya di negeri Perak.

Program Karnival Pendidikan dan Robotik Murid Orang Asli Peringkat Negeri Perak

Dalam usaha memastikan ekuiti, iaitu kesamarataan akses pendidikan orang asli dan peribumi seiring dengan pendidikan arus perdana, Program Karnival Pendidikan dan Robotik Murid Orang Asli Peringkat Negeri Perak 2023 di bawah Inisiatif #57 Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi yang diterajui oleh Unit Sekolah Jenis Khas (USJK) di peringkat negeri telah berjaya diadakan.

Program yang memfokuskan kepada murid orang asli dari tahun 6 hingga tingkatan 1 ini membantu menggalakkan 4,961 orang murid Orang Asli hadir ke sekolah dengan menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum, mengikuti proses PdP di dalam kelas secara berterusan, di samping menggilap bakat dan potensi murid Orang Asli melalui karnival yang dianjurkan. Program ini telah berjaya membawa Sekolah Murid Orang Asli, Perak ke Pertandingan Teater Muzikal Kanak-Kanak, Sewang dan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli, anjuran bersama Universiti Malaya (UM) dan Kementerian Pendidikan di Auditorium Utama Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Hampir 400 orang murid dengan peruntukan RM20,000.00 oleh Kerajaan Negeri mewakili daerah ke Pertandingan Karnival Pendidikan dan Robotik Peringkat Negeri Perak Tahun 2023 yang berlangsung di Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM), Tronoh, Perak pada 1 hingga 2 Ogos 2023 yang telah dirasmikan oleh YB Encik Khairudin bin Abu Hanipah, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan.

Melalui Program Karnival Peringkat Negeri, pihak urus setia telah berjaya memilih seramai 40 orang (Kontinjen Negeri Perak) bagi mewakili JPN Perak ke peringkat kebangsaan yang diadakan pada 5 hingga 8 September 2023 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Antara kejayaan yang diperolehi ialah seperti berikut:

1. Johan *Action Song* - SK Pos Poi, Sg. Siput
2. Naib Johan PdP (Guru) - SK Pos Dipang
3. Tempat Ketiga *Poem* - SK Pos Dipang
4. Tempat Ketiga Nyanyian - SK Chenderong Kelubi, Perak Tengah
5. Tempat Kelima PdP (Guru) - SK Bt 14

Pada tahun 2024, Program Karnival Pendidikan Orang Asli dan Karnival Robotik akan dilaksanakan pada 1 hingga 3 Julai di Kolej Poly-Tech Mara (KPTM), Meru, Perak dan peringkat Kebangsaan pada 20 hingga 22 Ogos 2024 di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur dalam usaha memastikan anak Orang Asli tidak terpinggir dari arus pendidikan.

Kempen Pendidikan dan Kesedaran Haiwan Jalanan

Kempen Pendidikan dan Kesedaran Haiwan Jalanan bantu tangani isu haiwan jalanan secara berkesan

Kempen Pendidikan dan Kesedaran Haiwan Jalanan anjuran bersama Kerajaan Negeri Perak, Sin Chew Daily dan *Mutts and Mittens* (M&M) telah diadakan di SJKC Man Ming pada 22 Mac 2024. Bermula bulan Ogos tahun lalu, program bersiri ini telah berjaya diadakan di sembilan (9) buah sekolah dengan kehadiran hampir 4,000 orang murid. Selain daripada perkongsian sukarelawan M&M mengenai cerita isu haiwan jalanan, murid-murid juga diajar kaedah untuk mendekati haiwan serta peringatan untuk menjadi pemilik haiwan peliharaan yang bertanggungjawab. Usaha ini diharapkan dapat membantu menangani isu haiwan jalanan secara berkesan.

Penaiktarafan dan Penyelenggaraan Infrastruktur di Kampung Baru Cina

Inisiatif penaiktarafan dan penyelenggaraan infrastruktur di Kampung Baru Cina merupakan inisiatif yang dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan dan menyelenggara infrastruktur di kawasan Kampung Baru Cina di seluruh negeri Perak. Ia adalah hasil usaha bersama antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kerajaan Negeri Perak, serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) setempat. KPKT telah memperuntukkan kira-kira RM29 juta untuk melaksanakan pelbagai projek dalam 160 Kampung Baru Cina di seluruh negeri. Projek-projek termasuk peningkatan asas infrastruktur, penurapan jalan, pembinaan semula dan pembaikpulihan rumah, pemasangan lampu solar dan sebagainya. Inisiatif ini adalah satu usaha berterusan yang akan memberi kesan positif jangka panjang kepada kualiti hidup penduduk Kampung Baru Cina.

KPKT peruntukkan kira-kira RM29 juta untuk laksana pelbagai projek peningkatan infrastruktur 160 Kampung Baru Cina

Lebuh raya Persisiran Pantai Barat, Seksyen 11 (Taiping Selatan – Beruas)

Lebuh raya Persisiran Pantai Barat, Seksyen 11 mula dibuka secara rasmi pada 12 Mac 2024

Jajaran Seksyen 11 Lebuh raya Persisiran Pantai Barat (E32) bermula dari Persimpangan Bertingkat Taiping Selatan sehingga Persimpangan Bertingkat Beruas secara rasmi telah dibuka kepada pengguna bermula 12 Mac 2024. Pembukaan jajaran sepanjang 35.5 km ini, ia telah melengkapkan jajaran keseluruhan Lebuh raya Persisiran Pantai Barat di Negeri Perak (Seksyen 8,9,10 dan 11). Projek ini bakal memainkan peranan strategik dengan menghubungkan persimpangan bertingkat Taiping Selatan dan Persimpangan Bertingkat Changkat Jering (Lebuh Raya Utara Selatan, E1) sekali gus memberikan laluan alternatif yang lebih selesa ke destinasi pantai barat seperti Teluk Intan, Manjung, Pulau Pangkor, Beruas, Trong, Changkat Jering dan Taiping. Sempena perasmian lebuh raya ini, pengecualian tol telah diberikan kepada pengguna yang memasuki Lebuhraya Persisiran Pantai Barat bagi Seksyen 11, iaitu dari Plaza Tol Taiping Selatan, Plaza Tol Trong dan Plaza Tol Beruas bermula 12 Mac 2024 sehingga 11 Mei 2024 selama dua (2) bulan dengan mengambil kira sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Jambatan Sultan Nazrin Shah

“Jambatan Bagan Datuk-Sejagop dimasyhurkan sebagai Jambatan Sultan Nazrin Shah”

Jambatan Sultan Nazrin Shah sepanjang 10.5 kilometer di Bagan Datuk telah mula digunakan pada 31 Mei 2023. Jambatan Sultan Nazrin Shah telah memudahkan perhubungan rakyat dari Pekan Bagan Datuk ke Lumut dan Manjung serta memendekkan tempoh perjalanan antara Ipoh dan Bagan Datuk, di samping memberikan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat. Jambatan ini menjadi kebanggaan kerana dikurniakan anugerah *The Malaysia Book of Records Tahun* 2023 dengan pencapaian laluan papak bertingkat atas cerucuk yang terpanjang dan bilangan titik cerucuk terbanyak bagi laluan papak bertingkat atas cerucuk.

Program Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)

“JENDELA sediakan liputan yang lebih meluas dan kualiti jalur lebar yang lebih baik kepada rakyat”

Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bermatlamat untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan infrastruktur digital di seluruh negara. JENDELA dirangka untuk memberi liputan yang lebih meluas dan pengalaman kualiti jalur lebar yang lebih baik untuk rakyat, sebagai langkah siap siaga negara untuk beralih kepada teknologi 5G. JENDELA akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut tahap dan perincian fasa sehingga 2025. Pelaksanaan Fasa 1 adalah pada tahun 2020 hingga 2022 dengan perincian berikut:

1. Meningkatkan liputan 4G dari 91.8 peratus kepada 96.9 peratus.
2. 83 peratus premis di seluruh negara akan mendapat akses untuk jalur lebar tetap dengan kapasiti gigabit.
3. Meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih dari 25 Mbps kepada 35 Mbps.
4. Menamatkan rangkaian 3G dan menaik taraf rangkaian 4G serta gentian optik.

Pelaksanaan JENDELA Fasa 2 yang bermula pada 2023, penggunaan 5G akan dilaksanakan selepas platform 4G diperkukuhkan sejajar dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) bagi meningkatkan kesalinghubungan digital di seluruh negara. Untuk negeri Perak, beberapa projek telah dirancang bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk JENDELA di peringkat negeri. Berikut adalah projek-projek yang telah dan sedang dijalankan bagi negeri Perak di bawah inisiatif JENDELA.

1 Ketersediaan Premis dengan Capaian Gentian Optik

"336,702 premis dengan capaian gentian optik pada tahun 2023"

Menyediakan capaian jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi menggunakan teknologi gentian optik kepada sasaran 386,758 premis. Setakat suku keempat tahun 2023, 336,702 premis telah berjaya disiapkan sejak pelan JENDELA dilaksanakan menjadikan jumlah keseluruhan premis di Perak dengan capaian gentian optik sebanyak 622,708. Sebelum JENDELA dilaksanakan pada suku kedua tahun 2022, jumlah premis dengan capaian gentian optik di Perak hanyalah sebanyak 286,006.

2 Ketersediaan Menara Telekomunikasi Baharu

"108 menara baharu berjaya disiapkan, tingkatkan liputan mudah alih 4G kepada 97.40 peratus"

Memperluaskan kesalinghubungan liputan jalur lebar mudah alih 4G melalui pembinaan 206 menara baharu. Setakat suku keempat tahun 2023, 108 menara baharu telah berjaya disiapkan sejak pelan JENDELA dilaksanakan. Pencapaian ini telah meningkatkan capaian liputan mudah alih 4G di kawasan berpenduduk kepada 97.40 peratus berbanding 94.71 peratus sebelum JENDELA dilaksanakan.

3 Ketersediaan Perkhidmatan 5G

"Capaian liputan 5G meningkat kepada 78.90 peratus di Perak"

Pelaksaan perkhidmatan 5G adalah melalui Digital Nasional Berhad (DNB), anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan yang telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia bagi melaksanakan infrastruktur dan rangkaian 5G ke seluruh negara. Setakat suku keempat tahun 2023, 460 daripada 494 tapak yang disasarkan telah siap dilaksanakan semenjak ianya bermula pada pertengahan tahun 2022. Pencapaian ini telah meningkatkan capaian liputan 5G di kawasan berpenduduk kepada 78.9 peratus di negeri Perak.

4 Ketersediaan 1 DUN 1 Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI)

"19 NADI sedang dalam fasa pelaksanaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2024"

Mewujudkan tambahan sebanyak 19 buah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) kepada 71 buah NADI sedia ada di negeri Perak menjadikan 90 buah NADI kesemuanya bagi memastikan sekurang-kurangnya terdapat sebuah NADI di setiap DUN. Projek pembangunan 19 NADI baharu ini yang telah dianugerahkan kepada pihak Penyedia Perkhidmatan pada Oktober 2023 sedang dalam fasa pelaksanaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2024.

Projek Infrastruktur Bekalan Air: Projek Bina / Naik taraf Loji

Penduduk di daerah Hulu Perak bakal terima manfaat menerusi peningkatan kapasiti loji rawatan air sedia



Projek Infrastruktur Bekalan Air (Projek Bina/Naik taraf Loji) merupakan projek Lembaga Air Perak (LAP) merangkumi kerja-kerja menaik taraf loji rawatan air di Gerik serta pembinaan muka sauk baharu di Kampar. Projek tersebut dijalankan bagi meningkat kapasiti loji rawatan air sedia ada serta meningkatkan bekalan air ke kawasan sekitar yang terlibat, di samping memenuhi permintaan bekalan air untuk keperluan domestik, sektor perdagangan dan industri. Projek ini bakal memberi manfaat kepada pengguna di daerah Hulu Perak dan Kampar. Projek yang bermula sejak 2023 diteruskan pelaksanaannya pada 2024 dengan peruntukan sebanyak RM34 juta. Sehingga bulan Mac 2024, peratus kemajuan projek adalah sebanyak 60 peratus. Projek ini dilaksanakan bagi memastikan keterjaminan bekalan air bersih serta mematuhi piawaian kualiti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Projek Infrastruktur Bekalan Air: Projek Pembinaan Kolam Takungan

“RM18.7 juta peruntukan untuk Projek Infrastruktur Bekalan Air di Kamunting, Kampar dan Gopeng”

Projek Infrastruktur Bekalan Air (Projek Pembinaan Kolam Takungan) merupakan projek Lembaga Air Perak merangkumi kerja-kerja pembinaan kolam takungan baharu sebanyak tiga (3) buah di Kamunting, Kampar dan Gopeng. Projek tersebut dijalankan bagi meningkat kapasiti simpanan kolam takungan serta meningkatkan bekalan air ke kawasan sekitar yang terlibat. Projek dijalankan bagi memenuhi permintaan bekalan air untuk keperluan domestik, sektor perdagangan dan industri. Projek ini bakal memberi manfaat kepada pengguna di daerah Larut, Matang dan Selama dan daerah Kampar. Projek yang bermula sejak tahun 2019 diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2024 dengan peruntukan RM18.7 juta dengan kemajuan 89 peratus. Projek ini dilaksanakan bagi memastikan keterjaminan bekalan air bersih serta mematuhi piawaian kualiti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Projek Infrastruktur Bekalan Air: Projek Pemasangan Paip

Projek di bawah seliaan Lembaga Air Perak (LAP), iaitu Projek Infrastruktur Bekalan Air (Projek Pemasangan Paip) merupakan projek yang merangkumi kerja-kerja pemasangan paip pelbagai jenis dan saiz paip berdiameter 250mm sehingga 800mm. Projek pemasangan paip ini melibatkan kawasan Kamunting, Batu Kurau, Seberang Perak, Kampar, Lekir dan Tapah. Projek tersebut dijalankan meningkatkan bekalan air ke kawasan sekitar yang terlibat. Projek ini dijalankan bagi memenuhi permintaan bekalan air untuk keperluan domestik, sektor perdagangan dan industri.

Projek ini bakal memberi manfaat kepada pengguna di daerah Larut, Matang dan Selama, Perak Tengah, Manjung, Batang Padang dan Kampar. Projek yang bermula sejak 2022 diteruskan pelaksanaannya pada 2024 dengan peruntukan sebanyak RM60.43 juta. Sehingga bulan Mac 2024, peratus kemajuan projek adalah sebanyak 79.5 peratus.

Projek Membina Baharu Kompleks Ehsan Slim River, Perak

Kompleks Ehsan Slim River, persediaan masyarakat menua menjelang tahun 2030

Projek Membina Baharu Kompleks Ehsan Slim River merupakan satu projek Rumah Ehsan (RE) yang ditubuhkan untuk memberi jagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang uzur, daif dan tidak berwaris agar dapat terus hidup dalam suasana yang selesa dan tenteram. Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Rumah Ehsan (RE) adalah penjagaan dan perlindungan, bimbingan dan kaunseling, perkhidmatan fisioterapi, bimbingan agama, rekreasi dan cara pulih kerja serta rawatan perubatan.

Sehingga bulan April 2024, terdapat dua (2) buah Rumah Ehsan di Malaysia, iaitu di RE Dungun, Terengganu dan RE Kuala Kubu Bahru, Selangor. Kompleks Ehsan Slim River ini akan menjadi RE yang ketiga (3) di Malaysia. Projek pembinaan ini bermula sejak 3 Mac 2023 dan dijangka akan siap pembinaan pada tahun 2027 dengan peruntukan sebanyak RM58,553,550.90 (209 Minggu / 48 Bulan / 4 Tahun). Setakat 31 Mac 2024, 7.07 peratus projek telah berjalan dengan perbelanjaan sebanyak RM5,205,586.36. Projek ini merupakan inisiatif kerajaan ke arah persediaan masyarakat menua menjelang tahun 2030 memandangkan Perak mempunyai populasi warga emas tertinggi di Malaysia.

Kesejahteraan Alam dan Ekosistem Mampan (Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kinta)

"3 Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kinta dilaksanakan untuk kurangkan risiko banjir"

Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kinta terdiri daripada Fasa 1, 2 dan 3. Projek ini adalah salah satu inisiatif untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif, selamat dan mengurangkan risiko banjir demi menjamin kesejahteraan rakyat.

1. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kinta Fasa 1 dengan kos projek sebanyak RM30 juta – telah siap dan beroperasi sepenuhnya.

2. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kinta Fasa 2 – dengan kos RM108 juta yang masih dalam proses perolehan tender yang dijangka pada tahun 2024.

3. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kinta Fasa 3 yang sedang menunggu kelulusan permohonan peruntukan untuk *Rolling Plan* 5 bagi RMKe-12 dengan kos lebih kurang RM300 juta yang melibatkan projek pelebaran sungai, naik taraf ban dan kerja-kerja berkaitan termasuk pembinaan rumah pam.

Transformasi *Brownfield* ke "Laman Piandang"

> **Tapak pasar di Pekan Tanjung Piandang jadi kawasan rekreasi dan tapak penjaja kini diubah suai jadi ruang riadah dan rehat**

Majlis Daerah Kerian telah mengubah suai sebidang tanah kerajaan yang sebelumnya adalah tapak pasar di Pekan Tanjung Piandang menjadi kawasan rekreasi dan tapak penjaja. Tapak seluas 0.386 ekar ini kini menyediakan tempat bagi 9 penjaja makanan dan minuman. Kawasan ini juga bertujuan menyediakan ruang riadah dan rehat bagi penduduk tempatan dengan reka bentuk yang menarik dan mudah diselenggara.

Projek Infrastruktur di Teluk Intan

Projek ini dilaksanakan untuk membantu dan memajukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui proses pembangunan fizikal dan sosioekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Keadaan ini akan dapat dicapai melalui penyediaan perkhidmatan yang bermutu tinggi, kemudahan sosial, rekreasi dan peluang ekonomi yang seimbang selaras dengan proses pembangunan negara dan juga matlamat penyusunan semula Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Membina dan Menyiapkan Gelanggang Bola Tampar Berbumbung serta Kerja-kerja Berkaitan di Taman Indah Jaya, Teluk Intan.

Menaik taraf Dewan MPTI Rancangan Perumahan Awam (RPA) Karentina, Teluk Intan

Menaik taraf Dewan MPTI Dato Jamrah Sungai Sumun, Bagan Datuk, Teluk Intan.

Pembinaan Hospital Seri Iskandar

Hospital Seri Iskandar dijangka siap sepenuhnya pada 28 Oktober 2024

Pembinaan Hospital Seri Iskandar telah bermula pada 29 Oktober 2021 untuk menyediakan kemudahan dan fasiliti kesihatan secara menyeluruh di Seri Iskandar. Pembinaan Hospital Seri Iskandar ini terdiri daripada enam (6) Blok Hospital setinggi tiga (3) tingkat, satu (1) blok Mekanikal dan Elektrikal yang lengkap dengan kelengkapan perubatan terkini. Selain itu, terdapat kawasan parkir dan bangunan sokongan untuk memberi kemudahan kepada pengguna dan memuatkan peralatan sokongan kepada operasi hospital kelak. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 28 Oktober 2024. Hospital Seri Iskandar ini dijangka dapat menempatkan 76 buah katil pada suatu masa sekali gus dapat menyumbang kepada penduduk di Seri Iskandar dan kawasan sekitar untuk menikmati kemudahan fasiliti kesihatan ini dengan semaksima mungkin.

Projek Menaik taraf Sistem Bangunan dan Lain-lain Fasiliti di Kolej Profesional Mara, Seri Iskandar

Naik taraf Kolej Profesional Mara Seri Iskandar bantu sediakan persekitaran yang kondusif kepada pelajar

Kolej Profesional Mara Seri Iskandar telah menaik taraf bangunan dan fasiliti yang terlibat, antaranya bilik gimnasium pelajar, pondok pengawal keselamatan, papan suis utama bilik MSB, lampu kecemasan, lampu tanda keluar, lampu kawasan di KAMSIS siswa dan siswi, makmal bahasa, bilik muzik dan bilik smart classroom, pendingin hawa, infrastruktur kampus kepada kampus mesra OKU, dan longkang tadahan air hujan di kawasan padang di Kolej Profesional Mara dengan matlamat menyediakan fasiliti yang terbaik agar para pelajar belajar dalam persekitaran yang selesa dan kondusif.

Pembangunan Pekan Warisan Kampung Koh

Kampung Koh merupakan pekan bersejarah yang mempunyai tarikan pelancong melalui segmen pelancongan warisan dan budaya di daerah Manjung. Usaha menaik taraf elemen pelancongan di Kampung Koh sebagai sebuah pusat komuniti warisan telah bermula sejak 10 Disember 2021 dan siap sepenuhnya pada 1 April 2023 melibatkan peruntukan sebanyak RM3 juta daripada Jabatan Perdana Menteri.

Antara komponen yang diperkenalkan adalah menaik taraf Pasar Lama Kampung Koh kepada Pusat Komuniti Warisan Kampung Koh dan gerai-gerai di sekelilingnya, laluan belakang menggunakan *interlocking paver*, lukisan mural serta binaan dataran yang mengandungi *interlocking paver* dan pencahayaan.

“Pasar Lama Kampung Koh dinaik taraf kepada Pusat Komuniti Warisan Kampung Koh”

Pusat ini telah menjadi salah satu *hotspot* pelancongan di daerah Manjung dengan tarikan mural di sepanjang laluan pejalan kaki yang dijadikan tempat untuk bergambar dan merakam video. Selain itu, arca Setia Kawan (2 ekor patung gajah) yang merupakan simbolik kepada asal usul nama Sitiawan juga ada kawasan ini.



Pengurusan Kawalan Banjir Daerah Hilir Perak

Projek Tebatan Banjir Sungai Bidor di Changkat Jong kurangkan risiko banjir di daerah Hilir Perak

Pengurusan Kawalan Banjir Daerah Hilir Perak merupakan projek yang dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Hilir Perak. Projek Tebatan Banjir Sungai Bidor di Changkat Jong merupakan antara projek bagi Pengurusan Kawalan Banjir Daerah Hilir Perak bagi memastikan risiko banjir di daerah Hilir Perak dapat dikurangkan. Projek yang dijangka siap sepenuhnya pada September 2024 ini dijangka akan memberikan manfaat kepada seluruh penduduk daerah Hilir Perak terutama kepada pengusaha pertaian dan juga penduduk yang mendiami kawasan sekitar Sungai Bidor.

Penaiktarafan Infrastruktur di sekitar Kampar

Inisiatif naik taraf infrastruktur di sekitar Kampar beri memberikan keselesaan kepada pengunjung dan penduduk di Kampar dan sekitarnya

1

Kerja-kerja Membaiki Tebing Runtuh di Sungai Gapes, Kampung Sahom

Projek ini melibatkan kerja-kerja membaiki jalan ke Kampung Orang Asli, Gopeng. Projek ini telah dilaksanakan pada tahun 2023 dengan peruntukan RM98,001.00. Jalan ini juga sering digunakan oleh pelancong untuk melakukan aktiviti riadah seperti *water rafting*.

2

Menaik taraf Infrastruktur dan Pembangunan di Kawasan Peranginan Air Terjun Batu Berangkai

Projek ini telah dilaksanakan pada tahun 2023 dengan peruntukan RM25,000.00 untuk membaik pulih empat (4) buah wakaf dan laluan pejalan kaki bagi kegunaan pelancong menuju ke kawasan riadah.

3

Menaik taraf Infrastruktur di Kawasan Peranginan Air Terjun Batu Berangkai, Kampar

Projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 dengan peruntukan RM30,000.00 ini melibatkan pembinaan kolam, gelongsor dan benteng pejalan kaki yang menyeberangi sungai bagi kegunaan pelancong. Projek ini juga melibatkan pembinaan pintu pagar berkunci bagi mengelakkan pelancong mendekati kawasan sungai yang dalam.

4

Projek Membina Baru Jambatan Konkrit di Sungai Reas 1 Kampung Sahom, Kampar

Projek ini telah dilaksanakan pada tahun 2023 dengan peruntukan RM254,520.70 melibatkan pembinaan jambatan konkrit yang menghubungkan pelancong dan orang kampung menyeberangi Sungai Reas 1 yang mempunyai beberapa *chalet* dan rumah rehat yang menjadi tumpuan perlancongan.

5

Menyelenggara Jambatan Titi Gantung Kampung Orang Asli Ulu Geruntum dan Kerja-kerja Berkaitan

Projek ini telah dilaksanakan pada tahun 2023 dengan peruntukan RM50,000.00. Projek ini melibatkan kerja membaik pulih jambatan titi gantung yang menjadi tarikan pelancong dan laluan pejalan kaki bagi orang kampung untuk menyeberangi sungai.

Majlis Menandatangani MoU di antara Majlis Perbandaran Manjung dan Vale Malaysia

Majlis Perbandaran Manjung (MPM) telah menjalin kerjasama dengan Vale Malaysia Minerals Sdn. Bhd. (Vale) bagi menjayakan projek CSR dalam tempoh tiga (3) tahun untuk menggalakkan pembangunan bandar lestari di daerah Manjung.

YB Sandrea Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan dan menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 10 November 2023 yang dimeterai antara Yang Dipertua MPM, YBrs. Tuan Syamsul Hazeman Md Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif Vale di Malaysia, YBrs. Encik Leonardo Paiva.

Kerjasama ini dijangka membantu MPM dalam menyediakan kemudahan infrastruktur dan pengindahan bandar yang lebih baik, serta menggalakkan lebih banyak program komuniti di daerah Manjung. Usaha-usaha ini akan memanfaatkan masyarakat setempat dan juga bantu menarik lebih ramai pelancong untuk mengunjungi daerah Manjung sempena Tahun Melawat Perak 2024.

Pemasangan Lampu Solar LED di Taman Tasik Taiping

> **LED Solar telah dipasang sepanjang 700 meter di laluan pejalan kaki Taman Tasik Taiping**

Dalam usaha memperkukuhkan kelestarian alam sekitar dan meningkatkan keselamatan pengunjung, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah memasang lampu Diod Pemancar Cahaya (LED) Solar sepanjang 700 meter di laluan pejalan kaki Taman Tasik Taiping. Lampu LED ini boleh beroperasi selama 12 jam selepas dicas selama 4 hingga 6 jam. Inisiatif ini bukan Sahaja membantu menyediakan cahaya yang mencukupi, malah dapat mengurangkan pelepasan karbon, dan menjimatkan kos elektrik serta penyelenggaraan. Inisiatif ini juga mampu meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengunjung terutama pada waktu malam sekali gus mencegah gejala aktiviti tidak bermoral. Langkah ini diambil selaras dengan prinsip ketiga Perak Sejahtera, iaitu kelestarian penggunaan sumber dan alam semula jadi serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang ketiga, iaitu memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur.

Inisiatif Pembangunan Teknologi Hijau

Selaras dengan usaha ke arah mendokong dasar Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Baharu (NETR), Kerajaan Negeri kini giat memperkasakan inisiatif pembangunan Teknologi Hijau melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) bagi menggerakkan Agenda Teknologi Hijau di negeri Perak. PKNPk kini dalam usaha menggiatkan pembangunan inisiatif solar dan hidro seperti berikut:

1 Tenaga Boleh Baharu: Projek Mini Hidroelektrik (Hidro 2)

> **"Kerjasama pintar awam-swasta libatkan pelaburan tempatan RM400 juta serta bakal membuka hampir 500 peluang pekerjaan dalam sektor tenaga boleh baharu"**

PKNPk komited membangunkan inisiatif Hidro 2 melalui penjanaan kuasa elektrik hidro dengan memanfaatkan beberapa sungai yang merupakan salah satu sumber alam semula jadi yang utama di negeri Perak. *Strategi Resource Seeking* juga telah diadaptasikan bagi mengenal pasti pelabur untuk menerajui pembangunan industri ini. Projek Hidro 2 ini dilaksanakan melibatkan sungai di enam (6) buah daerah di negeri Perak dan akan memberi impak yang menyeluruh dalam memacu pembangunan ekonomi negeri yang inklusif, realistik dan boleh capai sekali gus menyumbang kepada peningkatan pendapatan hasil Kerajaan Negeri. Kerjasama pintar awam-swasta ini melibatkan anggaran pelaburan tempatan sebanyak RM400 juta serta bakal membuka hampir 500 peluang pekerjaan dalam sektor tenaga boleh baharu.

2 Tenaga Boleh Baharu: Pemasangan sistem panel solar berbumbung melalui Skim *Net-Energy Metering* (NEM) melalui anak syarikat MajuPerak Holdings Berhad (MHB)

1 Pemasangan panel solar PV Amanjaya, Ipoh melalui perjanjian antara Syarikat Majuperak United Solar JV Sdn. Bhd. (MUJV) Dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI):

1. Pelaksanaan kerja-kerja awalan pada November 2023 bagi pemasangan panel solar PV di bumbung parkir Pasar Ayam Amanjaya, Ipoh (penjimatan sebanyak RM2 juta setahun).
2. Pemasangan panel solar PV berkapasiti 100kW di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh (penjimatan sebanyak RM57,000.00 setahun).
3. Pemasangan panel solar PV berkapasiti 200kW di AA Tech Factory, Batu Gajah, Perak (penjimatan sebanyak RM133,000.00 setahun).
4. Pemasangan panel solar PV berkapasiti 308kW di Bazar Ipoh (penjimatan sebanyak RM55,000.00).

2 Pemasangan panel solar PV di 20 buah masjid Daerah Zon 2 Negeri Perak melalui perjanjian antara Syarikat Majuperak United Solar JV Sdn. Bhd. (MUJV) dan Majlis Agam Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk):

1. Pemasangan panel bagi 2 buah masjid di bawah masjid-masjid daerah Zon 2 milik MAIPk, iaitu Masjid Fadzlullah (September 2023) dan Masjid Al-Attar (Disember 2023) dengan jumlah kapasiti sebanyak 42.4kW bagi kedua-dua masjid tersebut.

3 Pemasangan panel solar PV di tiga (3) masjid daerah melalui Syarikat Majuperak United Solar JV Sdn. Bhd. (MUJV):

1. Pemasangan panel solar PV berkapasiti 109kW di Majlis Daerah Perak Tengah (penjimatan sebanyak RM20,000.00 setahun).
2. Pemasangan panel solar PV berkapasiti 67kW di Majlis Daerah Pengkalan Hulu (penjimatan sebanyak RM14,000.00 setahun).
3. Pemasangan panel solar PV berkapasiti 32kW di Majlis Daerah Selama (penjimatan sebanyak RM10,000.00 setahun).

3 Tenaga Boleh Baharu: Pemasangan Panel Solar Fotovoltaik (PV) melalui anak syarikat Perak Corporation Berhad (Perak Corp.)

PKNPk melalui anak syarikatnya Perak Corp telah memasang 706 panel solar fotovoltaik (PV) di atas bumbung Pusat Konvensyen Casuarina dan tempat letak kereta yang akan mempunyai kapasiti pengeluaran tenaga sebanyak 416.54kWp melalui skim *Net-Energy Metering* (NEM). Pelan pelaksanaan ini tidak melibatkan pelaburan atau biaya tambahan. Penjimatan yang dianggarkan bagi tahun pertama adalah sebanyak RM135,882.00, iaitu pengurangan bil elektrik sebanyak 9.4 peratus. Sehingga kini, kerjasama strategik bersama Rafulin Energy Sdn. Bhd., sedang dalam proses mendapatkan lesen penjanaan awam daripada Suruhanjaya Tenaga.

> **"Penjimatan yang dianggarkan bagi tahun pertama sebanyak RM135,882.00, iaitu pengurangan bil elektrik sebanyak 9.4 peratus"**

4 Tenaga Boleh Baharu: Pemasangan *Smart Solar Streetlighting* melalui anak syarikat Perak Industrial Resources Sdn. Bhd. (PIRSB)

PKNPK melalui anak syarikatnya PIRSB telah selesai memasang sebanyak 22 unit lampu jalan solar di sekitar bangunan Perak *Techno Trade Centre* (PTTC). Inisiatif *Smart Solar Streetlighting* ini dilaksanakan melalui model *Owner-Operator* bakal memasarkan produk bagi seluruh negeri Perak dan Zon Utara yang merangkumi Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Program ini dilaksanakan bagi merealisasi dan memenuhi hasrat Kerajaan Negeri, selaras dengan Teras Strategik Ke-3 Agenda Perak Sejahtera 2030, Kelestarian Penggunaan Sumber dan Alam Semula Jadi (di bawah segmen Tenaga Boleh Baharu). Sehingga April 2024, PIRSB di dalam proses mendapatkan kelulusan daripada PKNPk bagi pemasangan 75 unit *Smart Solar Streetlighting* di perkarangan Bulatan Sultan Azlan Shah (BSAS), Bandar Meru Raya. Pemasangan ini dijangka akan dilaksanakan pada suku kedua tahun 2024. PIRSB juga di dalam perancangan untuk mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi kerajaan di negeri Perak bagi pemasangan *Smart Solar Streetlighting* di aset-aset milik agensi tersebut.

Ladang solar paling cekap di dunia

Projek Ladang Solar

Beberapa ladang solar berskala besar telah dilaksanakan di daerah Tapah dalam merealisasikan inisiatif penggunaan tenaga boleh baharu yang dijayakan dengan kerjasama Syarikat Gading Kencana seluas 50 ekar yang telah beroperasi pada tahun 2019. Sementara itu, projek ladang solar diperluaskan lagi dengan melibatkan 181 ekar yang dikendalikan oleh Syarikat Randhill dan 47.39 ekar yang dikendalikan oleh Bikam Energy yang sedang dalam pembinaan. Sementara itu, Syarikat Sand Town Solar Sdn. Bhd. Berkeluasan 77.71 ekar baru mendapat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang pada tahun 2024.

Kempen Tiada Beg Plastik

Kerajaan Negeri Perak melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan Kempen Tiada Beg Plastik pada hari setiap hari Sabtu bermula tahun 2023. Pelaksanaan kempen ini sebagai usaha menyokong penuh inisiatif Kerajaan Persekutuan melalui Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 hingga 2030 dan satu usaha Kerajaan Negeri Perak bagi mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna dalam kalangan rakyat negeri ini demi menjamin kelestarian alam sekitar. Melalui kempen ini, pihak PBT melaksanakan kutipan caj penggunaan beg plastik melalui syarat-syarat tambahan di dalam lesen perniagaan, iaitu pengenaan caj penggunaan beg plastik bernilai RM0.20 bagi setiap helaian beg plastik yang diberikan kepada pengguna di kaunter perniagaan premis yang berdaftar dengan PBT.

> **Sehingga 31 Mac 2024, 14 PBT telah memulakan pengenaan caj beg plastik kepada pengguna melalui premis perniagaan berlesen di PBT dengan jumlah kutipan sebanyak RM381,625.80**

Berdasarkan rekod, sebanyak 1,865 premis telah berdaftar dengan PBT bagi Kategori Tidak Memberi Beg Plastik Kepada Pelanggan manakala sebanyak 2,073 premis berdaftar dengan PBT bagi Kategori Mengenakan Caj Pencemaran Bagi Beg Plastik Konvensional. Sehingga 31 Mac 2024, sebanyak 14 PBT telah memulakan pengenaan caj beg plastik kepada pengguna melalui premis perniagaan berlesen di PBT dengan jumlah kutipan sebanyak RM381,625.80. Dana yang terkumpul disimpan dalam Akaun Amanah atau Tabung Khas oleh PBT untuk pembiayaan program kemudahan awam dan pemeliharaan alam sekitar.

Hari Tanpa Kenderaan Muallim 2023 (MCFD'23)

Program Hari Tanpa Kenderaan Bil. 1 Tahun 2023 telah berlangsung pada 27 Mei 2023 bertempat di Dataran RM Idris, Pekan Tanjong Malim. Program ini adalah hasil usahasama di antara pihak Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM), Agensi awam, Institusi Pengajian Tinggi, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan komuniti daerah Muallim. Program yang dihadiri lebih daripada 500 orang peserta ini memberi kesedaran kepada komuniti berkaitan kepentingan menjaga alam sekitar, di samping menggalakkan budaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan antaranya adalah *Walk for life – Plogging, Recycle Programme and Eco Free Market*, Pertandingan Mewarna, Demonstrasi Seni Bela Diri, Pertandingan papan selaju dan lain-lain. Pelaksanaan program ini turut dapat menyokong ke arah pencapaian SDG 3 (Good Health and Wellbeing).

"500 peserta hadiri Hari Tanpa Kenderaan Muallim 2023 (MCFD'23)"

Program Jelajah Hari Tanpa Beg Plastik Sekali Guna dan Penyerahan Bantuan Kotak Makanan

Program Hari Tanpa Beg Plastik Sekali Guna telah berlangsung pada 13 Januari 2024 bagi menyokong inisiatif Local Agenda 21. Pelaksanaan program ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri Perak melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya daerah Muallim demi menjamin kelestarian alam sekitar. Acara penyampaian Sijil Penghargaan Premis Bebas Beg Plastik dan sesi edaran beg kitar semula kepada orang awam turut diadakan diadakan sebagai inisiatif hijau dan sebagai salah satu kesinambungan Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) dalam mendidik orang ramai untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan memaksimumkan penggunaan beg kitar semula. Di akhir program, pihak Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) turut menyerahkan Bantuan Kotak Makanan kepada miskin tegar sekitar daerah Muallim bagi meringkan beban keluarga.

Pemuliharaan dan Pewartaan Perairan di Pulau Sembilan

Pemuliharaan dan Pewartaan Perairan di Pulau Sembilan merupakan inisiatif yang menyokong pembangunan membangunkan Manjung sebagai Hab Maritim dan Pelabuhan Nusantara dengan memelihara kawasan semula jadi di perairan Manjung yang giat dijalankan oleh Perbadanan Taman Negeri Perak. Pulau Sembilan adalah kawasan yang terdiri daripada satu kelompok sembilan (9) pulau-pulau yang indah, iaitu Pulau Agas, Pulau Payong, Pulau Nipis, Pulau Rumbia, Pulau Lalang, Pulau Buluh, Pulau Saga, Pulau Batu Hitam dan Pulau Batu Putih, terletak kira-kira 10 batu nautika dari Pulau Pangkor. Antara program yang dilaksanakan untuk menjayakan inisiatif ini ialah Program Hari Konservasi Pulau Sembilan yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak Darul Ridzuan Raja Iskandar Dzurkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah, pada 23 September 2023. Melalui program ini, dua (2) tan sampah telah berjaya dikutip.

"Pemuliharaan dan Pewartaan Perairan di Pulau Sembilan giat dilaksanakan bagi memelihara kawasan semula jadi"

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, telah berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Sijil Program Hari Konservasi Pulau Sembilan Tahun 2023, yang diadakan di Casuarina@Meru, Ipoh yang diadakan pada 7 November 2023.

Kempen Pembasmian Sampah Haram

"10 tapak sampah haram dari 59 tapak sampah haram berjaya dibasmikan"

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) melalui Jawatankuasa Penduduk (JKP) telah menganjurkan Kempen Pembasmian Sampah Haram yang bermula pada 29 Julai 2023 hingga 30 November 2023 yang melibatkan 24 zon JKP untuk memastikan keadaan alam sekitar terjamin baik dan selamat untuk diduduki dan mewujudkan pengindahan landskap dan suasana yang cantik dan bersih. Hasil inisiatif ini, 10 tapak sampah haram dari 59 tapak sampah haram berjaya dibasmikan.

Projek Pusat Pengomposan Sisa Makanan Plaza Perbandaran Taiping

Pusat Pengomposan Sisa Makanan Plaza Perbandaran Taiping telah dilaksanakan pada 29 Mac 2024 di Plaza Perbandaran Taiping yang telah dirasmikan oleh YB Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Sebuah mesin pengompos berkapasiti 300 liter telah disediakan di pusat pengomposan terbabit sebagai inisiatif Majlis Perbandaran Taiping (MPT) bagi mengurangkan jumlah penjanaan sampah yang akan dilupuskan di tapak pelupusan sampah Matang. Sejumlah RM317,000.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Perak bagi memperolehi mesin pengompos.

"RM317,000.00 telah diperuntukkan bagi menjayakan Projek Pusat Pengomposan Sisa Makanan"

Program Perhiasan Sempena Tahun Baru Cina

Program Perhiasan Sempena Tahun Baru Cina ini merupakan inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Baru Cina untuk menyemarakkan suasana Tahun Baru Cina di Kampung-kampung Baru Cina di negeri Perak. Program yang berlangsung bermula bulan Januari hingga Mac 2024 telah mendapat kerjasama dari setiap JPKK di setiap kawasan dimana kebanyakkan JPKK menggantungkan tanglung di jalan-jalan utama. Program ini secara tidak langsung akan menarik kehadiran pelancong yang sekali gus memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat. Bukan itu sahaja, program ini juga turut membantu memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, di samping memberi pemahaman dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya di Malaysia.

Perayaan Kebudayaan Guan Gong Antarabangsa Tahun 2023 – Stesen Perak

Perayaan Kebudayaan Guan Gong Antarabangsa Tahun 2023 merupakan sebuah acara antarabangsa yang bertujuan untuk mempromosikan dan meraikan warisan budaya Guan Gong, yang merupakan tokoh penting dalam kepercayaan Taoisme. Acara yang melibatkan negara China, Thailand, dan Malaysia, termasuk beberapa negeri seperti Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor telah mendapat kerjasama antara Kerajaan Negeri, pertubuhan tempatan, dan pakar dari luar negara. Perayaan ini berlangsung pada 23 Oktober 2023 di Teluk Intan buat kali pertama dan dijangka akan diteruskan pada tahun-tahun seterusnya. Acara ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti upacara persembahan, pameran, pertandingan, majlis makan malam, dan pertukaran budaya. Perayaan ini telah berjaya menarik lebih daripada 1,000 pelancong dari dalam dan luar negara ke negeri Perak. Pada masa yang sama, perayaan bertaraf antarabangsa ini telah mengukuhkan kedudukan Perak sebagai destinasi pelancongan budaya yang utama di Malaysia. Perayaan ini telah memperkasakan budaya tempatan dengan memperkenalkan aspek kebudayaan yang baru kepada masyarakat Perak dan Malaysia secara keseluruhannya.

“Perayaan Kebudayaan Guan Gong berjaya menarik lebih daripada 1,000 pelancong dari dalam dan luar negara ke Perak”

Program Malam Kebudayaan serta Perarakan Chap Goh Meh Sempena Tahun Baru Cina 2024

Program Malam Kebudayaan serta Perarakan Chap Goh Meh Sempena Tahun Baru Cina 2024 merupakan satu lagi inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Perak bersama dengan Dewan Perhimpunan Cina Perak untuk menyambut Tahun Baru Cina 2024. Program ini melibatkan perarakan kebudayaan yang dijalankan di pusat bandaraya Ipoh serta Program Malam Kebudayaan di Taman Rekreasi Dr. Seenivasagam. Program ini berlangsung pada 24 Februari 2024, bertepatan dengan hari Chap Goh Meh, iaitu hari terakhir Tahun Baru Cina. Perarakan ini menampilkan kreativiti dan kepelbagaian budaya masyarakat Cina serta pelbagai etnik lain yang turut serta. Selain itu, Program Malam Kebudayaan yang telah dirasmikan oleh YB Nga Kor Ming selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menampilkan pertunjukan seni tradisional, tarian, muzik dan persembahan lain yang mengagumkan. Acara ini berjaya menarik lebih daripada 10,000 pengunjung yang terdiri daripada pelbagai etnik yang berbeza. Penglibatan masyarakat dari semua lapisan masyarakat telah memupuk semangat perpaduan selari dengan konsep Malaysia Madani dan Perak Sejahtera 2030.

“Lebih dari 10,000 pengunjung yang terdiri daripada pelbagai etnik yang berbeza hadir Program Malam Kebudayaan serta Perarakan Chap Goh Meh”

Program Jelajah Memeluk Kepelbagaian Demi Kesejahteraan

Program Jelajah Memeluk Kepelbagaian Demi Kesejahteraan merupakan inisiatif berterusan sepanjang tahun yang melibatkan lawatan ke pelbagai tempat ibadat termasuklah kuil, gereja, vihara, tokong dan gereja katolik untuk berinteraksi dengan komuniti setempat dan memahami keperluan mereka secara mendalam. Sejak pelaksanaannya, program ini telah berjaya melawat sekurang-kurangnya 120 tempat ibadat. Dalam usaha memperkasa tempat-tempat ibadat ini, sejumlah wang sebanyak RM2 juta telah disalurkan. Dana ini digunakan untuk pembaikan, penaiktarafan, penyelenggaraan, dana operasi, dan sokongan aktiviti yang dijalankan oleh tempat-tempat ibadat tersebut. Ini menunjukkan komitmen dalam memastikan tempat-tempat ibadat ini berada dalam keadaan yang baik dan dapat meneruskan peranan mereka dalam masyarakat. Kunjungan ini juga memberi peluang kepada YB Woo Kah Leong dan Jabatan Hal Ehwal Bukan Islam untuk memahami keperluan komuniti secara langsung. Langkah ini penting untuk memastikan bahawa dana yang diberikan digunakan dengan cekap dan berkesan, serta menyokong pembangunan agama yang positif.

Rumah Terbuka Sempena Tahun Baru Cina 2024 Peringkat Kampung Baru Cina

Program Rumah Terbuka Sempena Tahun Baru Cina 2024 Peringkat Kampung Baru Cina merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk memeriahkan sambutan Tahun Baru Cina dan menyatukan masyarakat setempat. Melalui program ini, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di setiap Kampung Baru Cina dipertanggungjawabkan untuk mengatur dan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti pertunjukan seni, pameran budaya, persembahan makanan tradisional, majlis makan dan permainan. Program yang telah dianjurkan ini telah mendapat penyertaan yang menggalakkan dari penduduk tempat dan komuniti dari pelbagai lapisan masyarakat tidak kira etnik dan latar belakang. untuk keseronokan semua peserta. Kehadiran YB Woo Kah Leong, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina di beberapa rumah terbuka yang dianjurkan oleh JPKK seperti di Kampar, Beruas dan Sungkai telah menunjukkan sokongan dan penghargaan kerajaan terhadap inisiatif ini. Program ini telah mencipta platform yang baik untuk memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan komuniti setempat serta mempromosikan kepelbagaian budaya yang kaya di negeri Perak.

> **“Rumah Terbuka Sempena Tahun Baru Cina 2024 Peringkat Kampung Baru Cina jadi platform untuk memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan komuniti setempat serta mempromosikan kepelbagaian budaya yang kaya di negeri Perak”**

Dana Kreatif Perak@PORT (DKP)

Dana Kreatif Perak@PORT (DKP) yang dilancarkan pada tahun 2019 merupakan satu skim bantuan seni Kerajaan Negeri Perak yang diberikan kepada para pengkarya dan golongan usahawan bidang kreatif kelahiran Perak ataupun penduduk yang sudah bermastautin di Perak selama lebih 5 tahun. Keutamaan diberikan kepada penggiat seni yang menghasilkan produk atau menjalankan program seni kreatif dalam tiga (3) kategori, iaitu Seni Visual, Seni Muzik dan Seni Persembahan. DKP@PORT telah memberi manfaat kepada 247 orang penerima, iaitu:

"87 penerima Dana Kreatif Perak@PORT pada tahun 2023"

TAHUN 2019	**RM113,500.00 / 23 penerima**
TAHUN 2020	**RM167,000.00 / 41 penerima**
TAHUN 2021	**RM200,000.00 / 41 penerima**
TAHUN 2022	**RM270,000.00 / 55 penerima**
TAHUN 2023	**RM282,000.00 / 87 penerima**

Antara pencapaian penerima melalui projek-projek yang didanai DKP sebelum ini adalah:

- **Lim Han Loong (Grand Prize, Malaysia Movie Makers Award, 2020);**
- **Ahmad Iwaz (Highest Commendation Asia South East-Short Film Festival, 2021);**
- **Kolektif kartunis Sako+ (Pesta Komik Bandung, Indonesia, 2023);**
- **Dr Nicole Chang (Penerbitan Direktori Kreatif Perak, 2022); dan**
- **Kumpulan muzik MUCK (Rakaman split album "Obat Sakit Kepala" antara Malaysia-Indonesia-Singapura, 2023) yang menerima tempahan dari luar negara.**

Ipoh *Music Symposium*

Para akademia, pemuzik, penggiat seni dan orang ramai yang berminat untuk membentangkan kajian, pengalaman dan pemerhatian mereka akan berkumpul di Ipoh selama tiga (3) hari bagi menghadiri Ipoh *Music Symposium* (IMS) anjuran PORT. Program ini merupakan platform untuk para pembentang berkongsi kajian, pengalaman dan pemerhatian mereka melalui dialog dan perbincangan mengenai pelbagai aspek berkaitan muzik di samping membincangkan persoalan-persoalan berkaitan seni muzik serta hubungannya dengan pelbagai perkara dari kaca mata sejarah, estetika, budaya dan agama, sehinggalah kepada aspek-aspek sosial, politik dan ekonomi.

The Star

Ipoh Music Symposium set to celebrate Malaysian music's era of diversity

Related News

Antara pengisian program ini adalah sesi pembentangan makalah, bengkel seni, forum, pameran dan konsert. Edisi ke-5 Ipoh *Music Symposium* pada tahun 2023 telah mengangkat tema "Muzik Popular Malaysia 1975-1985" dengan penglibatan tokoh-tokoh penting industri muzik negara seperti YBhg. Tan Sri Ahmad Nawab, YBhg. Datuk Habsah Hassan, YBhg. Datuk S. Atan dan YBhg. Datuk Freddie Fernandez, selain segmen persembahan yang menampilkan Alleycats, Francesca Peter dan Blues Gang. Program secara keseluruhan dihadiri 2,000 orang secara fizikal dan lebih 5,000 orang secara virtual.

"Ipoh *Music Symposium* jadi satu penanda aras yang membantu Bandaraya Ipoh diiktiraf sebagai Bandar Kreatif Muzik UNESCO *Creative Cities Network* pada tahun 2023"

Ipoh *International Art Festival* (IIAF)

Ipoh *International Art Festival* (IIAF) merupakan sebuah festival seni yang melibatkan pelbagai bentuk seni kontemporari merangkumi seni visual, seni muzik dan seni persembahan. Edisi ketiga IIAF pada bulan Disember 2023 telah mengangkat tema "MARCAPADA: *The World Today*" menyaksikan penyertaan para seniman dari dalam dan luar negara seperti Itali, Thailand, Indonesia, Brunei, Denmark, Jepun dan Singapura.

Program ini telah memberi peluang kepada seniman-seniman daripada pelbagai generasi dan latar belakang untuk mempamerkan kreativiti masing-masing kepada khalayak yang lebih luas. Mesej yang disampaikan melalui karya-karya seni yang menyentuh isu-isu penting seperti pencemaran alam sekitar, masalah sosial dan ketandusan budaya merupakan satu kaedah pembinaan ilmu dalam kalangan pengunjung pameran. Antara pengisian IIAF selain pameran adalah forum, sesi perkongsian, bengkel seni dan persembahan pentas. IIAF 2023 turut melibatkan komuniti orang asli bagi segmen persembahan wayang kulit dan bengkel kraf tangan dengan kerjasama kolektif Sekolah Main Wayang. Selain itu, penglibatan seniman-seniman seni digital dari Malaysia, Indonesia dan Itali turut memberi impak kepada corak persembahan pameran pada kali ini.

> **"IIAF turut libatkan komuniti orang asli bagi segmen persembahan wayang kulit dan bengkel kraf tangan"**

Bertitik daripada program IIAF ini, PORT turut berjaya mengambil bahagian dalam festival seni terulung dunia, iaitu Venice Biennale ke-59 pada tahun 2022. Program pameran berdurasi tujuh (7) bulan di Venice, Itali, yang menampilkan karya-karya para seniman Perak ini telah menerima kunjungan 15,000 pelawat dari seluruh pelosok dunia, sekali gus memperkenalkan negeri Perak di peringkat antarabangsa. Lanjutan daripada itu, beberapa seniman terlibat telah diundang untuk mengambil bahagian di dalam beberapa festival seni kontemporari di Jepun (2022), Jerman (2022), Mesir (2023), dan Netherland (2024).

Kem Belia Kreatif

150 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar sekolah, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta telah menyertai Kem Belia Kreatif

Kem Belia Kreatif (KBK) 2023 merupakan program yang memberikan pendedahan dan bimbingan kepada golongan belia tentang bidang seni kreatif melalui bengkel dan sesi perkongsian yang dijalankan oleh tenaga-tenaga pengajar yang mahir dan profesional. Program yang bertemakan "Industri Perfileman dan Hiburan" dianjurkan dengan kerjasama Pincer MBI Studio dan disokong oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sukan Negeri Perak dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar sekolah, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta telah menyertai bengkel, sesi perkongsian dan forum. Program ini diadakan untuk memberi peluang kepada peserta untuk mendekati, menerima bimbingan serta menambah kemahiran secara bersemuka bersama para pemain industri sebenar. Ilmu dan pengalaman yang diperolehi diharapkan dapat dijadikan pedoman kepada peserta untuk melangkah masuk ke dunia realiti industri perfileman atau hiburan. Selain itu, hasil daripada latihan yang diterima, para peserta berpotensi untuk menjana pendapatan melalui hasil kreatif masing-masing.

Portfolio / Portskool

Portfolio / Portskool merupakan program seni dan budaya yang dianjurkan untuk menggalakkan perkongsian dan percambahan ilmu berkaitan seni, budaya dan warisan dalam bentuk bicara seni, forum, pembentangan, bengkel mahupun sesi penceritaan dengan penglibatan para tokoh seni dan budaya, selebriti dan golongan akademik. Program modal insan ini adalah penting untuk memberi pencerahan kepada para peserta tentang kepentingan seni, budaya dan kreativiti di dalam sesebuah masyarakat yang sedang berkembang. Program yang telah dijalankan semenjak tahun 2019 ini masih diteruskan sehingga kini bagi memberikan pendedahan yang meluas kepada masyarakat di negeri Perak mengenai kegiatan seni dan kreatif. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelbagai pihak melalui pengisian yang disampaikan oleh personaliti dan tokoh tersohor yang dijemput khas khas bagi membicarakan mengenai kegiatan seni yang diceburi.

Projek Panggung

Projek Panggung dikenali sebagai satu inisiatif Kerajaan Negeri melalui PORT untuk mengangkat nama para penggiat seni muzik dari pelbagai genre dan peringkat umur. Program ini dijalankan bagi membantu bakat-bakat seni muzik di negeri Perak. Dalam masa yang sama, program ini menjadi platform untuk menaikkan lagi semangat anak seni Perak untuk terus berkecimpung di dalam seni muzik tempatan. Ianya juga merupakan satu usaha untuk mendokumentasi serta mengarkib bahan-bahan persembahan. Program yang telah dijalankan sejak tahun 2020 ini diteruskan sehingga kini bagi memberi peluang kepada anak seni Perak memperluaskan lagi karya mereka melalui platform *YouTube* Port Ipoh.

Sehingga bulan Mac 2024, Projek Panggung telah memberi manfaat kepada para pekerja seni, pemuzik, juru audio dan ramai lagi. Selain itu, masyarakat juga dapat mengenali muzik dari pelbagai genre yang jarang disiarkan di stesen-stesen radio dan televisyen sekali gus memberi pendedahan kepada khalayak mengenai sebahagian lagi sisi pemain industri muzik yang tidak mendapat liputan sewajarnya.

“Projek Panggung bantu ketengahkan nama para penggiat seni muzik”

PORTCast

PORTCast merupakan salah satu program anjuran *People of Remarkable Talents* (PORT) di bawah Arkib Muzik Perak yang berkonsepkan wawancara bersama tokoh-tokoh, artis dan penggiat seni muzik yang berasal dari negeri Perak. Negeri Perak mempunyai sejumlah besar seniman yang bergiat aktif dalam bidang muzik dan pelbagai genre. Projek ini dimulakan pada tahun 2023 bagi mempelawa seniman untuk berkongsi pengalaman sepanjang berkecimpung di dalam arena seni muzik.

PORT telah menjalankan lebih daripada 10 sesi wawancara bersama dengan seniman muzik bagi tahun 2023. Secara keseluruhan, program ini telah berjaya menarik 10,000 penonton di laman *YouTube* Port Ipoh. Tahun 2024 bakal menyaksikan lebih ramai penglibatan seniman muzik lama dan baru sekali gus menjadi khazanah warisan penting untuk rujukan generasi pada masa hadapan.

Residensi Seni

PORT telah menjalankan projek Residensi Seni yang melibatkan dua (2) orang artis seni tempatan bagi memberi peluang kepada artis residensi serta gabungan artis jemputan dari negeri lain untuk meneroka seni dan budaya negeri Perak. Artis yang terlibat bagi program tahun 2023 adalah Aw Boon Xin dan Mohd Syakir. Projek ini mula dijalankan sejak tahun 2021 di bangunan *Black House*@PORT dan pada tahun 2023, projek ini telah dijalankan dengan kerjasama *Tin Alley*, Ipoh.

Hasil daripada residensi ini, Mohd Syakir telah berpeluang menyertai Pameran Seni Titian Muhibbah Malaysia-Indonesia anjuran bersama Kapallorek *Artspace* dan Kersan *Art Foundation* di Muzium Seni Rupa dan Keramik, Jakarta sementara Aw Boon Xin telah memenangi Hadiah Juri pertandingan Bakat Muda Sezaman 2023 anjuran Balai Seni Negara.

Residensi Seni beri peluang kepada artis residensi serta gabungan artis jemputan dari negeri lain untuk meneroka seni dan budaya negeri Perak

Port Fest 2023

Port Fest 2023 merupakan sebuah festival yang merayakan kepelbagaian dalam dunia kreativiti tempatan, di samping menjadi platform yang dapat menonjolkan bakat seni dan kreativiti golongan belia dan beliawanis negeri Perak. Festival ini juga menjadi satu daripada tarikan kepada pelancong di peringkat domestik mahupun nasional. Program ini telah dirasmikan oleh YB Encik Khairudin bin Abu Hanipah, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak mewakili YAB Menteri Besar Perak ini merupakan kesinambungan program tahun 2015 dan dijalankan semula pada tahun 2023 bagi memeriahkan lagi kegiatan seni kreatif di negeri Perak.

Festival ini telah mendapat perhatian masyarakat di dalam mahupun luar negeri Perak dengan pengisian-pengisian program seperti bengkel, vendor jualan dan konsert dengan kehadiran lebih 20,000 orang pengunjung dengan penjanaan ekonomi setempat sebanyak RM400,000.00.

Port Fest 2023 dihujani lebih 20,000 orang pengunjung dengan penjanaan ekonomi setempat sebanyak RM400,000.00

Arkib Muzik Perak

Program Arkib Muzik Perak dianjurkan sebagai usaha mengumpul dan menyimpan maklumat dan data berkaitan budaya seni muzik negeri Perak. Program ini merupakan satu platform sebagai rujukan penting untuk membantu pihak-pihak luar dan berkepentingan menyusun dasar-dasar yang boleh menyokong ekosistem seni yang merangkumi budaya tradisional, klasik, moden dan kontemporari.

Melalui program ini, khazanah seni dan budaya negeri dapat dikumpulkan dan dipelihara dengan baik bagi tatapan generasi akan datang walau dengan perubahan landskap kesenian dan kebudayaan pada masa kini. Sehingga kini, lebih 2,000 bahan telah dikumpulkan dan sedang melalui proses pendigitalan. PORT juga sedang berusaha membangunkan laman sesawang arkib supaya dapat diakses para penyelidik, pelajar dan orang ramai.

Lebih 2,000 bahan telah dikumpulkan dan sedang melalui proses pendigitalan melalui inisiatif Arkib Muzik Perak

Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak Tahun 2023

Bulan Oktober telah diisytiharkan sebagai Bulan Kaunseling Kebangsaan bermula pada tahun 2016 selaras dengan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang disambut pada 10 Oktober pada setiap tahun. Tema "Minda Madani Masyarakat Harmoni" telah diangkat sebagai tema rasmi Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan pada tahun 2023 bertepatan dengan prestasi masyarakat Malaysia yang semakin terdedah dengan kesan proses globalisasi seperti psikososial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

Mengambil kira keperluan semasa kepada permintaan perkhidmatan berkaitan psikologi dan kaunseling, Bahagian Psikologi dan Kaunseling Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak dengan kerjasama dan sokongan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Negeri Perak buat julung kalinya telah berjaya menganjurkan perasmian Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat Jabatan Kebajikan

Penganjuran sambutan ini bukan sahaja telah menarik perhatian dan kehadiran 795 orang yang terdiri daripada pelbagai latar belakang masyarakat dan peringkat umur, malah mereka juga turut menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sepanjang program tersebut seperti permainan minda, ujian psikologi, sesi ceramah, kuiz, pertandingan mewarna untuk kategori kanak-kanak dan dewasa, persembahan daripada PPDK, sesi interaktif bersama pegawai psikologi, forum dan pelbagai lagi.

Bantuan Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi Bahagian Psikologi dan Kaunseling Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) menyediakan Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi dalam usaha membantu mangsa mengurangkan tahap trauma dan meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

Antara kes yang disantuni oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak yang mendapat perhatian pelbagai pihak dan telah memberikan impak positif ke atas klien adalah kes seorang wanita warga emas yang berusia 77 tahun yang tinggal bersama anak lelakinya di sebuah kediaman sewa rumah pangsa di Ipoh di dalam keadaan penuh dengan longgokan sampah sarap.

Pelbagai lagi kes-kes berprofil tinggi yang turut menggunakan perkhidmatan Bahagian Psikologi dan Kaunseling termasuk kejadian melibatkan Helikopter TLDM yang terhempas di Lumut yang mengakibatkan 10 mangsa terkorban.

Program 3F@Tapah 2023

Karnival 3F@Tapah 2023 merupakan satu program yang dianjurkan untuk mendidik masyarakat mengamalkan gaya hidup yang sihat. 3F bermaksud *Fun Zumba, Fun Ride* dan *Fun Walk*. Karnival ini turut dikaitkan dengan Hari Tanpa Kereta yang merupakan sebahagian daripada program *Low Carbon City Framework* (LCCF) bagi mencapai sasaran pengurangan karbon (Co2) kepada 45 peratus pada tahun 2030. Karnival yang dihadiri lebih 1,000 orang pengunjung ini turut menyediakan jualan makanan seperti pastri, kek, roti dan produk yang dihasilkan daripada rotan oleh banduan Penjara Tapah menarik minat ramai pengunjung yang mana secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan jabatan tersebut.

Karnival 3F@Tapah 2023 didik masyarakat amalkan gaya hidup sihat melalui *Fun Zumba*, *Fun Ride* dan *Fun Walk*

LAPORAN KEMAJUAN TAHUN KEDUA PERAK SEJAHTERA 2030

2030
PERAK
SEJAHTERA

SEJAHTERA POLITIK

Melalui sasaran ini, Kerajaan Negeri memfokuskan kepada pembudayaan politik matang tanpa meminggirkan tanggungjawab menegakkan konsep semak dan imbang. Sasaran ini menjadikan elemen kepimpinan yang berwibawa, tadbir urus kerajaan yang cekap dan telus dan penyampaian perkhidmatan yang cekap sebagai kunci utama pelaksanaan sasaran sejahtera politik. Melalui sasaran ini, Kerajaan Negeri akan memastikan dasar-dasar yang dilaksanakan memberi manfaat kepada rakyat. Selain itu, pendigitalan perkhidmatan kerajaan juga memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan serta menggalakkan penyertaan aktif rakyat dalam proses pembuatan keputusan. Berikut merupakan antara projek dan program yang telah dilaksanakan dan sedia untuk dilaksanakan di bawah sasaran sejahtera politik meliputi kepimpinan, perpaduan nasional, dan tadbir urus kerajaan.

State Leadership Retreat 2024

> **Kerajaan Negeri memperkemas Pelan Tindakan Perak Sejahtera 2030 berorientasikan pendekatan SMART**

Kerajaan Negeri telah menganjurkan Perak Sejahtera 2030: *State Leadership Retreat* pada 5 dan 6 Mac 2024 di Kota Kinabalu, Sabah. Program ini dihadiri oleh YAB Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan serta pengurusan tertinggi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri. Pada sesi kali ini, penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Indeks Kesejahteraan Perak menjadi initipati utama perbincangan. Di samping itu, perkongsian ekonomi biru oleh Sekretariat Sabah Maju Jaya, forum mengenai ekonomi ungu dan pemerkasaan jaringan keselamatan sosial di negeri Perak. Kerajaan Negeri turut memperkemas Pelan Tindakan Perak Sejahtera 2030 dengan memfokuskan kepada pendekatan S.M.A.R.T, iaitu *specific* (khusus), *measurable* (boleh diukur), *achievable* (boleh dicapai), *relevant* (berkaitan), dan *time bound* (ketetapan masa).

Sambutan Setahun Perak Sejahtera 2030

“Perak menerima sebanyak 294 projek pelaburan yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM6.6 bilion serta menyediakan 7,682 peluang pekerjaan”

Setelah genap setahun pelancaran Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri telah mengadakan Majlis Sambutan Setahun Perak Sejahtera 2030 di Ipoh *Convention Centre* (ICC) pada 15 Jun 2023. Sambutan ini diadakan bagi menyampaikan pencapaian Perak Sejahtera 2030 dalam tahun pertama pelaksanaannya. Antara intipati pencapaian dan kemajuan Perak Sejahtera 2030 ialah ekonomi Perak berada di landasan kukuh di mana pada tahun 2022, sebanyak 294 projek pelaburan telah berjaya direkodkan dan diluluskan yang melibatkan pelaburan sebanyak RM6.6 bilion serta melimpahkan 7,682 peluang pekerjaan. Selain itu, pelaburan berimpak tinggi yang juga berjaya dibawa masuk ke Perak termasuk projek AHTV bernilai RM32 bilion di Tanjong Malim, pembinaan kilang elektronik *XP Power* di Seri Iskandar dengan pelaburan RM300 juta, pembinaan kilang memproses mineral di *Silver Valley Technology Park* dengan pelaburan RM100 juta.

Di samping itu, negeri juga dalam usaha meningkatkan prasarana jalur lebar termasuk mempercepatkan projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) selain telah membina 71 Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) seluruh negeri Perak bagi menyediakan capaian internet secara kolektif kepada penduduk luar bandar serta pendigitalan kerajaan dengan memperkenalkan beberapa sistem dan aplikasi antaranya MyPatil, iaitu Premis Perniagaan Digital, *One Stop Centre 3.0 Plus Online* (OSC 3.0 *Plus*) dan *Park*@Perak yang diguna pakai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai alternatif tambahan pembayaran parkir kenderaan menggunakan kupon.

Kesemua pencapaian ini telah disampaikan kepada 2,000 orang yang telah menghadiri majlis ini yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat berbeza latar belakang, daripada kepimpinan tertinggi sehinggalah peringkat sekolah.

Penyerahan Watikah Pelantikan Ketua Kampung Baru Cina

> **Pelantikan Ketua Kampung Baru Cina, tanda komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan pentadbiran yang efisien di peringkat tempatan**

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Ketua Kampung Baru Cina telah berlangsung di Bangunan Perak Darul Ridzuan pada 19 April 2024. Barisan Ketua Kampung yang dilantik ini akan menjalankan tugas selama setahun dan prestasinya akan dinilai semula pada pertengahan tahun 2025 untuk menentukan kelayakan meneruskan perkhidmatannya pada penggal akan datang. YB Woo Kah Leong selaku Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina telah mengadakan pertemuan bersama dengan 160 ketua kampung yang dilantik. Program ini menandakan komitmen Kerajaan Negeri Perak dalam memastikan pentadbiran yang efisien di peringkat tempatan.

Program Jelajah YB Azlan untuk Pemimpin Masyarakat Setempat

> **Menerusi program ini, isu-isu telekomunikasi dapat dikenal pasti dan tapak struktur-struktur baharu dapat dikawal selia**

Prihatin dengan isu dan masalah telekomunikasi yang membelenggu rakyat, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO di bawah pimpinan YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi telah melancarkan Program Jelajah YB Azlan pada 20 Februari 2023.

Program yang berorientasikan kaedah turun padang ini dijalankan bersama-sama dengan semua jabatan dan agensi di bawah Portfolio Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO bagi mendengar dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Menerusi program ini, isu-isu telekomunikasi dapat dikenal pasti dan tapak struktur-struktur baharu dapat dikawal selia. Setakat ini, pasukan program telah melawat dan meninjau isu-isu telekomunikasi di lokasi-lokasi dalam DUN Hulu Kinta, Tualang Sekah, Alor Pongsu, Batu Kurau, Manong, Bukit Chandan, Behrang dan Slim.

Lawatan Kerja YB Dato' Haji Mohd Zolkafly Harun ke Daerah Batang Padang

Lawatan kerja YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan ke Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Sungkai telah diadakan pada 29 Januari 2024.

> **"Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Sungkai memfokuskan kepada pengeluaran makanan"**

Lawatan ini diadakan untuk melihat perkembangan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Sungkai di daerah Batang Padang yang terlibat dalam pelan Perak Sejahtera 2030. Projek ini menghasilkan tanaman sengkuang, ubi keledek, ubi kayu, pisang bendi dan terung yang diusahakan oleh 30 orang peserta di atas tanah seluas 407.42 ekar tanah.

Projek ini dijangka siap pada tahun 2025 dan akan memberi pendapatan lumayan kepada petani. Pada 11 Mac 2024, pihak Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) telah menyerahkan peta ukur tanah fasa 2 dan 3 seluas 651.5 ekar kepada Pejabat Pertanian Daerah Batang Padang untuk tindakan mengenal pasti pengusaha sedia ada dan permohonan kelulusan penambahan keluasan TKPM kepada Jabatan Pertanian Malaysia.

Kunjungan Hormat Delegasi Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri Nanning, China ke Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)

YB Puan Sandrea Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama YBhg. Dato' Rumaizi bin Baharin @ Md Daud, Datuk Bandar Ipoh, telah menerima kunjungan hormat delegasi Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri Nanning, China yang diketuai oleh Cik Peng Jian selaku Pengarah Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri Nanning, China pada 8 Januari 2024. Kunjungan ini diadakan bersempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China dengan hasrat untuk mengeratkan hubungan Ipoh-Nanning dan menetapkan hala tuju kerjasama dalam sektor ekonomi antara kedua-dua bandar.

> **"Hubungan Ipoh-Nanning dieratkan melalui kunjungan hormat sempena ulang tahun ke-50 Malaysia-China"**

Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Perak

Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Perak (MPUP) ditubuhkan untuk menyelaras program keusahawanan di negeri Perak dengan keanggotaan lebih 51 ahli mewakili kementerian, agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Berdasarkan pelaporan MPUP, 38 perwakilan dari kementerian, agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah berjaya melaksanakan 421 program pembangunan usahawan yang memanfaatkan 114,705 usahawan negeri Perak dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM368,390,717.00. Kesemua program keusahawanan ini merangkumi pelbagai program latihan, geran, pinjaman, program peluasan pasaran, program jualan, program pensijilan, khidmat nasihat dan lain-lain.

“114,705 usahawan negeri Perak mendapat manfaat daripada 421 program pembangunan usahawan”

Program Pengurusan Mangsa Bencana di Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

> **JKM telah menyantuni 1,481 mangsa bencana yang berlindung di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di beberapa daerah yang dilanda bencana banjir**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak telah mengenal pasti 892 premis yang boleh dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan mampu memuatkan 201,900 mangsa bencana di seluruh Perak. Sejak tahun 2023, pelbagai libat urus dan simulasi latihan rentas agensi telah dijalankan sebagai persiapan menghadapi sebarang kemungkinan banjir dan bencana. Pada tahun 2023, JKM telah menyantuni 1,481 mangsa bencana yang berlindung di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di beberapa daerah yang dilanda bencana banjir.

Tindakan Mengambil Orang Papa di bawah Seksyen 3 (1) Akta Orang Papa 1977 (Akta 183)

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak telah menguatkuasakan Akta 183 bagi tindakan mengambil orang papa. Di bawah Seksyen 2 Akta 183, orang papa ditakrifkan sebagai seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu ataupun hingga menimbulkan kacau ganggu atau seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak mengemis yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.

Orang papa yang diambil di bawah Seksyen 3(2), Seksyen 3(4) dan Seksyen 4 akan ditempatkan di Desa Bina Diri untuk menjalani pemulihan mengikut tempoh yang ditetapkan dan akan dikembalikan kepada masyarakat setelah mampu berdikari.

Sepanjang tahun 2023 dan awal 2024, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak telah giat menjalankan tindakan mengambil orang papa. Statistik tindakan mengambil orang papa bagi tahun 2023 adalah sebanyak 140 tindakan dengan kes yang diselamatkan seramai 183 orang. Daripada jumlah tersebut, 14 orang yang sesuai diberikan penempatan di institusi JKM. Manakala, sehingga Mac 2024, bilangan tindakan mengambil orang papa yang dilaksanakan adalah sebanyak 66 tindakan dengan bilangan kes yang diselamatkan seramai 93 orang. Hanya dua (2) orang sahaja yang sesuai diberikan penempatan di institusi JKM.

> **“140 tindakan dengan kes yang diselamatkan seramai 183 orang melalui Tindakan Mengambil Orang Papa”**

Tindakan Penguatkuasaan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308)

“Penguatkuasaan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308) membantu melindungi kanak-kanak, warga emas, OKU”

Penguatkuasaan Akta Pusat Jagaan 1993 (Pindaan 2007) [Akta 506] dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Pindaan 2007) [Akta 308], di bawah seksyen 5(1) Akta 506 dan seksyen 6(1) Akta 308 telah memperuntukkan larangan ke atas Taska dan Pusat Jagaan yang tidak berdaftar. Penguatkuasaan ini dilakukan bagi memperuntukkan pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan ke atas Taska dan pusat jagaan untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak dan warga emas, OKU dan penghuni-penghuni lain.

Sepanjang tahun 2023 dan awal tahun 2024, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak telah menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas pusat jagaan dan Taska yang tidak berdaftar di negeri Perak. Antara tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah tindakan LAK di bawah Seksyen 16A Akta 506 dan Seksyen 20A Akta 308, iaitu mengunci premis yang tidak berdaftar. Pengusaha Taska dan pengendali pusat jagaan akan dikenakan tindakan kompaun dan didakwa di mahkamah. Penguatkuasaan ini dilaksanakan untuk memberi pengajaran dan iktibar kepada pengusaha dan pengendali lain agar sentiasa patuh pada peruntukan akta dan peraturan yang telah ditetapkan demi kesejahteraan hidup kumpulan sasar di bawah jagaan mereka.

Kajian Pembentukan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Sejahtera Sosial Perak

Kerajaan Negeri Perak melalui Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sedang menjalankan satu "Kajian Pembentukan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Sejahtera Sosial Perak" dengan memberikan tumpuan khusus kepada analisis komprehensif dalam membentuk Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Sejahtera Sosial yang akan melengkapi pelaksanaan sasaran Sejahtera Sosial di bawah pelan Perak Sejahtera 2030. Kajian ini mengambil kira semua aspek pelaksanaan dan impaknya terhadap masyarakat merentasi pelbagai gender, latar belakang sosioekonomi, budaya, politik dan sebagainya.

> **"Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Sejahtera Sosial Perak melengkapi pelaksanaan sasaran Sejahtera Sosial"**

Majlis Perundingan Wanita Negeri Perak

Majlis Perundingan Wanita Negeri Perak menyuarakan keperluan wanita bagi membantu pembentukan dasar-dasar negeri

Majlis Perundingan Wanita Negeri Perak merupakan sebuah platform yang melibatkan 60 orang ahli WINP dan 10 orang profesional dan ADUN Wanita untuk mengangkat dan menyuarakan keperluan wanita bagi membantu pembentukan dasar-dasar negeri. Platform khusus disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mendorong lebih ramai wanita menjadi individu yang berani memimpin dan meningkatkan kesedaran isu-isu wanita sejak dari peringkat muda. Majlis ini juga melibatkan pelbagai aktiviti dan program untuk memperjuangkan hak wanita, meningkatkan kesedaran sosial, dan membina komuniti yang kukuh. Ia menjadi platform strategik dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif untuk meningkatkan kesejahteraan wanita di negeri Perak.

Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Negeri Perak (MTOP)

"MTOP memastikan kesaksamaan hak, peluang dan kepentingan OKU"

Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Negeri Perak (MTOP) menjadi wadah untuk membincangkan isu-isu OKU di negeri Perak. Kerajaan Negeri telah melantik empat (4) orang ahli MTOP dalam kalangan OKU dan pakar berkaitan. MTOP akan memainkan peranan dan fungsinya dalam memperkasa OKU di negeri ini melalui enam (6) Kluster Kerja, iaitu:

1. Kluster Polisi dan Advokasi;
2. Kluster Aksesibiliti dan Infrastruktur;
3. Kluster Pendidikan Inklusif dan Pekerjaan (Kluster Bakat dan Potensi, Kluster Kerohanian dan Modal Insan);
4. Kluster Kesihatan dan Kesejahteraan;
5. Kluster Pendaftaran, Penglibatan dan Pemerkasaan Masyarakat; dan
6. Kluster Teknologi dan Inovasi.

Pelbagai program dijalankan bagi merealisasikan MTOP, antaranya:

1. Sesi Townhall dan Bengkel Training of Trainers (TOT) Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Negeri Perak (MTOP);
2. Program Karnival Cakna Prihatin OKU Sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Negeri Perak Tahun 2023 dengan kerjasama JKM Perak;
3. Mesyuarat MTOP Bil.1/2024 yang telah dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak bagi memperhalusi dan menambah baik kertas kerja, portfolio dan juga pelan tindakan MTOP;
4. Program berbentuk kesedaran kepada ibu bapa atau penjaga dalam mengenal pasti anak OKU ketika fasa bayi atau di peringkat awal;
5. Bengkel Penjagaan Warga Emas OKU di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Perak; dan
6. Program Golden Touch Kursus Penjagaan Kanak-kanak Istimewa/Kurang Upaya yang bakal dilaksanakan pada tahun 2024. Program ini akan dilaksanakan bersama dengan kerjasama agensi, IPTA dan juga NGO OKU yang berdaftar.

MTOP ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri Perak bagi memastikan kesaksamaan hak, peluang dan kepentingan OKU khususnya dalam mengakses dan menggunakan kemudahan asas yang disediakan lebih terjamin serta diberikan peluang dalam pekerjaan seperti yang ditetapkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Dasar Orang Kurang Upaya.

Sistem e-Perak

Sistem e-Perak membantu Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) merancang program pembangunan di kawasan luar bandar

Sistem e-Perak adalah penjenamaan semula dari Sistem Maklumat e-Desa dengan memberi nilai tambah, iaitu mewujudkan modul *dashboard* dan modul cetakan bagi pengguna berdaftar. Aplikasi ini dibangunkan untuk mendokumentasikan profil 828 Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dengan mengambil kira profil penduduk di dalam kawasan penempatan tersebut di negeri Perak dalam bentuk spatial dan atribut. Sistem e-Perak juga dapat membantu Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) merancang projek dan program pembangunan di kawasan luar bandar.

Sejajar dengan agenda Perak Sejahtera 2030, iaitu Ekonomi Digital dan Pembuatan Keputusan Berpacukan Data, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM2.5 juta bagi tujuan pengumpulan data dan pengemaskinian maklumat Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) bagi sistem ini yang merangkumi 12 daerah di negeri Perak.

Platform Sistem e-Perak telah diperluaskan skop dan kapasiti selari dengan perkembangan semasa teknologi. Jumlah data (KIR dan AIR) bagi Sistem e-Desa sedia ada melebihi 200,000 data yang memerlukan proses pengemaskinian secara menyeluruh. Pengumpulan data GIS melibatkan keseluruhan rumah kampung berpenghuni dan tidak berpenghuni di bawah seliaan JPKK. Data ini juga diperlukan di peringkat Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Perak (PLANMalaysia@Perak) bagi mengukur Indeks Kemampanan Bandar di dalam negeri Perak yang diukur melalui Program MURNInets.

Aplikasi Geobencana

> **Laporan Bencana dipetakan melalui aplikasi Geobencana**

Aplikasi Geobencana merupakan aplikasi interaktif berkonsepkan geospatial yang memeta dan memprofilkan Laporan Bencana dalam bentuk digital untuk kegunaan Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri Perak dan telah dilancarkan oleh YAB Menteri Besar pada 4 September 2023 semasa Program Aspirasi Geospatial Negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan. Aplikasi ini hanya boleh diakses oleh Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah sahaja.

Aplikasi Geobencana dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Perak melalui Unit PerakGIS bermula pada tahun 2021 dan mengumpulkan data secara berpusat yang mampu menganalisa data dengan kadar segera bagi menjana laporan dalam tempoh masa yang singkat. Penghasilan aplikasi ini dapat membantu mengurangkan penggunaan sumber manusia dan masa, seterusnya dapat melaksanakan pemantauan dengan lebih berkesan. Aplikasi ini juga menyelesaikan masalah dari segi penyimpanan maklumat secara konvensional kepada pangkalan data digital yang sistematik dan pelaporan yang efisien. Aplikasi ini turut membantu agensi dalam menguruskan pelaporan dan kawal sedia dengan berkesan serta membuat perancangan dengan lebih teratur dalam kerja-kerja menyelamat mangsa-mangsa bencana banjir. Sehingga Disember 2023, 542 pengguna memanfaatkan aplikasi ini.

Sinonim dengan aspirasi agenda pelan Perak Sejahtera 2030, iaitu Ekonomi Digital dan Pembuatan Keputusan Berpacukan Data, penghasilan aplikasi ini dapat membantu mencapai matlamat dalam pelan tersebut dengan memberi pendedahan kepada agensi tentang kepentingan data geospatial dan potensi solusi teknologi GIS.

Portal dan Aplikasi *Talent* Perak

> **Mencari peluang pekerjaan hanya di hujung jari**

Aplikasi *Talent* Perak telah dilancarkan pada 18 September 2022 sempena program Karnival Kerjaya Perak Sejahtera 2022 oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak. Aplikasi ini merupakan salah satu inisiatif berterusan daripada Kerajaan Negeri Perak sebagai platform *one stop centre* yang bermatlamat untuk membantu pencari kerja khususnya anak Perak mendapatkan peluang pekerjaan di samping membantu menyediakan tenaga kerja mahir yang berbakat serta berkemahiran sesuai dengan keperluan majikan di negeri Perak.

Melalui aplikasi ini, pengguna boleh membuat carian jawatan kosong di hujung jari mengikut kategori demografik, sektor industri atau kelayakan pendidikan yang berdekatan dengan lokasi jarak pengguna. Selain daripada mencari pekerjaan, pengguna juga boleh mendapatkan informasi terkini berkenaan dengan program-program secara berkala seperti Karnival Kerjaya, Kursus Kemahiran Jangka Pendek serta latihan *soft skills* yang dianjurkan oleh Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) di dalam aplikasi ini. Bermula 15 Jun 2023 sehingga 30 Mac 2024, aplikasi Talent Perak berjaya mengumpul seramai 7,617 orang pengguna, 164 buah majikan dan menawarkan sebanyak 2,250 peluang pekerjaan kepada pengguna.

Jawatankuasa Pelaksana GBS@Ipoh

> **Pemerkasaan Jawatankuasa Pelaksana GBS@Ipoh**

Bagi mengaktifkan kembali inisiatif Perkhidmatan Perniagaan Global di Ipoh (GBS@Ipoh) yang diteraju oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Jawatankuasa Pelaksana GBS@Ipoh yang dipimpin oleh Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak telah mengusahakan pelbagai perancangan seperti lawatan tapak dan sesi libat urus bersama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di GBS@Mayang dan GBS@Mahsuri di Bayan Baru dan juga melihat bangunan-bangunan yang tersedia di sekitar Ipoh untuk mengkaji kriteria-kriteria pelaksanaan dan pembangunan GBS seperti ekosistem sokongan yang baik yang akan membolehkan Ipoh berkembang sebagai lokasi GBS yang baharu untuk menjana lebih banyak aktiviti ekonomi dan membuka peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk graduan tempatan.

Jawatankuasa ini akan mengenal pasti lokasi bagi penempatan kelompok industri GBS dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang penting seperti kesalinghubungan internet, sistem pengangkutan dan bekalan elektrik.

Inisiatif ini akan dibangunkan dengan menarik bakal pelabur dengan kos penyewaan pejabat yang kompetitif, pemberian insentif di peringkat negeri serta ketersediaan pekerja mahir dan separa mahir dengan keupayaan pelbagai bahasa. Pelaburan sasaran sektor perkhidmatan digital adalah sebanyak RM1.1 hingga RM2.6 bilion serta sektor perkhidmatan digital menyasarkan guna tenaga sehingga 5,000 menjelang 2030.

Memudah cara dan Mempercepatkan Pendigitalan Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

Selari dengan agenda Ekonomi Digital Perak Sejahtera 2030, usaha untuk memudah cara dan mempercepatkan pendigitalan usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di negeri Perak sedang giat dilaksanakan oleh Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) menerusi empat (4) program utama, iaitu e-Dagang S.M.A.R.T Niaga@Perak, *Clicks*@Perak, Sistem Maklumat Usahawan PMKS Negeri Perak (SME D-BASE) dan Latihan Pendigitalan Usahawan.

> **“S.M.A.R.T Niaga@Perak, *Clicks*@Perak, SME D-BASE, dan Latihan Pendigitalan Usahawan mempercepatkan pendigitalan usahawan PMKS”**

1 S.M.A.R.T Niaga@Perak

Melalui pendekatan kerjasama awam swasta (PPP) untuk menyediakan penyelesaian digital kepada usahawan, Digital Perak dan pihak Nityo Infotech Sdn. Bhd. telah memeteraikan satu Memorandum Persefahaman (MoU) pada 17 November 2023 untuk menggerakkan inisiatif e-Dagang S.M.A.R.T Niaga@Perak. Inisiatif ini merupakan kerjasama strategik untuk mengintegrasikan inisiatif S.M.A.R.T Niaga@Perak dengan platform e-dagang *Shopmatic* yang dilengkapi dengan kemudahan pembayaran dalam talian dengan pilihan logistik yang lebih banyak. Menerusi kerjasama ini, satu platform e-dagang dalam bentuk *web store* telah dibangunkan untuk setiap perniagaan yang berdaftar dan para usahawan berdaftar turut mengikuti sesi taklimat serta latihan bimbingan secara percuma. Sejak Januari 2024, 21 orang usahawan telah berjaya mentransformasikan perniagaan fizikal mereka ke dalam bentuk *web store* menerusi inisiatif e-Dagang S.M.A.R.T Niaga@Perak dan program ini masih aktif menerima pendaftaran.

2 *Clicks*@Perak

Bagi menggalakkan adaptasi pembayaran tanpa tunai oleh Perusahaan Mikro Kecil Sederhana (PMKS), Institut Pengajian Tinggi (IPT), sekolah-sekolah dan masjid-masjid di Perak, Digital Perak telah menyediakan dua (2) ekosistem pembayaran tanpa tunai, iaitu aplikasi e-Dompet *Clicks*@Perak dan Terminal *Clicks*@Perak. Sehingga 25 April 2024, aplikasi e-Dompet *Clicks*@Perak telah dimuat turun oleh 1,000 orang pengguna. Manakala, 11 orang usahawan PMKS Perak, lima (5) orang usahawan di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) di bawah program Mahasiswa Perak Sejahtera (MPS), satu (1) koperasi sekolah, iaitu Koperasi Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah (SARJANA) dan satu (1) koperasi masjid, iaitu Koperasi Kariah Masjid Ar-Rashdiah Selama Perak telah menggunakan Terminal *Clicks*@Perak. Seramai 18 orang usahawan telah menerima pakai 27 buah terminal *Clicks*@Perak dalam usaha niaga mereka.

3 Sistem Maklumat Usahawan PMKS Negeri Perak (SME D-BASE)

Sistem ini dihasilkan dengan kerjasama Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) dan Digital Perak untuk mewujudkan satu pangkalan data usahawan bersepadu. Proses integrasi maklumat usahawan di antara agensi-agensi kerajaan telah bermula sejak tahun 2021. Sehingga kini, 89,648 data usahawan telah berjaya dikumpulkan dalam sistem ini. Kini, sistem ini telah menambah fungsi permohonan Geran Usahawan Perak Sejahtera 2024 (GeRAK) di bawah Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) dan Bantuan BizNita di bawah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak) secara dalam talian.

4 Latihan Usahawan Digital

Bagi meningkatkan dan menggalakkan kesedaran serta literasi digital dalam kalangan usahawan di negeri Perak, Digital Perak menerusi Hub Inovasi dan Multimedia (HiM) telah menganjurkan 60 latihan usahawan digital yang disertai oleh 579 orang peserta daripada seluruh Perak bermula Jun 2023 sehingga April 2024.

Pelan Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Negeri Perak 2023-2030

> **Pelan Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Negeri Perak 2023-2030 jadi hala tuju pembangunan ekonomi digital negeri Perak**

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak bersama dengan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan Digital Perak telah membangunkan Pelan Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Negeri Perak bagi menggariskan tanda aras, memberikan petunjuk dan rujukan hala tuju strategik (*roadmap*) dan mengenal pasti inisiatif-inisiatif utama pembangunan ekonomi digital bagi tempoh 2023-2030.

Pembangunan dan penyediaan pelan tindakan ini selari dengan dasar dan inisiatif kerajaan dalam mencapai aspirasi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), MyDIGITAL dan Perak Sejahtera 2030 dan menetapkan trajektori sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi Malaysia, khususnya kepada negeri Perak dan membina asas untuk memacu pendigitalan dalam pemulihan dan pertumbuhan ekonomi serta merapatkan jurang pendapatan dan digital.

Pelan tindakan yang bersepadu ini merangkumi semua inisiatif dan sokongan ekosistem bagi tujuh (7) komponen fokus, iaitu infrastruktur digital, e-Kerajaan, e-dagang dan usahawan digital, modal insan digital, komuniti digital, inovasi teknologi dan sektor ekonomi utama negeri Perak.

Jawatankuasa Pemandu bagi kajian pelan tindakan ini yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO telah mengerakkan proses kajian ini pada 10 Mei 2023 melalui satu sesi mesyuarat *kick off* yang telah melibatkan 113 pihak pemegang taruh. Hasil dapatan rangka kajian ini telah mengemukakan empat (4) Teras Strategik, lapan (8) Strategi dan 21 Program dengan 5 Projek Pemangkin yang telah dikenal pasti untuk mengukuhkan pelbagai program yang digariskan dalam rangka tindakan untuk mencapai objektif dan matlamat ekonomi digital Perak melalui pelaksanaan berperingkat.

Penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan agenda dan hala tuju pelan tindakan ini akan ditadbir uruskan melalui Jawatankuasa Kerja Ekonomi Digital Negeri Perak dan seterusnya Majlis Ekonomi Digital Negeri Perak.

Portal Perak Digital 2.0

“1.4 juta pelawat melayari Portal Perak Digital, 190,000 pengguna telah mendaftar”

Portal Perak Digital 2.0 di laman web dan juga aplikasi mudah alih ini diwujudkan bagi memenuhi permintaan daripada pihak PBT dan jabatan kerajaan negeri selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan aplikasi mudah alih. Portal ini dapat meningkatkan sistem penyampaian kerajaan melalui penggunaan ICT secara efisien, di samping memantapkan tadbir urus perkhidmatan kerajaan melalui proses digitalisasi pengguna secara meluas.

Inisiatif portal ini telah bermula sejak 2018 dan dijangkakan diteruskan sehingga 2030 dan dana untuk tujuan pembangunan portal ini yang telah diterima sehingga kini daripada Pejabat Kewangan Negeri Perak berjumlah RM180,000.00 (2022), RM 161,000.00 (2023) dan RM60,000.00 (2024).

Sehingga bulan April 2024, portal ini telah menyediakan perkhidmatan dalam talian untuk 28 jabatan dan agensi, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Antara contoh integrasi capaian maklumat dalam talian adalah seperti Aduan MCMC, Wakaf Perak MAIPk, dan Aplikasi *Talent* Perak. Seramai 1.4 juta pelawat telah melayar Portal Perak Digital, 190,000 pengguna telah mendaftar dan terdapat 6 modul perkhidmatan ditawarkan dalam portal ini, iaitu e-Perjawatan, e-*Internship*, e-Pensijilan Halal, S.M.A.R.T. Niaga@Perak, e-Tempahan dan e-Derma.



Jawatankuasa Pemutihan Struktur Telekomunikasi Negeri Perak

Pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi secara sah adalah amat penting bagi mengelakkan segala risiko serta perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Justeru itu, satu Jawatankuasa Pemutihan Struktur Telekomunikasi Negeri Perak telah ditubuhkan untuk:

> **Pemerkasaan struktur telekomunikasi melalui pembentukan Pasukan Petugas Khas (*Task Force*) Program Pemutihan Struktur Telekomunikasi Negeri Perak**

1. Memastikan semua struktur telekomunikasi di negeri Perak beroperasi dengan permit yang sah daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
2. Mengelakkan ketirisan pendapatan dan hasil bagi Kerajaan Negeri dan agensi-agensi di bawahnya; dan
3. Membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam menangani isu struktur telekomunikasi tidak mempunyai permit sah daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pada tahun 2020, beberapa siri perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan, industri dan pihak pemilik struktur - *Network Facilities Provider* (NFP) telah berlangsung untuk penglibatan dan kerjasama. Oleh itu, program pemutihan dicadangkan dan pembentukan Pasukan Petugas Khas (*Task Force*) Program Pemutihan Struktur Telekomunikasi Negeri Perak telah ditubuhkan pada 2021 yang dianggotai oleh:

- Majlis Bandaraya Ipoh
- Majlis Perbandaran Manjung
- Majlis Perbandaran Teluk Intan
- Majlis Daerah Gerik
- Majlis Daerah Kampar
- Majlis Daerah Tanjong Malim

Digital Perak Corporation Holdings (DPCH) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah urus setia bersama *Task Force* ini.

Mengemas kini Undang-undang / Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak

Pindaan dan penyeragaman metodologi pelaksanaan undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan salah satu agenda utama dilaksanakan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT)

Pindaan dan penyeragaman metodologi pelaksanaan undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan salah satu agenda utama dilaksanakan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) seiring dengan keperluan dan kehendak semasa. Gerak kerja penggubalan dan pengemaskinian sembilan (9) perundangan negeri Perak secara berterusan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023:

1 Undang-Undang Kecil

Asas utama perundangan bagi Kerajaan Tempatan diperuntukkan di bawah Butiran 4 Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan sebagai perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang mempunyai hak ekslusif ke atas Kerajaan Tempatan. Menurut seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171), undang-undang kecil, kaedah atau peraturan tidak mempunyai kuatkuasa sehingga ia disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan disiarkan dalam Warta. Oleh yang demikian, setiap dokumen perundangan perlu dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri atau Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri. Pada masa ini, masih terdapat Undang-Undang Kecil (UUK) yang digunapakai oleh PBT masih tidak seragam dan perlu dikemaskini dan diselaraskan oleh BKT. Undang-Undang Kecil Pasar PBT telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 7 Mac 2024. Manakala pindaan empat (4) UUK yang masih dalam semakan akhir dan perakuan Negeri adalah Undang-Undang Kecil Vandalisme PBT, Undang-Undang Kecil Taman, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah serta Undang-Undang Kecil Tandas Awam.

2 Enakmen Hotel Negeri Perak

Enakmen Hotel Negeri Perak telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak Darul Ridzuan pada 23 Mei 2023 dan diwartakan pada 20 Julai 2023 merupakan rujukan perundangan baharu bagi penginapan dan pemalaman di Negeri Perak. Peraturan Hotel Negeri Perak 2024 juga turut dibentangkan dan diluluskan di peringkat MMK pada 7 Mac 2024. Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Negeri Perak 1997 telah dikemas kini mengikut acuan PBT sebagai Pegawai Pelesen melalui pelbagai sesi perbincangan dan libat urus yang dijalankan bersama pelbagai Jabatan dan Agensi seperti Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Kewangan Negeri, Bendahari Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Perak (PDT), Lembaga Air Perak (LAP), Tenaga Nasional Berhad (TNB) Perak, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) Perak serta Telekom Malaysia (Berhad) Perak. BKT telah menyediakan dokumen perundangan dalam bentuk Rang Undang-Undang untuk semakan lanjut Pejabat Penasihat Undang -Undang Negeri sebelum dapat dibentangkan dalam DUN kelak.

3 Akta Persekutuan

Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133): Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2021 turut memerlukan pindaan sepertimana keputusan Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-78 (MNKT 78) pada 13 Julai 2021 dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri Perak melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) bertarikh 23 September 2021. Gerak kerja telah dibuat secara berterusan oleh BKT bagi menjayakan arahan ini dan Sesi Libat Urus Pindaan telah diadakan pada 14 hingga 15 Mei 2024 bersama jabatan dan agensi teknikal Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Bomba Negeri Perak. Sesi libat urus dilaksanakan bagi menjelaskan dan seterusnya membincangkan pindaan yang perlu diselaraskan bersama agensi dan pihak berkaitan bagi memahami pindaan-pindaan ini secara keseluruhan. Cadangan pindaan tersebut seterusnya disyorkan diterima pakai melalui suatu Undang-undang Kecil pindaan yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebelum dikuatkuasakan.

Rang Undang-undang (RUU) Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023

Perak beri tempoh 3 tahun pengusaha unggas beralih ke sistem reban tertutup

Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak telah meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 pada 25 Mei 2023. RUU ini turut memfokuskan kepada peningkatan jumlah penalti dan pembatalan lesen kepada penternak yang gagal mematuhi undang-undang dalam enakmen ini. RUU ini telah diluluskan dengan lebih suara bersetuju tanpa pindaan terhadap fasal-fasal pindaan yang dicadangkan. Proses peralihan kaedah penternakan unggas secara konvensional, iaitu sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup dijangka dilaksanakan sepenuhnya menjelang Disember 2025. RUU Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 hanya dikuatkuasakan di dalam kawasan ladang ternakan unggas dan tidak meliputi luar kawasan operasi ladang. Sekiranya terdapat kacau ganggu di luar kawasan seperti penempatan awam dan pelancongan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan menjalankan siasatan untuk mengenal pasti punca atau sumber kehadiran lalat dari ladang-ladang ternakan unggas yang berhampiran. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya terdapat bukti bahawa ladang terbabit melanggar peraturan enakmen dengan membenarkan pembiakan lalat berlaku di ladang unggas. Bagi tujuan pelesenan ladang unggas di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), ladang-ladang unggas baharu yang akan diwujudkan perlu mematuhi syarat nyata tanah yang ditentukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) juga telah mewujudkan pasukan petugas untuk mengambil tindakan terhadap aduan dan pelanggaran kesalahan berulang yang dilakukan oleh pengusaha ladang unggas.

Rang Undang-undang Sumber Air (RUUSA) Perak 2023

RUU Sumber Air Perak 2023 pastikan pengurusan air di Perak terkawal

Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak telah meluluskan Rang Undang-undang Sumber Air (RUUSA) Perak 2023 bagi memansuhkan Akta Air 1920 serta mengadakan peruntukan baru pengurusan bersepadu penggunaan, pembangunan dan perlindungan sumber air di Perak. Penubuhan Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak yang berstruktur, dilengkapi punca kuasa enakmen, peraturan dan mempunyai tenaga kerja berkepakaran khusus untuk menguruskan sumber air bagi pihak Kerajaan Negeri akan dilaksanakan dengan adanya RUU Sumber Air Perak ini. Selain itu, caj, fi dan kadar lesen akan diperhalusi melalui sesi libat urus komprehensif yang akan dijalankan bersama dengan pihak berkepentingan dan pemain industri yang menggunakan sumber air. Kutipan hasil daripada RUU ini akan dikembalikan kepada rakyat menerusi dua akaun lembaga, iaitu Kumpulan Wang Disatukan Lembaga yang membolehkan pihak berkuasa negeri menggunakan peruntukan untuk manfaat rakyat, serta Kumpulan Wang Pembangunan Air untuk membaik pulih dan penambahbaikan kualiti sumber air.

Rang Undang-undang Enakmen Wasiat Orang Islam Perak 2023

Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak telah meluluskan Rang Undang-undang Enakmen Wasiat Orang Islam Perak 2023 untuk mengadakan suatu undang-undang khusus berkenaan wasiat orang Islam. Enakmen ini juga membolehkan Kerajaan Negeri Perak memberi panduan, mengurus tadbir dan mengawasi pembuatan serta pelaksanaan wasiat orang Islam di negeri Perak secara berkesan. Menurut rekod, semua perkara berhubung dengan wasiat orang Islam di Perak ketika ini tidak diperuntukkan secara khusus dan terperinci. Akta Wasiat 1959 tidak menyentuh wasiat orang Islam secara langsung dan tidak terpakai ke atas orang Islam. Selaras dengan perkembangan wasiat sebagai suatu instrumen dalam pengurusan harta umat Islam, ditambah dengan kewujudan agensi-agensi yang menguruskan harta melalui instrumen wasiat, suatu undang-undang yang jelas, terperinci dan komprehensif perlu diwujudkan dan dikuatkuasakan dengan segera di negeri ini. Oleh itu, RUU ini dilihat akan meyakinkan rakyat dengan pelaksanaan wasiat di negeri Perak dan perlindungan yang diberikan oleh undang-undang sekali gus memberikan galakan kepada masyarakat untuk berwasiat. Rang Undang-undang Enakmen Wasiat Orang Islam Perak 2023 ini mengandungi 10 bahagian, 39 fasal dan 1 jadual yang antaranya memperuntukkan fasal perkara berhubung wasiat terbatal dan wasiat-wasiat terhalang, fasal berhubung penarikan balik wasiat, peruntukan perkara berhubung penerimaan dan penolakan wasiat. RUU ini turut memperuntukkan perkara berhubung wasiat wajibah, perkara berhubung kuasa Majlis, perkara berhubung pengesahan wasiat dan perkara berhubung peruntukan am.

Sistem dan Aplikasi Pintar *Park*@Perak

> ***Park*@Perak mencatatkan jumlah pengguna berdaftar sebanyak 1,001,265 orang**

Sistem dan aplikasi pintar *Park*@Perak telah diwujudkan bagi menyeragamkan kaedah bayaran tempat letak kereta di seluruh PBT Negeri Perak selaras dengan arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 1957 bertarikh 9 Januari 2019. Aplikasi pintar milik Kerajaan Negeri ini dibangunkan secara *in-house* bersama 15 PBT Perak sebagai langkah proaktif Kerajaan Negeri Perak dalam mengoptimumkan kos membangunkan sistem dan direka khas mengikut acuan keperluan bagi pengurusan tempat letak kereta di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) PBT di negeri Perak.

Prestasi jumlah tambah nilai dan penggunaan *Park*@Perak dari tahun 2019 sehingga Disember 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	TAMBAH NILAI (RM)	PENINGKATAN (%)	PENGGUNAAN (RM)	PENINGKATAN (%)
2019	3,242,200.00	-	2,521,246.70	-
2020	4,440,240.00	36.95	3,965,435.70	57.28
2021	6,518,120.00	46.79	5,574,295.60	40.57
2022	18,484,450.00	183.59	15,092,331.45	170.75
2023	26,707,046.90	44.48	23,438,242.47	55.30
JUMLAH	59,392,056.90	-	50,591,551.92	-

Tahun 2022 sahaja telah mencatatkan peningkatan tiga (3), kali ganda tambah nilai dan penggunaan berbanding tahun 2021. Manakala sehingga 31 Disember 2023, *Park*@Perak telah mencatatkan jumlah pengguna berdaftar sebanyak 1,001,265 orang berbanding pengguna pada awal aplikasi ini diperkenalkan, iaitu 2,964 orang sekali gus membuktikan bahawa *Park*@Perak telah berjaya mendapat kepercayaan masyarakat dan menjadi kaedah utama pembayaran tempat letak kereta di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Perak berbanding penggunaan kupon fizikal.

Park@Perak telah mengharumkan nama negeri Perak apabila menerima beberapa pengiktirafan termasuk memenangi anugerah Emas dalam Pertandingan Inovasi Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Mini (MTEx) 2020, anugerah Emas dalam *Showcase* Inovasi *Team Excellence* (RISTEx) 2020 Peringkat Wilayah Utara dan anugerah Emas dalam *Annual Productivity and Innovation Conference and Exposition* (APIC) 2020 Peringkat Kebangsaan. *Park*@Perak juga telah berjaya tersenarai di antara 35 penerima Anugerah Emas APIC 2020.

Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027

Ekonomi Donat adalah secara dasarnya dikenali sebagai ekonomi regeneratif, Ekonomi Kitaran dengan penambahbaikan dari segi aspek kebajikan dan keadilan sosial.

“Sekretariat Bandar Ekonomi Donat ditubuhkan dalam usaha menjayakan Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027”

1 Penubuhan Sekretariat Bandar Ekonomi Donat

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah menubuhkan sebuah unit yang dikenali sebagai Sekretariat Bandar Ekonomi Donat pada Mei 2023. Sekretariat Bandar Ekonomi Donat yang diletakkan di bawah Pejabat Datuk Bandar Ipoh berfungsi sebagai penyelaras kajian dan program Ipoh Bandar Ekonomi Donat serta menyediakan pelan tindakan dan memantau pelaksanaan projek-projek berkaitan.

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Institut Darul Ridzuan (IDR) dan *Sunway Centre for Planetary Health* (SCPH) telah ditandangani pada 27 November 2023 di antara Datuk Bandar Ipoh, YBhg. Dato' Haji Rumaizi Baharin @ Md Daud mewakili Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), YBrs. Dr. Maisarah Ahmad mewakili Institut Darul Ridzuan dan Presiden Sunway YBrs. Professor Dr. Sibrandes Poppema bagi melancarkan pelaksanaannya.

2 Penyediaan Pelan Tindakan Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027

Pelaksanaan di Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dilaksanakan melalui tiga (3) peringkat. Peringkat pertama adalah peringkat pemahaman dan mendapatkan sokongan pelbagai peringkat. Tiga (3) sektor diberi fokus untuk pelaksanaan, iaitu Pengurusan Sisa Pepejal, Ekopelancongan, dan Kesihatan dan Kesejahteraan. Pihak SCPH melalui pembiayaan oleh Yayasan Hasanah serta kerjasama MBI dan IDR telah mengaturkan 2 bengkel dan 2 siri sesi *mentoring* berkaitan ketiga-tiga sektor. Sesi *Townhall* buat pemegang taruh utama juga telah diadakan pada bulan Februari 2024.

Peringkat kedua adalah peringkat penyediaan Pelan Tindakan Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027. Beberapa laporan dijadikan panduan termasuklah pelan Perak Sejahtera 2030, Rancangan Tempatan Ipoh 2035, Pelan Induk Perancangan Korporat MBI, Pelan Induk Ipoh *Smart Green City* dan kajian berkaitan indikator MurniNets. Perbincangan juga diadakan bersama dengan *Doughnut Economics Action Lab* (DEAL) yang berpusat di United Kingdom (UK) serta University of Freiburg di Germany bagi memantapkan pembangunan pelan ini. Pelan Tindakan Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027 kini di peringkat akhir penyediaan sebelum dibawa untuk kelulusan MBI.

Peringkat ketiga adalah merangka penambahbaikan projek-projek yang telah berjalan seperti *Urban Transformation Centre* (UTC), *Trash for Cash* Manjoi dan Tasik Cermin.

Indikator yang ditentukan dalam Pelan Tindakan akan dipatuhi bagi setiap projek dan program yang akan dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sekali gus memastikan kelestarian alam sekitar yang regeneratif demi kesejahteraan penduduk.

3 Hebahan Mengenai Ekonomi Donat di Persidangan Antarabangsa

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bukan sahaja mengetengahkan konsep ini di peringkat tempatan, malahan telah mengadakan pameran dan pembentangan di peringkat antarabangsa di mana Datuk Bandar Ipoh telah mewakili taklimat berkaitan di UN *Climate Change Conference* di Dubai, United Arab Emirates pada Disember 2023. Beliau juga dijadualkan untuk berkongsi mengenai Ekonomi Donat di London *Climate Action Week* pada 25 Jun 2024 ini.

Penyediaan Laporan Hala Tuju Matlamat Pembangunan Mampan Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) – '*Voluntary Local Review*' (VLR) Dan '*SDGs Roadmap*'

Pada 17 April 2024, Pihak MDTM dengan usaha sama pihak Urbanice Malaysia telah mengadakan satu sesi *Focus Group Discussion* (FGD) bagi penyediaan Laporan Hala Tuju Matlamat Pembangunan Mampan bagi Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) yang melibatkan agensi-agensi berkepentingan. Laporan ini disediakan bagi menyahut seruan kerajaan sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam *Rolling Plan* 4 (RP4), RMKe-12 di bawah Kementerian Ekonomi. Malaysia kini berada di Fasa 2 SDG (Tahun 2022-2025) di dalam penyediaan laporan VLR dan SDG *Cities Roadmap* sebagai sebahagian komitmen Malaysia dalam pelaksanaan Agenda Mampan 2030. Penyediaan laporan *Voluntary Local Review* (VLR) dan SDGs Roadmap ini akan membantu memastikan kesejahteraan sosial dalam kalangan penduduk yang lebih baik di daerah Muallim.

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Ahli TVET Perak Tengah

> **Majlis Perundingan TVET Perak Tengah telah ditubuhkan bagi mendukung dan memperkasa TVET di peringkat daerah**

Majlis TVET Perak ditubuhkan untuk menambah baik penyelarasan ekosistem TVET di negeri Perak bagi memastikan agenda nasional dapat dicapai. Pada 15 September 2023, Majlis Perundingan TVET Perak Tengah telah ditubuhkan bagi mendukung dan memperkasa TVET daerah ini. Penyerahan watikah kepada ahli Majlis TVET Perak Tengah telah dilaksanakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah. Keanggotaan Majlis Perundingan TVET Perak Tengah terdiri daripada YB EXCO Pendidikan, Pangajian Tinggi, Belia dan Sukan sebagai Penasihat, Pegawai Daerah sebagai Pengerusi dan ahli-ahli yang terdiri daripada 12 Institusi Pengajian di daerah Perak Tengah, Institut Darul Ridzuan (IDR), Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak (DOSM) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN).

Bandar Pintar Manjung 2030

Pelan Tindakan Khas Bandar Pintar Manjung 2030 menjadi *blueprint* Majlis Perbandaran Manjung (MPM) ke arah mencapai Bandar Pintar Manjung 2030

Selari dengan aspirasi merealisasikan Bandar Pintar Manjung menjelang tahun 2030, Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dalam proses menyediakan Pelan Tindakan Khas Bandar Pintar Manjung 2030 (PTBP).

Terdapat tujuh (7) komponen utama bandar pintar yang terdapat dalam Pelan Tindakan Khas Bandar Pintar Manjung 2030 (PTBP), iaitu *Smart Government, Smart Economy, Smart People, Smart Living, Smart Enviroment, Smart Mobility* dan *Smart Digital Infrastucture*. MPM telah menjalankan indikator yang terlibat dalam enam (6) komponen Bandar Pintar bagi tahap pertama penarafan Bandar Pintar, iaitu *City Early Adopter*.

Penambahbaikan Laporan Teknikal Pelan Tindakan Khas Bandar Pintar Manjung 2030 (PTBP) sedang dilaksanakan selepas *Focus Group Discussion* (FGD) ketiga yang dijalankan pada 26 Mac 2024. Usaha di peringkat awal ke arah Bandar Pintar telah mula dilaksanakan pada 2021 dengan pengenalan aplikasi myMANJUNG yang membawa slogan "Kaunter Digital Anda" untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga daerah Manjung tanpa perlu berurusan secara fizikal di kaunter Majlis Perbandaran Manjung.

Pelancaran Lesen Premis Digital MyPATIL Majlis Perbandaran Manjung merupakan aplikasi pertama di Malaysia yang berasaskan teknologi pintar *Internet of Things* (IoT) bagi menggantikan kaedah lesen konvensional dalam bentuk kertas dan papan lesen sedia ada di semua premis perniagaan berlesen di daerah Manjung.

Pemasangan peranti pintar myPATIL di premis-premis perniagaan telah bermula pada tahun 2021 melibatkan 7,000 premis perniagaan berlesen di daerah Manjung. Lesen ini memberi pelbagai manfaat kepada para peniaga dan juga PBT khususnya dalam aspek pemantauan dan penguatkuasaan perlesenan yang turut menyokong ke arah Bandar Pintar Manjung 2030.

Beberapa perkhidmatan ke arah Bandar Pintar ini juga telah dipraktikkan, antaranya *Smart Environment* iaitu *Smart Street Lighting Performance Management System* yang diletakkan di kawasan perindustrian Kampung Acheh, Kawasan Perindustrian Seri Manjung, Taman rekreasi Kampung Merbau, Air Tawar dan Laluan Utama Pantai Kulit Kerang.

Bagi indikator *Smart Mobility*, terdapat *Traffic Light Intelligent* yang dipasang di Jalan Gapis, Jalan Semarak Api, Jalan Pinang Raja, Jalan Dato' Yu Neh Huat dan Jalan Pinang Raja hingga Jalan Dato' Sri Kamaruddin. *Traffic Light Intelligent* ini dapat mengurangkan pengguna menunggu lama dengan adanya teknologi pintar yang digunakan bagi mengesan kenderaan yang berada di atas sensor untuk lampu trafik bertukar hijau.

Kini, MPM juga memfokuskan untuk memenuhi sepuluh inisiatif bandar pintar, *dashboard*, pelan tindakan bandar pintar, memperkasakan jawatankuasa dan unit bandar pintar untuk mencapai *Smart City Early Adopter* seawal November 2024.

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah

> **Pelan Induk Landskap (PIL) jadi dokumen perancangan dan pembangunan landskap daerah Tapah dalam tempoh 10 tahun**

Pelan Induk Landskap (PIL) merupakan satu dokumen perancangan dan pembangunan landskap untuk tempoh 10 tahun bagi sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pelan ini menggariskan cadangan projek landskap yang sesuai untuk pembangunan, strategi pembangunan, kaedah kawalan, garis panduan dan penyelenggaraan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pihak Jabatan Landskap Negara (JLN) telah melantik perunding Arkitek Landskap untuk menyediakan laporan Pelan Induk Landskap (PIL) yang terdiri daripada laporan awal, laporan teknikal, laporan konsep, draf laporan akhir dan Laporan Pelan Induk Landskap (PIL) yang komprehensif dalam tempoh 19 bulan. Tarikh mula Kajian Pelan Induk Landskap (PIL) Majlis Daerah Tapah bermula pada 14 Ogos 2023 dan akan siap pada 13 April 2025. Kini, status semasa kajian adalah di peringkat Laporan Teknikal yang bermula dari 12 Oktober 2023 hingga 13 April 2024.

Majlis Pelancaran Pelan Induk Landskap Ipoh 2023-2025 dan Pelan Induk Perancangan Pengurusan Lalu lintas dan Infrastruktur Majlis Bandaraya Ipoh Tahun 2023-2025

YB Sandrea Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Majlis Pelancaran Pelan Induk Landskap Ipoh 2023-2035 dan Pelan Induk Perancangan Pengurusan Lalu lintas dan Infrastruktur Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) 2023-2033, dua (2) dokumen penting yang bertepatan masa dan akan membantu Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dalam perancangan yang lebih lestari dan berkesan. Turut dilancarkan Aplikasi Ipoh *Go (Travel Smarter)*, Video Korporat MBI dan Video Pelancongan Ipoh sebagai langkah tambahan untuk menyokong kempen Tahun Melawat Perak 2024.



Mesyuarat Penyelarasan Bidang Kuasa Jabatan Veterinar dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Pengendalian Isu Anjing Terbiar dan Haiwan Rayau Negeri Perak

> **Satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan sebagai tindakan susulan bagi menyelaraskan isu-isu anjing terbiar dan haiwan rayau negeri Perak**

Kerajaan Negeri Perak sedar dan prihatin bahawa isu haiwan ternakan berkeliaran dan anjing terbiar sering ditimbulkan memandangkan ianya melibatkan isu keselamatan dan kesejahteraan komuniti. Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan bagi menemukan penyelesaian yang menyeluruh. Satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan di bawah Portfolio Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan, YB Dato' Haji Zolkafly Harun bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak, Bahagian Kerajaan Tempatan dan kesemua 15 PBT Negeri Perak pada 9 Januari 2024.

Mesyuarat ini diadakan untuk menyelaraskan bidang kuasa masing-masing agar dapat menangani isu haiwan berkeliaran dengan lebih berkesan. Perbincangan juga fokus kepada usaha pemerkasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 bagi memastikan para penternak dan pemilik haiwan peliharaan mengambil tanggungjawab sepenuhnya.

Melalui perbincangan yang diadakan, satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan sebagai tindakan susulan bagi menyelaraskan isu-isu berkaitan, di samping merancang pelbagai usaha pencegahan dan penguatkuasaan.

Lawatan Kerja Kerajaan Negeri Perak ke Bandaraya Fukuoka, Jepun

Fukuoka telah menjalinkan hubungan Bandaraya Berkembar dengan Ipoh sejak tahun 1989. Dengan hubungan erat selama 34 tahun ini, Kerajaan Negeri Perak berhasrat untuk terus memperkukuh hubungan ini, seterusnya memperluaskan kerjasama di antara kerajaan mahupun sektor swasta.

> **“Perancangan bandar, kemudahan mesra masyarakat menua, bandar pintar, perhubungan awam, dasar perumahan menjadi topik perbincangan Lawatan Kerja Kerajaan Negeri ke Bandaraya Fukuoka, Jepun”**

Pada 15 hingga 21 Oktober 2023, YB Sandrea Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengetuai rombongan delegasi Kerajaan Negeri Perak bagi mengadakan lawatan kerja ke Bandaraya Fukuoka, Jepun.

Ketibaan delegasi negeri Perak telah disambut oleh Timbalan Datuk Bandar Fukuoka, YBhg. Eiichi Nakamura. Melalui pertemuan tersebut, kedua-dua pihak juga menyatakan kesediaan untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Sesi perbincangan dan perkongsian antara dua pihak merangkumi isu dan topik seperti perancangan bandar, kemudahan mesra masyarakat menua, bandar pintar, perhubungan awam, dasar perumahan dan sebagainya. Antara inisiatif menarik yang dikongsikan oleh Timbalan Datuk Bandar Fukuoka ialah kempen "Fukuoka 100", iaitu inisiaitif Majlis Bandaraya Fukuoka bagi membolehkan golongan warga emas menua dan hidup dalam keadaan yang selamat, sejahtera dan bermaruah.

Lawatan Kerja Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) ke Haikou, China

> **Kesesuaian penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) di Perak menjadi topik utama perbincangan Lawatan Kerja LPHP ke Haikou, China**

Dalam usaha menggerakkan pembinaan lebih banyak rumah mampu milik, Kerajaan Negeri Perak sentiasa mengkaji teknologi dan kaedah yang bersesuaian bagi mengatasi isu seperti peningkatan kos bahan pembinaan dan isu tenaga pekerja.

Pada 21 hingga 24 Januari 2024, YB Sandrea Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perak bersama dengan rombongan Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak telah melawat ke Hainan, China bagi mengkaji pengaplikasian Sistem Binaan Berindustri (IBS) secara besar-besaran yang memanfaatkan sektor perumahan di sana.

Delegasi ini telah melawat ke kilang penghasilan komponen Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan inap desa yang telah dibina dengan teknik pasang siap ini, di samping dapat melihat sendiri bagaimana Sistem Binaan Berindustri (IBS) membantu menjimatkan kos, tenaga dan masa bagi sesuatu projek perumahan.

Kesesuaian untuk menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) secara besar-besaran di negeri Perak menjadi topik utama perbincangan dalam usaha melaksanakan lebih banyak rumah mampu milik.



LAPORAN KEMAJUAN TAHUN KEDUA PERAK SEJAHTERA 2030

2030
PERAK
SEJAHTERA

YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Kewangan, Keselamatan, Tanah, Sumber Asli, Perancangan Ekonomi dan GLC

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- Belanjawan Perak 2024 berjumlah RM1.35 bilion, tertinggi dalam sejarah dengan anggaran perbelanjaan mengurus sebanyak RM856 juta dan pembangunan RM491 juta.
- Perak merekodkan kutipan hasil negeri berjumlah RM1.21 bilion yang merupakan angka tertinggi pernah direkodkan dalam sejarah.
- Kutipan royalti bahan mineral di negeri Perak telah mencapai sebanyak RM101,532,294.32 dan meningkat kepada RM129,496,825.21 pada tahun 2023.
- Perak jana royalti hampir RM29.73 juta dengan 7,758.794 metrik tan *Rare Earth Carbonate* (REC) dihantar ke negara China.
- Mempengerusikan mesyuarat *6th IMT-GT Green Council (GC) Meeting*.
- Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) berjaya merekodkan pendapatan hampir RM800 juta dan telah menyumbang sehingga RM55.33 juta kepada Kerajaan Negeri.
- Anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC), SBH Marine Holdings Bhd (SBH Marine) disenaraikan di Bursa Malaysia.
- Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.) merekodkan keuntungan sebelum cukai 2023 mencecah RM18.75 juta dan berjaya merangkul pemegang Lesen Terbaik Bahan Radioaktif.
- Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Wasiat Orang Islam 2023.
- Mengetuai lawatan kerja ke Sarawak, Sabah, Finland, Norway, Thailand, China, Indonesia, Arab Saudi, Korea dan Jepun.

- Penyerahan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Tambun kepada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) siap dibina dan mula beroperasi pada Mei 2024.
- Memperoleh peruntukan tambahan dari Kerajaan Persekutuan sebanyak RM30 juta bagi projek menaik taraf Jalan Raya Timur-Barat yang menghubungkan Gerik-Jeli.
- Meningkatkan keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) kepada 988,700.88 hektar sehingga November 2023.
- Menambah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) sebanyak 2,409.28 hektar membabitkan tanah-tanah kerajaan bernilai tinggi dan berpotensi dimajukan.
- Penganjuran 10 siri Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2023.
- Penganjuran Karnival Agropelancongan Perak 2024 (PAC 2024) dengan penglibatan 20,000 pengunjung dan 100 usahawan.
- 903 orang murid menerima Biasiswa YAB Menteri Besar.

YB DATO' MOHD ZOLKAFLY BIN HARUN

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- Sebanyak RM1.4 bilion peruntukan telah disalurkan bagi menaik taraf 39 perkampungan Orang Asli termasuk kerja-kerja menaik taraf hampir 100 km jalan raya, 20 jambatan dan 1,100 Ketua Isi Rumah yang mendapat penyambungan talian bekalan voltan rendah serta baik pulih atau bina baharu rumah.

- 11 unit Program Bantuan Rumah Orang Asli (PBROA) bina baru, 52 unit PBROA dibaik pulih, 9 lokasi balai rawatan, bangunan transit yang merangkumi pelbagai perkampungan Orang Asli telah disiapkan dengan peruntukan RM 10.6 juta.

- Melahirkan 300 usahawan, 71 pemantauan dan juga 16 penerima Bantuan Rezeki Tani hasil daripada 6 program.

- Menjalankan 13 program pembangunan pertanian yang telah memberi manfaat kepada 1,500 orang penerima dengan nilai bantuan melebihi RM6.8 juta.

- 400 siri kursus telah dijalankan melibatkan 7,300 orang peserta yang telah menjana pendapatan lebih daripada RM29.26 juta dengan peruntukan melebihi RM8.7 juta.

- Penganjuran 10 program peningkatan hasil perikanan, nelayan dan pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem dengan penglibatan 200,000 orang peserta dan menarik hampir 200,000 orang pengunjung dengan peruntukan melebihi RM4.5 juta.

- 7 program telah dilaksanakan di bawah inisiatif keterjaminan makanan melibatkan 2,000 orang peserta dengan peruntukan sepanjang tahun melebihi RM2.2 juta.

- RM9.3 juta peruntukan telah disalurkan melibatkan 100 orang peserta untuk meningkatkan penggunaan getah asli domestik di samping penggunaan *Cuplumb Modified Bitumen* (CMB) untuk penyelenggaraan jalan.

- Menjalankan projek Pengeluaran Hasil Koko (RPHK) yang melibatkan 12 orang peserta di daerah Kuala Kangsar berkeluasan 10 hektar dengan nilai peruntukan melebihi RM240,000.00.

- Melaksanakan program/projek/inisiatif penanaman nanas dengan melibatkan 239 peserta dan penerima bantuan dengan peruntukan melebihi RM1.3 juta.

- Penganjuran 7 program inisiatif pertanian yang melibatkan 800 peserta, 70 penerima geran, 2,000 usahawan, dan hampir 1 juta pengunjung dengan peruntukan melebihi RM21.95 juta dan menjana pendapatan dan jualan melebihi RM21.4 juta.

- Penganjuran program jualan yang disertai hampir 390 usahawan dengan penjanaan pendapatan hampir RM1.8 juta.

YB DATO' SERI IR HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- Pembaikan Loji Rawatan Kumbahan (LRK) dengan peruntukan RM1.5 juta.
- Pemberian rebat produk cekap air melalui platform e-dagang *Shopee* dengan peruntukan RM100,000.00.
- Meluaskan rangkaian Bas Perak Sejahtera ke Kamunting, Manjung dan Sungai Siput yang telah memberi manfaat kepada 140,000 rakyat.
- Melaksanakan Projek Pengukuhan Sistem Talian Penghantaran GRID TNB dan Pencawang Utama merangkumi PMU 132kv dan 275kv di seluruh negeri.
- Penganjuran program-program keselamatan jalan raya dan pemberian petrol percuma kepada 800 kenderaan sempena sambutan perayaan.
- Menaik taraf dan menyelesaikan isu-isu berkaitan jalan raya, lampu dan lain-lain infrastruktur bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi terlibat.
- Memastikan kesiapsiagaan agensi-agensi dalam menghadapi banjir.
- Merangka pembangunan Manjung *Smart City* yang bakal menjadi tumpuan di negeri Perak.
- Melancarkan projek Wakaf Air NRECC yang telah memberi manfaat kepada 380 penduduk.
- Mengadakan taklimat *Smart Meter* Tenaga Nasional Berhad.



YB TUAN SIVANESAN A/L ACHALINGAM

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- Penganjuran 10 karnival kerjaya dan 20 program temuduga Moh Kroje diadakan telah membantu 733 pencari kerja.
- Pelaksanaan 165 kursus latihan jangka pendek melibatkan 2,934 peserta terdiri daripada OKU, orang asli, dan anak yatim. Di bawah inisiatif ini, 838 peserta telah ditawarkan pekerjaan.
- 43 graduan telah mengikuti program Perak *Employability Training Scheme* (PERINTIS) selama 6 bulan.
- 317 Jelajah Kerjaya Kampus (JEJAK) telah diadakan dengan penglibatan 27,813 anak Perak dan seramai 1,614 individu telah mendapat pekerjaan.
- Pemberian geran rukun tetangga kepada 555 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang aktif di seluruh negeri.
- Menganjurkan program-program memupuk semangat patriotik antaranya Program Kibar Jalur Gemilang dan Konvoi Kemerdekaan.
- Pelbagai program kesihatan bagi membentuk rakyat sihat sejahtera telah diadakan antaranya program kesukanan, perkhidmatan kesihatan, bantuan makanan sihat dan bekalan mesin *autoclave*.

YB TUAN LOH SZE YEE

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- RM1.3 bilion pelaburan telah diluluskan, dengan peningkatan 550% pada suku pertama tahun 2023.
- 192 projek dengan 1,246 peluang pekerjaan dan pelaburan sebanyak RM4.2 bilion yang diluluskan dari Januari hingga Mac 2023.
- Perak menerima pelaburan membangunkan *Automotive High-Technology Valley* (AHTV) bernilai RM40 bilion di Tanjong Malim.
- Lumut *Maritime Industrial City* (LuMIC) menjana pelaburan RM72 bilion dengan 51,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 25 tahun.
- Menarik pelaburan awal RM100 juta bagi pengeluaran dan pemprosesan bahan mineral di kawasan *Silver Valley Technology Park* (SVTP).
- Pembinaan Kilang XP Power yang melibatkan pelaburan hampir RM300 juta di daerah Perak Tengah.
- Pelbagai projek infrastruktur pelancongan telah dijalankan dan sedang giat disiapkan melibatkan peruntukan RM16.91 juta melalui 80 projek.

YB DATO' SALBIAH BINTI MOHAMED

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- RM2.2 juta peruntukan telah disalurkan bagi pelaksanaan 6 program pengupayaan wanita yang telah memberi manfaat kepada 6,576 wanita.
- 15,838 penerima Kad Perak Prihatin dan Kad Makanan membabitkan peruntukan melebihi RM24.7 juta.
- Menganjurkan Bantuan Meriah Beraya Sejahtera yang telah memberi manfaat kepada 9,000 orang dengan peruntukan melebihi RM1.5 juta.
- Menubuhkan Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya (MTOP).
- Bantuan kewangan negeri di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memberi manfaat kepada 6,600 penerima dengan peruntukan sebanyak RM34.12 juta.
- 345 Ketua Isi Rumah telah menerima Bantuan Pemulihan Bencana dengan peruntukan RM200,000.00.
- 44 Pertubuhan Sukarela Kebajikan dan 24,000 orang telah menerima bantuan kewangan melibatkan peruntukan RM1 juta.
- 37 Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dan 925 pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) telah menerima bantuan kewangan berbentuk geran tahunan dengan peruntukan RM500,000.00 bagi pelaksanaan program dan kursus berkaitan pemulihan OKU di PPDK.
- Pelaksanaan 100 program bimbingan keusahawanan melibatkan 32,843 usahawan dengan peruntukan RM1.2 juta.
- 88,145 usahawan telah mendaftar perniagaan di Sistem Pangkalan Data Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Negeri Perak.

- Penganjuran program Jelajah Hari Usahawan dan Koperasi Negeri Perak meliputi 10 daerah dengan peruntukan RM180,000.00 dan telah menjana jualan melebihi RM2.5 juta.

- 443 usahawan menerima bantuan berbentuk kewangan dan bukan kewangan melibatkan peruntukan sebanyak RM900,000.00.

- Penganjuran 6 program pembangunan perniagaan koperasi melibatkan 1,130 penerima dan lebih 20 koperasi dengan peruntukan RM33.8 juta.

- Penganjuran program Promosi dan Pengembangan Koperasi melibatkan 360 peserta dan 40 koperasi telah menjana pendapatan sebanyak RM750,000.00.

YB TUAN TEH KOK LIM

Pengerusi Jawatankuasa
Sains, Alam Sekitar dan
Teknologi Hijau

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- Penanaman 6.9 juta pokok dengan keluasan 16,260 hektar di seluruh negeri bagi memperkasakan Agenda Program Penghijauan Malaysia.

- 151 siri operasi, penguatkuasaan dan kempen telah dilaksanakan bagi mengekalkan ekosistem dan konservasi haiwan serta meningkatkan kesedaran dan membendung konflik manusia dengan hidupan liar.

- Menjalankan tindakan penguatkuasaan di seluruh negeri Perak melibatkan 1,878 pemeriksaan kilang, 2,417 pemeriksaan berkala, 929 arahan di lapangan, 322 notis arahan, 173 kompaun dikeluarkan, 22 penahanan operasi kelengkapan sitaan serta 18 kertas siasatan telah dibuka.

- 9 acara tahunan telah dipertandingkan di Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak yang melibatkan seluruh PDT dan PBT di negeri Perak termasuk Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) .

- Taman Negeri Royal Belum menerima akreditasi berprestij Pemuliharaan Terjamin Standard Harimau sebagai pengiktirafan atas usaha dan komitmen pemuliharaan harimau yang cemerlang menerusi kerjasama dengan Tabung Alam Sedunia (WWF).

YB PUAN SANDREA NG SHY CHING

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- 766 keluarga telah menerima rumah pertama melalui Program Rumah Perakku.
- Memperkenalkan Skim Sewaan Perak Sejahtera (SSPS) untuk menyediakan kadar sewa yang lebih murah daripada pasaran.
- Memperkasa Dasar Perumahan Perak bagi memastikan pembangunan menyeluruh tanpa ada yang tersisih.
- 959,000 orang pengguna aplikasi *Park@Perak* dengan pembelian kredit melebihi RM59 juta dan penggunaan kredit sebanyak RM45.45 juta.
- Negeri pertama melaksanakan inisiatif pendigitalan perniagaan (myPATIL) yang kini dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Kutipan RM24,268.20 caj beg plastik sempena program *No Single-Use Plastic*.
- Penyelesaian 97% aduan melalui Hari Bertemu Pelanggan.
- Pewartaan Enakmen Hotel 2023 sebagai salah satu kaedah kawalan bagi meningkatkan kualiti hotel dan tempat bermalam untuk kepentingan pelancong luar dan dalam negara.
- Menganjurkan Kolokium Kerajaan Tempatan Negeri Perak yang melibatkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ADUN dan seluruh Ahli Majlis.



YB TUAN KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- 4,100 pelajar SPM daripada 196 buah sekolah menerima tuisyen *online* percuma.
- 29,314 calon peperiksaan awam SPM, SPVM, SPTM dan STAM daripada 238 buah sekolah menikmati Program Bantuan Makanan Percuma.
- 3,000 penerima Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak (TASPEN).
- 20,000 murid mendapat bantuan Kit Kesihatan Pergigian.
- 3,453 mahasiswa menerima Bantuan Sara Diri dan Kecemasan Mahasiswa.
- 8,260 mahasiswa menerima bantuan *one-off* di bawah Insentif Siswa Yayasan Perak Dalam Negara dan Luar Negara.
- 36 persatuan belia menerima manfaat di bawah program Pemerkasaan Anak Muda.
- 60 buah persatuan dan kelab sukan mendapat manfaat di bawah Program Sukan dan Sukan OKU.
- Pelantikan 61 orang pewakilan Dewan Belia Negeri Perak terdiri daripada 59 DUN dan 2 orang lantikan khas dari golongan OKU dan orang asli.
- Memperkenalkan Dasar Sukan OKU yang pertama diperkenal di Malaysia.
- Mewujudkan Pusat Latihan *e-Sport* Negeri Perak
- Menganjurkan pelbagai program bagi meraikan dan mendengar suara anak muda seperti KAMU 2023, PortFest 2023, Ipoh *International Art Festival* dan lain-lain lagi.

YB TUAN MOHD AZLAN HELMI BIN HELMI

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- 336,702 premis telah disiapkan, menjadikan negeri Perak mempunyai 622,708 Premis dengan capaian gentian optik di bawah inisiatif JENDELA.
- 108 menara telekomunikasi baharu disiapkan meningkatkan capaian liputan mudah alih 4G kepada 97.40%.
- Mewujudkan 19 buah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI).
- 460 tapak siap dilaksanakan menjadikan 78.9% capaian liputan 5G di Perak.
- Membangunkan Pelan Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Negeri Perak 2023-2030.
- Melancarkan Program Jelajah YB Azlan bagi meninjau isu-isu telekomunikasi.

YB TUAN WOO KAH LEONG

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina

KAD LAPORAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK

- 508 Program Jualan Rahmah telah dijalankan di seluruh negeri Perak.
- 186 pengusaha makanan menyertai Program Menu Rahmah.
- 71,729 pemeriksaan kawalan harga barangan, 98% aduan diselesaikan.
- RM2 juta telah memanfaatkan 132 penerima untuk Pembangunan Kampung Baru Cina.
- Menyalurkan peruntukan kepada entiti bukan Islam negeri Perak.
- Program turun padang secara berkala ke setiap Kampung Baru Cina di Perak.

"Mudah-mudahan, kita semua diberikan kekuatan, dibulatkan keazaman dan dikurniakan kebijaksanaan sebagai pemegang amanah urusan Kerajaan, untuk membawa Perak merangkul lembaran demi lembaran kejayaan. Sebesar atau sekecil mana pun peranan kita, ia tetap memberi makna kepada setiap usaha kita dalam memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat."

*Majlis *Executive Talk* dan Perutusan Tahun Baru 2024

YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan



e ISBN 978-967-0165-17-2